LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

LAPORAN TAHUNAN

2023

“ Merealisasikan Harapan Rakyat “

LAPORAN TAHUNAN 2023
LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG

LUAR BANDAR SEJAHTERA

Untuk menjadi yang terbaik, lonjakkan usaha mengatasi kebiasaan.
Kita mesti sedia menjadi luar biasa!



YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KANDUNGAN

01	1. **PERUTUSAN PENGERUSI**
04	2. **ALUAN PENGURUS BESAR**
	3. **PROFIL KORPORAT**
08	3.1 Lembaga Pengarah
11	3.2 Pengurusan Atasan
12	3.3 Pengurus-Pengurus Bahagian dan Ketua-Ketua Unit
13	3.4 Jawatankuasa Audit PERDA
14	3.5 Alamat PERDA (Ibu Pejabat dan Cawangan)
	4. **LATAR BELAKANG ORGANISASI**
16	4.1 Penubuhan PERDA - Objektif, Fungsi, Misi dan Visi
17	4.2 Kawasan Operasi PERDA
20	4.3 Piagam Pelanggan
	5. **LAPORAN KHIDMAT PENGURUSAN**
22	5.1 Pengurusan Perjawatan
23	5.2 Pengurusan Latihan
24	5.3 Pengiktirafan dan Kualiti
25	5.4 Pengauditan Dalaman
25	5.5 Aduan Awam
26	5.5 Infrastruktur ICT
	6. **LAPORAN PRESTASI KEWANGAN**
30	6.1 Peruntukan Mengurus
31	6.2 Peruntukan Pembangunan
34	6.3 Analisis Prestasi Kewangan Lima Tahun (2019-2023)

7. LAPORAN PRESTASI PROGRAM/ PROJEK PEMBANGUNAN

36 7.1 Pembinaan Blok Pengajian di PERDA-TECH

37 7.2 Program Perumahan Kesejahteraan Rakyat (PPKR) Tok Alang, Tasek Gelugor

38 7.3 Projek Naik Taraf Premis Perniagaan PERDA

39 7.4 Pembangunan Pusat Aktiviti Sosial dan Komersial Sungai Rusa, Balik Pulau

40 7.5 Pembinaan Gerai di Pusat Pertumbuhan Desa Sungai Acheh, Nibong Tebal

41 7.6 Projek Naik Taraf Kemudahan Fasiliti di PERDA TECH

42 7.7 Projek Pembangunan Semula Gerai dan Dewan PERDA

43 7.8 Program Bank Tanah Bagi Pembangunan Perumahan PERDA

43 7.9 Projek Pembangunan Semula Dewan Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau

44 7.10 Projek Pembangunan Perumahan Mampu Milik Fasa 2 dan Fasa 3 Taman Sungai Bakap Perdana, Nibong Tebal

45 7.11 Projek Pembinaan Premis Perniagaan di Tasek Maju, Simpang Ampat, Nibong Tebal

46 7.12 Projek Pembinaan Kemudahan Penginapan Pelajar di PERDA-TECH

47 7.13 Projek Naik Taraf Pusat Pengembangan Ekonomi Setempat PERDA

48 7.14 Membina Baru Premis Industri Kecil dan Sederhana (IKS), Tasek Gelugor

49 7.15 Penggantian 14 Lot Kedai Permatang Buloh

50 7.16 Program Sokongan dan Pemerkasaan Usahawan PERDA (SPEAR)

55 7.17 Program Bina Daya Insan @ PERDA

58 7.18 Program Luar Bandar Cerdik STEM

62 7.19 Pembangunan Integrasi Digital Sistem Maklumat PERDA

63 7.20 *Technical And Vocational Education And Training* (TVET) @ PERDA-TECH

69 7.21 Program TVET Sukses Asas Teknikal (SAKTI) @ PERDA-TECH

8. **LAPORAN ANAK SYARIKAT – PERDA *VENTURES INCORPORATED* SDN. BHD. (PVISB)**

74 8.1 Lembaga Pengarah PVISB

8.2 Pembangunan Perumahan dan Pengurusan Hartanah

76 8.2.1 Taman Desa Ara Permai Fasa 2

77 8.2.2 Taman Ara Jaya

78 8.2.3 Taman Ara Suria

79 8.2.4 Sewaan Kedai Pejabat

80 8.2.5 Program *Rent to Own* (RTO) Taman Desa Ara

8.3 Agro Industri

80 8.3.1 Pengurusan Kelapa Sawit

81 8.3.2 PERDA *Veggie Park*

82 8.4 Kompleks Pengurusan *MIDTOWN* PERDA

83 8.5 Perkhidmatan Pembersihan dan Penyelenggaraan

9. **LAPORAN PENILAIAN *OUTCOME***

86 9.1 Projek Peningkatan Akademik B40@PERDA

88 9.2 Projek Naik Taraf Infrastruktur Kawasan Perumahan Kos Terendah PERDA

90 9.3 Projek Ameniti Sosial (PAMS) Pembaikan dan Penyelenggaraan Dewan

92 9.4 Projek PERDA *Food Park* IKS Kubang Menerong

94 9.5 EXPO PERDA (EXPERT 2023)

97 10. **DIARI KORPORAT TAHUN 2023**

115 11. **LIPUTAN MEDIA TAHUN 2023**

125 12. **PENYATA KEWANGAN PERDA** (Berakhir 31 Disember 2023)

JADUAL

10	1	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah PERDA Tahun 2023
13	2	Keanggotaan Jawatankuasa Audit PERDA
22	3	Kedudukan Perjawatan PERDA sehingga 31 Disember 2023
24	4	Pengiktirafan yang dicapai oleh PERDA pada Tahun 2023
25	5	Senarai Laporan Pengauditan Dalaman
26	6	Senarai Aduan Awam
27	7	Perisian-perisian yang digunakan di PERDA dan di PERDA-TECH
28	8	Senarai Sistem Aplikasi *Online* dan Elektronik yang dibangunkan oleh PERDA
30	9	Prestasi Perbelanjaan Mengurus Sehingga 31 Disember 2023
31	10	Prestasi Perbelanjaan Projek Fizikal dan Bukan Fizikal Menggunakan Geran Pembangunan
32	11	Prestasi Perbelanjaan Projek Menggunakan Peruntukan Sumber Dalaman Sehingga 31 Disember 2023
33	12	Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Wang Amanah Sehingga 31 Disember 2023
51	13	Komponen Utama PREP dan Skop Bidang Mentor
52	14	Aktiviti-aktiviti PREP Sepanjang Tahun 2023
53	15	Senarai Program *Business Transformation Training* (B2T) Tahun 2023
54	16	Senarai Aktiviti *"Rural Product Commercialization"* (RPC) Tahun 2023
62	17	Pembangunan Sistem Aplikasi Tahun 2023
82	18	Jumlah Keseluruhan Sewa Dewan dan Bilik Seminar
82	19	Keuntungan dari Aktiviti Pusat Perniagaan *MIDTOWN* PERDA Tahun 2023
83	20	Senarai Pembersihan dan Penyelenggaraan Tahun 2023

RAJAH

17	1	Kawasan Operasi PERDA
18	2	Susunan Kedudukan PERDA di Bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)
19	3	Struktur Organisasi PERDA
23	4	Pematuhan Menghadiri Latihan Untuk Anggota Kerja Tetap dan Anggota Kontrak PERDA Tahun 2023
30	5	Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Bagi Tahun 2022 dan Tahun 2023
33	6	Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Sumber Dalaman Bagi Tahun 2022 dan Tahun 2023
33	7	Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Wang Amanah Bagi Tahun 2022 dan Tahun 2023
34	8	Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Mengurus Tahun 2019 Sehingga 2023
34	9	Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Tahun 2019 Sehingga Tahun 2023
76	10	Status pembangunan projek Taman Desa Ara Permai Fasa 2 sehingga 31 Disember 2023
77	11	Status pembangunan projek Taman Ara Jaya sehingga 31 Disember 2023
78	12	Status pembangunan projek Taman Ara Suria sehingga 31 Disember 2023



1

PERUTUSAN PENGERUSI



PERUTUSAN PENGERUSI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam Malaysia Madani.

Syukur ke hadrat Allah SWT dengan limpah kurnia-Nya, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) telah melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan baik sepanjang tahun 2023 yang diterjemahkan dalam buku Laporan Tahunan PERDA ini. Peranan dan kecemerlangan perkhidmatan warga PERDA amat dituntut supaya kita dapat membentuk pasukan kerja yang mantap, menitikberatkan ilmu pengetahuan, adab dan budaya serta semangat cinta akan negara seiring dengan konsep Malaysia MADANI. Konsep *The G.R.E.A.T Civil Service* cetusan Ketua Setiausaha Negara perlu sentiasa didukung. Akronim G.R.E.A.T yang membawa maksud *good governance* (tadbir urus baik), *responsible* (bertanggungjawab), *empathy* (ihsan), *accountable* (kebertanggungjawaban) dan *tenacity of purpose* (fokus kepada matlamat) perlu dihayati oleh seluruh warga PERDA tanpa mengira jawatan.

Sepanjang tahun 2023, PERDA telah mencapai prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan yang cemerlang iaitu sebanyak 100%. Pada tahun 2023, PERDA menerima peruntukan berjumlah RM54,327,900.00 (pembangunan dan mengurus). Ini merupakan tanggungjawab kepada PERDA bagi mengekalkan peranan dan bakti terhadap masyarakat Bumiputera Pulau Pinang dalam kawasan operasi PERDA dengan merencanakan strategi pembangunan yang tepat serta relevan dengan pembangunan pesat di Pulau Pinang.

Bagi meneruskan mandat, PERDA melalui Pelan Strategik PERDA (PSP) 2021-2025 merangkumi dimensi baharu, teras, strategi dan keberhasilan *(outcome)* program dengan mengambil kira cabaran ekonomi dan senario politik semasa negara. Hala tuju strategik ini memfokuskan kepada penciptaan ekosistem yang kondusif dan holistik dengan memberi penekanan kepada lima teras utama iaitu infrastruktur asas dan perumahan, modal insan, ekonomi, keusahawanan dan sistem penyampaian. PSP PERDA ini dirangka selari dengan hala tuju strategik Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Warga kerja PERDA merupakan jentera penggerak yang siap siaga menggalas amanah dalam memastikan dasar serta inisiatif Kerajaan sampai hingga peringkat akar umbi untuk manfaat masyarakat khususnya di Pulau Pinang.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority



PERDA sentiasa menambah baik perancangan dan pemantauan kerja oleh warga bagi terus kekal cemerlang. Penambahbaikan ini turut melibatkan elemen pengurusan sumber manusia, peningkatan imej agensi dan perkhidmatan pelanggan. Saya bagi pihak Lembaga Pengarah PERDA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga kerja terutamanya Pengurusan PERDA atas sumbangan, kebijaksanaan dan komitmen sepanjang tahun bagi memastikan PERDA terus relevan serta memastikan hala tuju yang diambil memperolehi hasil yang cemerlang.

Akhir kata, saya dan semua Ahli Lembaga Pengarah PERDA berharap dan mendoakan agar PERDA kekal memartabatkan Bumiputera dan rakyat Pulau Pinang. Marilah sama-sama mendukung dan menyokong aspirasi Kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara. Semoga dengan komitmen dan kesungguhan semua, PERDA akan dapat mengekalkan statusnya sebagai agensi yang paling dekat di hati masyarakat Bumiputera dan rakyat Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.

Dato' Ir. Dr. Shaik Hussein Mydin
Pengerusi
Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)

ALUAN PENGURUS BESAR



LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

ALUAN PENGURUS BESAR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam Luar Bandar Sejahtera.

Alhamdulillah syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat-Nya, kita telah berjaya melaksanakan tugasan dan tanggungjawab di sepanjang tahun 2023 walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan rintangan. Sekalung tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua warga kerja PERDA, pemegang taruh dan rakan strategik. Lantaran itu, naskah Laporan Tahunan 2023 ini diterbitkan untuk memberi pencerahan secara telus pencapaian PERDA sepanjang tahun 2023.

PERDA terus komited melaksana pelbagai inisiatif baharu dengan pendekatan yang berinovatif bagi terus memperkasa Bumiputera Pulau Pinang dalam kawasan operasi PERDA melalui kredibiliti serta komitmen penuh warga kerja PERDA. PERDA terus relevan dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan terus komited memperkasa dan meningkatkan taraf kedudukan bumiputera melalui pembangunan perumahan dan kemudahan sosial, ekonomi, kemahiran, modal insan serta pelaburan.

Kecemerlangan PERDA digerakkan dengan kekuatan seramai 241 orang warga kerja, iaitu dengan 97.17% pengisian perjawatan, yang berperanan melaksanakan aktiviti yang mempunyai nilai tambah yang tinggi serta lebih inklusif bagi meningkatkan daya saing Bumiputera Pulau Pinang khususnya di kawasan operasi PERDA.

PERDA berjaya mengurus peruntukan tahun 2023 sebanyak RM54,327,900.00 dengan agihan RM34,327,900.00 bagi perbelanjaan pembangunan yang merangkumi 15 projek fizikal dan 6 projek bukan fizikal serta RM20,000,000.00 bagi perbelanjaan mengurus.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority



Peruntukan yang telah disalurkan kepada PERDA merupakan satu tanggungjawab dan amanah yang besar demi memastikan peruntukan ini dibelanjakan dengan berhemah bagi menjamin kemajuan kawasan operasi PERDA dari semasa ke semasa. Sepanjang tahun laporan, PERDA terus menjalin hubungan kerja yang rapat dan erat dengan pelbagai pihak, baik secara fizikal mahupun secara maya serta memberikan komitmen sepenuhnya terhadap program-program yang dilaksanakan.

Saya berasa bangga untuk menyatakan bahawa PERDA telah melakukan yang terbaik sepanjang tahun 2023 walaupun terdapat pelbagai cabaran yang perlu ditempuhi. Namun, kita tidak mungkin dapat menyempurnakan apa yang kita laksanakan tanpa sokongan dan kerjasama daripada semua pihak.

Akhir kata, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada barisan Sidang Pengarang yang penuh iltizam dan fokus dalam menghasilkan Laporan Tahunan 2023 ini. Saya menyeru kepada diri sendiri dan semua agar kita bulatkan tekad dan semangat dengan menzahirkan komitmen bagi memberikan perkhidmatan yang cepat, tepat dan berkualiti demi kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Asri Baharum
Pengurus Besar
Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)

PROFIL KORPORAT



LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

3.1 LEMBAGA PENGARAH

Ahli Lembaga Pengarah PERDA Tahun 2023

Pengerusi

DATO IR. DR. SHAIK HUSSEIN MYDIN

15 FEBRUARI 2023 – 31 DISEMBER 2023

Timbalan Pengerusi

DATO' HAJI RASHIDI ZINOL

15 JUN 2023 – 31 DISEMBER 2023



LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

Ahli Lembaga Pengarah PERDA Tahun 2023



PENGERUSI

DATO' IR. DR. SHAIK HUSSEIN MYDIN

15 FEBRUARI 2023 – 31 DISEMBER 2023



TIMBALAN PENGERUSI

DATO' HAJI RASHIDI ZINOL

15 JUN 2023 – 31 DISEMBER 2023



PENGURUS BESAR PERDA

DATO' HAJI MOHD ASRI BAHARUM

1 JANUARI 2023 - 31 DISEMBER 2023



WAKIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. DATIN ROSNI MOHD YUSOFF
   1 Januari 2023 -31 Julai 2023
2. MOHD KAMAL HUSIN
   1 Januari 2023 - 31 Oktober 2023
3. ACHMED BADARUDDIN MOHAMAD YATIM
   15 Oktober 2020 - 31 Disember 2023
4. DATUK MAS RIZAL MOHD HILMI
   1 November 2023 - 31 Disember 2023
5. AZIZE TAIB
   1 Ogos 2023 - 31 Disember 2023

WAKIL KERAJAAN NEGERI

1. DATO' HAJI ZULKIFLI LONG
   1 Januari 2023 - 31 Disember 2023
2. DATO' HAJI ROSLI ISA
   15 November 2023 - 31 Disember 2023
3. DATO' TPr. ROZITA HAMIT
   15 Januari 2023 - 31 Disember 2023

WAKIL BERKEDUDUKAN PROFESIONAL

1. DATO' HAJI RASHIDI ZINOL
   15 Jun 2023 - 31 Disember 2023
2. DATO' HAJI OMAR HAJI ABD HAMID
   15 Jun 2023 - 31 Disember 2023
3. MOHD HILMI ELIAS
   15 Jun 2023 - 31 Disember 2023

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

Jadual 1 : Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah PERDA Tahun 2023

BIL	JAWATAN	BIL. 1/2023	BIL. 2/2023	BIL. 3/2023	BIL. 4/2023	BIL. 5/2023	BIL. 6/2023	JUMLAH HADIR
1	DATO' IR. DR. SHAIK HUSSEIN MYDIN	√	√	√	√	√	√	6/6
2	MOHD KAMAL HUSIN	√	√	x	√			3/4
3	DATUK MAS RIZAL MOHD HILMI					√	√	2/2
4	DATIN ROSNI MOHD YUSOFF	√	√					2/2
5	AZIZE TAIB			√	√	√	√	4/4
6	ACHMED BADARUDDIN MOHAMAD YATIM	√	√	√	√	√	√	6/6
7	DATO' MOHD SAYUHTI BAKAR	x	x	x				0/3
8	DATO' HAJI ROSLI ISA					x	√	1/2
9	DATO' HAJI ZULKIFLI LONG	√	√	x	√	x	√	4/6
10	DATO' TPR. ROZITA HAMID	√	x	√	√	x	x	3/6
11	DATO' HAJI OMAR HAJI ABD HAMID			√	√	x	x	2/4
12	DATO' HAJI RASHIDI ZINOL			√	√	√	x	3/4
13	MOHD HILMI ELIAS			√	√	√	x	3/4
14	DATO' HAJI MOHD ASRI BAHARUM	√	√	√	√	√	√	6/6

Petunjuk :

Hadir √
Tidak hadir x

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

3.2 Pengurusan Atasan



HAJI ANUAR SHAHAB
Timbalan Pengurus Besar
(Pembangunan)

DATO' HAJI MOHD ASRI BAHARUM
Pengurus Besar

NOOR HAYATI HAJI ISHAK
Timbalan Pengurus Besar
(Pengurusan)

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

3.3 Pengurus-pengurus Bahagian dan Ketua-ketua Unit

Pengurus-pengurus Bahagian



ROHAIMI OTHMAN
PERANCANGAN STRATEGIK



ZOLKHIFLI MOHAMED
PENGARAH PERDA-TECH



MOHAMAD HAZAHARI MD. HARIS
PEMBANGUNAN EKONOMI



MOHD. AFHAINIZAM MAHAMAD YUSOP
HARTANAH DAN TEKNIKAL



AMIR AMRI AHMAT
KHIDMAT PENGURUSAN



NOR RIYANA RAMLI
PENGURUS KEWANGAN



MASSURIA MAT HUSIN
PEMBANGUNAN INSAN



HERETI DESA
TEKNOLOGI MAKLUMAT

Ketua-ketua Unit



MUHAMMAD AZWAN ZAKARIA
PELABURAN



MOHD AFFENDI MOHD NOR
PERHUBUNGAN AWAM



NORASYIKIN MAT ISA
AUDIT DALAM



SAIDATUL 'IZZAT MOHD SHUKRI
INTEGRITI



YOHANA PUTEH
UNDANG-UNDANG

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

3.4 Jawatankuasa Audit PERDA

Penubuhan Jawatankuasa Audit adalah penting untuk mempertingkatkan akauntabiliti serta memastikan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan tadbir urus Lembaga. Antara fungsi dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit termasuk mengkaji laporan daripada Unit Audit Dalam dan Audit Luar serta memperakui tindakan susulan yang perlu kepada Lembaga.

Bagi tujuan mengkaji dan memperakui kedua-dua laporan serta tindakan susulan Unit Audit Dalam dan Audit Luar, Jawatankuasa Audit hendaklah ditubuhkan melalui resolusi Lembaga Pengarah yang menggariskan terma rujukannya.

Jawatankuasa Audit hendaklah dianggotai oleh tiga hingga lima orang yang terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah bukan eksekutif termasuk Pengerusinya. Pengerusi Jawatankuasa Audit boleh dilantik oleh ahlinya sendiri atau Lembaga Pengarah. Unit Audit Dalam bertindak sebagai urus setia Jawatankuasa Audit dan Ketua Unit Audit Dalam selaku Setiausaha Jawatankuasa Audit.

Jawatankuasa Audit hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali dalam setahun. Sepanjang tahun 2023, sebanyak 3 kali mesyuarat Jawatankuasa Audit PERDA telah diadakan. Keanggotaan Jawatankuasa Audit PERDA adalah seperti di Jadual 2.


Jadual 2 : Keanggotaan Jawatankuasa Audit PERDA

NAMA	KEANGGOTAAN
YBHG. DATIN ROSNI MOHD YUSOFF Ahli Lembaga Pengarah (Sehingga 15 Jun 2023)	Pengerusi
YBHG. DATO' HAJI ZULKIFLI LONG Ahli Lembaga Pengarah (Mulai 26 Julai 2023)	Pengerusi
YBHG. DATO' HAJI OMAR HAJI ABD HAMID Ahli Lembaga Pengarah (Mulai 26 Julai 2023)	Ahli
ENCIK ACHMED BADARUDDIN MOHAMAD YATIM Ahli Lembaga Pengarah	Ahli
ENCIK AZIZE TAIB Ahli Lembaga Pengarah (Mulai 26 Julai 2023)	Ahli
PUAN NORASYIKIN MAT ISA Ketua Unit Audit Dalam	Setiausaha

3.5 Alamat PERDA Ibu Pejabat dan Cawangan

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)

No. 1, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah
12200 Butterworth Pulau Pinang
Tel: 604-3141100
www.perda.gov.my



INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI PERDA (PERDA-TECH)

Bukit Panchor, 14300 Nibong Tebal,
Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang
Tel: 604-5991100
www.perda-tech.edu.my



PERDA VENTURES INCORPORATED SDN. BHD. (PVISB)

Lot PT 711, Mk.12, Jalan Kubang Menerong,
13300 Tasek Gelugor,
Seberang Perai Utara, Pulau Pinang
Tel: 604-5737859
www.pvisb.com



4


LATAR BELAKANG ORGANISASI



4.1 Penubuhan PERDA

Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) telah ditubuhkan pada 1 Jun 1983 di bawah Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, 1983 (Akta 282). PERDA telah mula beroperasi pada tahun 1984 dan diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Pada 15 Ogos 2005, PERDA telah diletakkan di bawah kawal selia pentadbiran Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM). Mulai 18 Julai 2018, PERDA telah diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB). Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dijenamakan semula kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) pada 9 Disember 2023.

Objektif



- Memajukan masyarakat khususnya kumpulan sasar PERDA dalam semua bidang sosioekonomi melalui usaha-usaha pembangunan manusia, ekonomi dan fizikal dengan tumpuan kepada peningkatan taraf hidup;
- Membangunkan kawasan PERDA menerusi pembangunan industri, perumahan serta kemudahan infrastruktur; dan
- Mengimbangi pembangunan di dalam kawasan operasi PERDA dengan kawasan di luar operasi PERDA.

Fungsi



- Memaju, menggalak, membantu dan mengusaha pembangunan ekonomi dan sosial dalam kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang;
- Memaju, menggalak, membantu dan mengusaha pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan perdagangan dalam kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang; dan
- Mengawal dan menyelaras pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang tersebut di atas di dalam kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang.

Misi



Agensi yang menggerak pembangunan masyarakat setempat menerusi pelaksanaan dan pengurusan program/projek sosio ekonomi yang berkesan melalui tadbir urus yang baik.


Visi



Agensi pembangunan wilayah yang dinamik dalam menerajui pelaksanaan pembangunan Wilayah Pulau Pinang.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

4.2 Kawasan Operasi PERDA



SPU	Seberang Perai Utara
SPT	Seberang Perai Tengah
SPS	Seberang Perai Selatan
DBD	Daerah Barat Daya
DTL	Daerah Timur Laut

PETUNJUK


- Kawasan Operasi PERDA (Tidak Termasuk Daerah Timur Laut)
- Kawasan Metropolitan
- Kawasan Hutan Simpan

Nota:
Kawasan operasi PERDA tidak termasuk bandar/pekan yang diwartakan, tanah simpanan, sungai, hutan simpan, simpanan kubur, pantai dan pulau-pulau.

Rajah 1 : Kawasan Operasi PERDA

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority


SUSUNAN KEDUDUKAN PERDA DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)



Rajah 2 : Susunan Kedudukan PERDA di Bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

STRUKTUR ORGANISASI PERDA



Rajah 3 : Struktur Organisasi PERDA

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

4.3 Piagam Pelanggan

PERDA komited dalam memberikan perkhidmatan kelas pertama melalui amalan tadbir urus berasaskan piagam pelanggan seperti berikut :

PERKHIDMATAN TERAS UTAMA

01 Status permohonan penyewa premis, pajakan dan penyewaan tanah dijawab dalam tempoh 30 hari selepas tarikh tutup iklan.

02 Status bilangan pengguna berdaftar di dalam Sistem E-Usahawan.

03 Status permohonan menyertai kursus / seminar / latihan / promosi pembangunan usahawan dijawab dalam tempoh 14 hari dari tarikh borang diterima.

04 Status permohonan Program Peningkatan Pendapatan dijawab dalam tempoh 30 hari selepas permohonan diterima.

05 Keputusan permohonan kemasukan pelajar ke PERDA-TECH dijawab dalam tempoh 30 hari dari tarikh temuduga.

06 Sijil / Diploma dikeluarkan selepas 14 hari dari tarikh konvokesyen.

PERKHIDMATAN SOKONGAN

01 Pembayaran tuntutan bil-bil dibuat tidak lewat 14 hari dari tarikh tuntutan lengkap diterima.

02 Akuan penerimaan aduan awam dikeluarkan dalam tempoh 1 hari bekerja dari tarikh aduan diterima. (Tidak termasuk aduan kerosakan teknikal/ premis & pertanyaan)

03 Maklum balas aduan awam dikemukakan kepada pengadu dalam tempoh 30 hari. (Tidak termasuk aduan kerosakan teknikal/ premis & pertanyaan)

04 Berita PERDA dikemaskini ke dalam Laman Web dalam tempoh 5 hari dari tarikh acara dilaksanakan.

05 Permohonan pengisian jawatan kosong di PERDA diproses dalam tempoh 6 bulan dari tarikh tutup iklan.

06 Semua penjanjian dimatikan setem dalam tempoh 4 bulan selepas surat setuju terima dikeluarkan.

LAPORAN KHIDMAT PENGURUSAN



5.1 Pengurusan Perjawatan

Khidmat Pengurusan PERDA meliputi pengurusan perjawatan, pengurusan latihan anggota PERDA serta pengiktirafan dan kualiti yang dicapai oleh PERDA. Sehingga 31 Disember 2023, jumlah pengisian keseluruhan anggota kerja adalah seramai 282 orang. PERDA telah diluluskan sejumlah 248 jawatan yang terdiri daripada lapan bahagian dan lima unit. Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 241 jawatan iaitu 97.17% waran perjawatan dari pelbagai kategori skim perkhidmatan telah diisi. Manakala, seramai 7 orang pegawai dan kakitangan PERDA telah bersara wajib dan pilihan dari perkhidmatan.





PERDA juga telah melantik 41 orang pegawai dan kakitangan lantikan kontrak *(Contract Of Service)* dengan sebahagian besar daripada jumlah perjawatan kontrak tersebut adalah untuk keperluan tenaga pengajar di Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH) untuk melatih dan mendidik modal insan yang profesional dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Maklumat perjawatan seperti di Jadual 3.

Jadual 3 : Kedudukan Perjawatan PERDA sehingga 31 Disember 2023

Kumpulan/Gred	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan
Pengurusan Tertinggi JUSA C	1	1	0
Pengurusan dan Profesional (Gred 41 - 54)	79	78	1
Pelaksana (Gred 29 - 40)	77	76	1
Pelaksana (Gred 19 - 26)	63	60	3
Pelaksana (Gred 1 - 16)	28	26	2
Jumlah Jawatan Tetap	**248**	**241**	**7**
Jawatan Kontrak	41	41	0
Jumlah Keseluruhan	**289**	**282**	**7**


5.2 Pengurusan Latihan

Di bawah Pelan Strategik Pembangunan Sumber Manusia PERDA, setiap anggota PERDA perlu hadir sesi latihan sekurang-kurangnya tiga hari setahun bagi pencapaian objektif kualiti seperti ketetapan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam.

Sehingga 31 Disember 2023, seramai 241 anggota tetap dan 41 anggota kontrak telah mencapai tiga hari latihan atau lebih bagi mematuhi MS ISO 9001:2015. Sebanyak 59 program latihan anjuran dalaman telah dilaksanakan manakala 99 program latihan adalah anjuran luar atau badan-badan lain. Rajah 4 menunjukkan pematuhan menghadiri latihan bagi anggota kerja tetap dan anggota kontrak PERDA tahun 2023. Secara keseluruhannya latihan yang telah dilaksanakan pada tahun 2023 kepada anggota kerja menepati keperluan untuk meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam perkhidmatan.



Kursus Pemantapan Bahasa Dalam Penulisan Laporan, Memo dan Minit Mesyuarat



Rajah 4: Pematuhan Menghadiri Latihan Untuk Anggota Kerja Tetap dan Anggota Kontrak PERDA Tahun 2023.

5.3 Pengiktirafan dan Kualiti

PERDA telah berjaya memperolehi 25 anugerah/pengiktirafan melalui beberapa pertandingan/persijilan yang disertai oleh PERDA dan PERDA-TECH. Anugerah/pengiktirafan sebegini dapat menyuntik semangat dan komitmen anggota kerja PERDA sebagai agensi pelaksana yang dinamik dalam meningkatkan mutu dan kualiti kerja. Senarai anugerah/ pengiktirafan adalah seperti di Jadual 4:

Jadual 4 : Pengiktirafan yang dicapai oleh PERDA pada Tahun 2023

BIL	ANUGERAH	PENGIKTIRAFAN	TARIKH
1.	Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015	SIRIM	10 Februari 2023
2.	Tempat Kedua Pertandingan Memasak Bubuk Lambuk 2023	Masjid Jamek Kampung Baru	18 Mac 2023
3.	Tahap Pencapaian 88.08% Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	JKKP Pulau Pinang	25 Mei 2023
4.	*Silver Medal* Anugerah *iCompEx* 2023 – *Indoor Mushroom Case With Application Of Electromagnetic Generator* oleh Jabatan Kejuruteraan Pertanian PERDA-TECH	POLIMAS	06 Julai 2023
5.	*Gold Medal* Anugerah *iCompEx* 2023 – *Fuel Lid Safety System* oleh Jabatan Teknologi Automotif PERDA-TECH	POLIMAS	06 Julai 2023
6.	*Silver Medal* Anugerah *iCompEx* 2023 – *Electronic Bleeding Brake* oleh Jabatan Teknologi Automotif PERDA-TECH	POLIMAS	06 Julai 2023
7.	*Silver Medal Anugerah iCompEx* 2023 – *Smart Hostel* oleh Jabatan Teknologi Komputer PERDA-TECH	POLIMAS	06 Julai 2023
8.	*Gold Medal* Anugerah *iCompEx* 2023 – *Pest Shredder* oleh Jabatan Teknologi Pembuatan PERDA-TECH	POLIMAS	06 Julai 2023
9.	*Silver Medal* Anugerah *iCompEx* 2023 – *Mechanical Vegetable Picker* oleh Jabatan Teknologi Pembuatan PERDA-TECH	POLIMAS	06 Julai 2023
10.	*Silver Medal* Anugerah *iCompEx* 2023 – *Smart Lizard* oleh Jabatan Teknologi Pembuatan PERDA-TECH	POLIMAS	06 Julai 2023
11.	*Gold Medal* Anugerah *iCompEx* 2023 – *Silage Ezi Cap* oleh Jabatan Kejuruteraan Pertanian PERDA-TECH	POLIMAS	06 Julai 2023
12.	Johan Pertandingan Automotif	KKDW	16 Julai 2023
13.	Naib Johan Pertandingan Automotif	KKDW	16 Julai 2023
14.	*Bronze Medal Indoor Mushroom Case With Application Of Solar Generator – Program 9th Southeast Asian Agricultural And Food Engineering Student Chapter Annual Regional Convention* 2023 (ARC2023)	UPM	25 Ogos 2023
15.	*Silver Medal Ezisilage Cap* – Program *9th Southeast Asian Agricultural And Food Engineering Student Chapter Annual Regional Convention* 2023 (ARC2023)	UPM	25 Ogos 2023
16.	*Silver Cultural Performance – Program 9th Southeast Asian Agricultural And Food Engineering Student Chapter Annual Regional Convention 2023* (ARC2023)	UPM	25 Ogos 2023
17.	Johan Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan ke-66 Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2023 (Sektor Awam)	SUKNPP	16 September 2023
18.	Anugerah *Booth* AKRAB 2023	KKDW	17 Oktober 2023
19.	Anugerah Mentor dan Menti Terbaik 2023	KKDW	17 Oktober 2023
20.	Anugerah AKRAB Individu Proaktif 2023	KKDW	17 Oktober 2023
21.	Anugerah AKRAB Individu Terbaik 2023	KKDW	17 Oktober 2023
22.	Penarafan Semula Risiko Rasuah Tahap Sederhana	SPRM	23 November 2023
23.	Penghargaan Pelaksanaan Majlis Bersama Jabatan Tahun 2022 dengan jayanya	JPA	1 Disember 2023
24.	Anugerah Tarikan Pengunjung Paling *Havoc* Sempena KUD 2023	KKDW	12 Disember 2023
25.	Kedudukan Lima Terbaik Bagi Kajian Penilaian *Outcome* KKDW	KKDW	22 Disember 2023

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

5.4 Pengauditan Dalaman

Unit Audit Dalam berperanan membantu pihak pengurusan memantapkan lagi akauntabiliti, tadbir urus dan integriti di kalangan anggota kerja PERDA. Sepanjang tahun 2023 sebanyak 3 laporan telah dikeluarkan oleh Unit Audit Dalam PERDA seperti di Jadual 5 berikut:

Jadual 5 : Senarai Laporan Pengauditan Dalaman

BIL.	LAPORAN	JENIS	TEMPOH
1.	Pengurusan Perolehan Bagi Perkhidmatan Sebutharga	Pengurusan Kewangan	April – Jun 2023
2.	Pengurusan Sewaan IKS Bukit Minyak	Pengauditan Prestasi	Ogos – September 2023
3.	Pengurusan Panjar Wang Runcit, Peti Besi dan Bilik Kebal	Pengauditan Pemeriksaan Mengejut	Disember 2023

5.5 Aduan Awam

Pengurusan maklum balas dari pelbagai sumber dan kategori meliputi aduan, pertanyaan serta cadangan dari orang awam. Sepanjang tahun 2023, sebanyak 6 aduan awam telah diambil tindakan segera dan diselesaikan dengan sempurna oleh pihak yang bertanggungjawab. Senarai aduan awam adalah seperti di Jadual 6.

Jadual 6 : Senarai Aduan Awam

BIL.	JENIS ADUAN	SUMBER	BILANGAN ADUAN
1.	Permohonan masuk nama ke dalam senarai menunggu penyewa tanah pertanian PERDA.	*Rural Link*	6
2.	Permohonan bantuan kerusi dan mesin gunting rambut.		
3.	Masalah jiran menternak lembu dalam kawasan taman.		
4.	Masalah pokok merimbun menganggu pengguna jalan raya di atas Tanah Hak Milik PERDA		
5.	Masalah dinding rumah bocor.		
6.	Pertanyaan premis PERDA disewakan untuk PATI.		

5.6 Infrastruktur ICT

PERDA berusaha meningkatkan penggunaan dan pengetahuan ICT bagi menyokong hala tuju inisiatif Strategik ICT Sektor Awam. Di antara aktiviti-aktiviti utama yang dilaksanakan pada tahun 2023 adalah:

Pengukuhan Infrastruktur dan Keselamatan ICT

- **Rangkaian *(LAN – Local Area Network)* -** Menghubungkan capaian antara komputer, pencetak, server dan internet di PERDA dan PERDA-TECH, menggunakan talian fiber optik *(backbone)* berkelajuan 1GB.

- **Talian Internet -** Terdapat 3 jenis talian *Wide Area Network (WAN)* yang telah dipasang di Ibu Pejabat PERDA dan PERDA-TECH iaitu UNIFI di Ibu Pejabat PERDA (800Mbps) dan di PERDA-TECH (800Mbps) untuk kegunaan internet dan 1GOV*NET/EG*NET/*My Govnet* di Ibu Pejabat PERDA (30Mbps) dan di PERDA-TECH (100Mbps) untuk internet ICU (Aplikasi *online* perdana ICU.)

- **Perkakasan -** Jumlah perkakasan ICT di Ibu Pejabat PERDA dan PERDA-TECH iaitu *Server* 16 unit, Komputer 554 unit, *Notebook* 130 unit, Pencetak 35 unit, Projektor 38 unit dan Pengimbas 2 unit.

- **Perisian -** Perisian-perisian yang digunakan bagi melancarkan operasi di PERDA dan pembelajaran di PERDA-TECH adalah seperti di Jadual 7.

Jadual 7 : Perisian-perisian yang digunakan di PERDA dan di PERDA-TECH

PERISIAN di IBU PEJABAT PERDA	• *Windows 10, Window 11, Linux CentOS v6.x/ v7.x, Unix AIX v6.3, Win Server v2016, v2019 - Operating System*
	• *Zimbra - Emel*
	• *VMware – Hypervisor virtual Vitual Server*
	• *Kaspersky Antivirus v11.10 – Antivirus*
	• *Microsoft Office 2019 - Office Automation*
	• *Joomla v1.5 dan v3.5 – Laman Web PERDA*
	• *MySQL v2.5.x, Microsoft SQL Server 2005, Informix v9.40 - Database*
	• *Visual Web Developer, Macromedia Dreamweaver, Power Builder - Programming Tools*
	• *Adobe Photoshop v6.x, Adobe After Effect v6.x, Proshow Producer v5.0 - Multimedia*

PERISIAN di PERDA-TECH	• *Windows XP , 7, 10 Pro*
	• *Microsoft Office, VCNC, Mastercam, 3DS Max 7*
	• *Adobe After Effect7.0, Adobe Illustrator CS5, Adobe Photoshop CS6, Adobe Premier Pro CS6*
	• *Anark Studio 3.5, Autodesk Maya 2011*
	• *Macromedia Dreamweaver 8, Macromedia Flash 8*
	• *Sonic Foundry Acid Pro*
	• *Sony Sound Forge 8.0*
	• *Autocad 2013*
	• *ProEngineer Wildfire 5.0*
	• *DaVinci Resolve*
	• *Solidworks*
	• *Unreal Engine*

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

Pembangunan dan Pengukuhan Sistem Aplikasi Sokongan

Pada tahun 2023, PERDA telah membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan PERDA 2021-2025 ke arah meningkatkan kualiti sistem penyampaian dan perkhidmatan digital yang pantas, mudah dan efektif kepada pelanggan PERDA. Sebanyak 6 Pembangunan Sistem Aplikasi Baharu telah dilaksanakan dan diguna pakai seperti di Jadual 8.

Jadual 8 : Senarai Sistem Aplikasi *Online* dan Elektronik yang dibangunkan oleh PERDA

BIL	SISTEM DIBANGUNKAN	TUJUAN APLIKASI
1	Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar PERDA-TECH (iAkademik)	▪ Pengurusan Maklumat Pelajar dan Maklumat Akademik Pelajar PERDA-TECH
2.	Sistem *E-Cert* PERDA	▪ Menyediakan kemudahan perkhidmatan atas talian bagi pelanggan / peserta yang menyertai program anjuran PERDA untuk mendapatkan sijil digital.
3.	Sistem *eCash* PERDA	▪ Sistem ini menyediakan kemudahan kepada pegawai yang ingin memohon pendahuluan pelbagai serta membuat pelarasan pendahuluan pelbagai secara atas talian.
4.	*Medic*@PERDA	▪ Sistem pemantauan kehadiran anggota PERDA ke klinik panel dan rekod rawatan secara atas talian.
5.	Sistem *SmartGIS* PERDA (2023-2024)	▪ Mewujudkan satu pangkalan data berpusat menyimpan semua jenis pelan berkaitan program dan projek yang dilaksanakan oleh PERDA serta membuat perubahan pemetaan dengan segera. ▪ Menyediakan perkhidmatan kepada pengguna menerusi aplikasi *SmartGIS* menerusi kemudahan capaian *Internet Of Things* (IOT) melalui *desktop browser*, komputer riba, telefon mudah alih atau *tablet* pintar di mana sahaja. ▪ Menyediakan kemudahan analisa kepada *stakeholder* atau pengurusan tertinggi dalam merancang halatuju sosioekonomi kumpulan sasar berdasarkan statistik data pemetaan sistem SmartGIS.
6.	Sistem Perolehan PERDA (2023-2024)	▪ Menggantikan kaedah sedia ada. ▪ Meningkatkan kualiti perkhidmatan, kecekapan operasi, dan kepuasan pengguna kepada pengguna awam. ▪ Memastikan produktiviti kerja dan perkhidmatan penyampaian dapat ditingkatkan melalui penggunaan sistem aplikasi yang mesra pengguna, dinamik dan bersepadu.

6

LAPORAN PRESTASI KEWANGAN




6.1 Peruntukan Mengurus

Pada tahun 2023, PERDA telah menerima Peruntukan Mengurus Dasar Sedia Ada dari Kementerian Kewangan berjumlah RM20 juta dengan prestasi perbelanjaan 100%. Bagi memenuhi keperluan tambahan tahun 2023, PERDA turut mendapat kelulusan bagi menggunakan Peruntukan Kumpulan Wang (Sumber Dalaman) sebanyak RM14.61 juta. Sehingga 31 Disember 2023, jumlah peruntukan Sumber Dalaman yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM11.45 juta atau 78.30% daripada jumlah yang diluluskan.

Peratusan penggunaan ini mencerminkan amalan pengurusan perbelanjaan yang cermat dan berhemah oleh pihak pengurusan. Setiap perbelanjaan dinilai berdasarkan keperluan sebenar, keutamaan strategik serta pematuhan kepada prinsip pengurusan fiskal yang mampan. Sebagai hasil pendekatan ini, sejumlah baki daripada peruntukan Sumber Dalaman yang tidak digunakan akan dibawa ke tahun kewangan berikutnya.

Jadual 9 : Prestasi Perbelanjaan Mengurus sehingga 31 Disember 2023

BUTIRAN	DASAR SEDIA ADA (RM)	SUMBER DALAMAN (RM)
PERUNTUKAN DILULUSKAN	20,000,000.00	14,613,000.00
PERUNTUKAN DITERIMA	20,000,000.00	14,613,000.00
PERBELANJAAN (RM)	**20,000,000.00 (100%)**	**11,448,760.81 (78.30%)**



Rajah 5: Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Mengurus Tahun 2022 dan Tahun 2023

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

6.2 Peruntukan Pembangunan

6.2.1 Geran Pembangunan

Rolling Plan Ke-3, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) tahun 2023, PERDA telah diluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM39,027,900.00 bagi pelaksanaan 15 projek fizikal dan 6 projek bukan fizikal dengan perincian seperti di Jadual 10. Bagaimanapun, PERDA telah menyerahkan semula peruntukan tahun 2023 sebanyak RM4,700,000.00 bagi Program Bank Tanah Bagi Pembangunan Perumahan PERDA, Program Perumahan Kesejahteraan Rakyat (PPKR) Tok Alang, Tasek Gelugor dan Projek Pembinaan Premis Perniagaan di Tasek Maju, Simpang Ampat, Nibong Tebal disebabkan oleh beberapa isu yang timbul berkaitan pembangunan projek-projek tersebut.

PERDA juga melaksanakan pelarasan siling sebanyak RM3,000,000.00 melibatkan 2 projek iaitu Projek Pembinaan Kemudahan Penginapan Pelajar di PERDA-TECH dan Program Perumahan Kesejahteraan Rakyat (PPKR) Tok Alang, Tasek Gelugor. Secara keseluruhan peruntukan pembangunan bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM34,327,900.00 dan prestasi perbelanjaan adalah 100%.

Jadual 10: Prestasi Perbelanjaan Projek Fizikal dan Bukan Fizikal Menggunakan Geran Pembangunan.

Prestasi Perbelanjaan Projek Fizikal

Bil	Projek	Siling Tahun 2023 (RM)	Tambahan Siling 2023 (RM)	Pengurangan Siling/ Sekatan 2023 (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Peratus Perbelanjaan
1.	Pembinaan Blok Pengajian di PERDA-TECH	1,112,600.00	0.00	0.00	1,112,600.00	100
2.	Program Perumahan Kesejahteraan Rakyat (PPKR) Tok Alang, Tasek Gelugor	5,000,000.00	0.00	4,000,000.00	1,000,000.00	100
3.	Projek Naik Taraf Premis Perniagaan PERDA	850,000.00	0.00	0.00	850,000.00	100
4.	Pembangunan Pusat Aktiviti Sosial dan Komersial Sungai Rusa, Balik Pulau	800,000.00	0.00	0.00	800,000.00	100
5.	Pembinaan Gerai di Pusat Pertumbuhan Desa Sungai Acheh, Nibong Tebal	1,000,000.00	0.00	0.00	1,000,000.00	100
6.	Projek Naik Taraf Kemudahan Fasiliti di PERDA-TECH	4,550,000.00	0.00	0.00	4,550,000.00	100
7.	Projek Pembangunan Semula Gerai dan Dewan PERDA	2,000,000.00	0.00	0.00	2,000,000.00	100
8.	Program Bank Tanah Bagi Pembangunan Perumahan PERDA	3,000,000.00	0.00	3,000,000.00	0.00	100
9.	Projek Pembangunan Semula Dewan Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau	1,500,000.00	0.00	0.00	1,500,000.00	100
10.	Projek Pembangunan Perumahan Mampu Milik Fasa 2 dan Fasa 3 Taman Sungai Bakap Perdana, Nibong Tebal	2,500,000.00	0.00	0.00	2,500,000.00	100
11.	Projek Pembinaan Premis Perniagaan di Tasek Maju, Simpang Ampat, Nibong Tebal	1,700,000.00	0.00	700,000.00	1,000,000.00	100
12.	Projek Pembinaan Kemudahan Penginapan Pelajar di PERDA-TECH	4,000,000.00	3,000,000.00	0.00	7,000,000.00	100
13.	Projek Naik Taraf Pusat Pengembangan Ekonomi Setempat PERDA	1,000,000.00	0.00	0.00	1,000,000.00	100
14.	Membina Baru Premis Industri Kecil dan Sederhana (IKS), Tasek Gelugor	525,300.00	0.00	0.00	525,300.00	100
15.	Penggantian 14 Lot Kedai Permatang Buloh	120,000.00	0.00	0.00	120,000.00	100
	Jumlah (RM)	**29,657,900.00**	**3,000,000.00**	**7,700,000.00**	**24,957,900.00**	**100**

Prestasi Perbelanjaan Projek Bukan Fizikal				
Bil	**Projek**	**Siling Tahun 2023 (RM)**	**Jumlah Perbelanjaan (RM)**	**Peratus Perbelanjaan**
1.	Program Sokongan dan Pemerkasaan Usahawan PERDA (SPEAR)	1,500,000.00	1,500,000.00	100
2.	Program Bina Daya Insan @ PERDA	1,500,000.00	1,500,000.00	100
3.	Program Luar Bandar Cerdik STEM	1,120,000.00	1,120,000.00	100
4.	Pembangunan Integrasi Digital Sistem Maklumat PERDA	1,000,000.00	1,000,000.00	100
5.	*Technical and Vocational Education and Training (TVET)* @ PERDA-TECH	4,000,000.00	4,000,000.00	100
6.	Program TVET Sukses Asas Teknikal (SAKTI) @ PERDA-TECH	250,000.00	250,000.00	100
	Jumlah (RM)	**9,370,000.00**	**9,370,000.00**	**100**


6.2.2 Sumber Dalaman

Pada tahun 2023, PERDA telah diluluskan penggunaan Kumpulan Wang Sumber Dalaman berjumlah RM4,876,000.00 bagi menampung keperluan tambahan untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan. Sehingga 31 Disember 2023, jumlah sebenar perbelanjaan adalah sebanyak RM1,431,849.93, bersamaan 29.40% daripada jumlah peruntukan yang diterima, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 11.

Kadar penggunaan ini mencerminkan pelaksanaan kawalan perbelanjaan yang teliti dan sejajar dengan prinsip tadbir urus kewangan yang berhemah, berdasarkan penilaian keperluan sebenar projek, keberkesanan pelaksanaan serta keutamaan strategik organisasi. Pendekatan ini juga membolehkan baki peruntukan yang tidak digunakan terus diurus dengan cermat dan dimanfaatkan bagi memenuhi keperluan pembangunan yang berterusan pada masa akan datang.

Jadual 11: Prestasi Perbelanjaan Projek Menggunakan Peruntukan Sumber Dalaman Sehingga 31 Disember 2023

Bil	Projek	Siling Tahun 2023 (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Peratus Perbelanjaan
1.	Penyelenggaraan / Pembaikan Premis dan IKS PERDA	300,000.00	347,007.95	98.64%
2.	Bayaran Pindaan Syarat Nyata (Lot 4662 Mukim 16)	500,000.00	493,200.00	51.10%
3.	Penyelenggaraan Tanah	150,000.00	76,654.55	0.00%
4.	Pembinaan Perumahan Sungai Bakap Perdana Fasa 2 dan 3	3,000,000.00	0.00	0.00%
5.	Bandar Baru Teluk Kumbar	100,000.00	0.00	0.00%
6.	Pembaikan Kecacatan Perumahan Sungai Bakap Perdana	50,000.00	0.00	99.15%
7.	Promosi Perumahan, Premis dan Ruang Niaga	20,000.00	19,830.00	69.43%
8.	Penyelenggaraan Rumah Kos Rendah	250,000.00	173,571.00	98.28%
9.	Pengurusan Pangsapuri Taman Sungai Dua Utama	5,000.00	4,914.00	27.34%
10.	Penyelenggaraan Aset PERDA (Fasiliti) dan Alat Pemadam Api	35,000.00	9,567.70	92.77%
11.	Projek Perumahan Sejahtera Rakyat (PPSR) Kuala Sungai Pinang	60,000.00	55,663.47	1.43%
12.	Pengoperasian Pusat Aktiviti Sosial dan Komersial Sungai Rusa	101,000.00	1,441.26	0.00%
13.	Program Pemurnian Pematuhan PBT (CCC)	50,000.00	0.00	0.00%
14.	Pengurusan Setinggan di Atas Lot 852, DBD	5,000.00	0.00	100.00%
15.	Pembaikan Fizikal PERDA-TECH	200,000.00	200,000.00	100.00%
16.	Penyelenggaraan Premis Skim Perumahan Rakyat (PERDA)	50,000.00	50,000.00	98.64%
	Jumlah (RM)	**4,876,000.00**	**1,431,849.93**	**29.40**



Rajah 6: Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Sumber Dalaman Tahun 2022 dan Tahun 2023

6.2.3 Wang Amanah

Mulai 1 Januari 2023, PERDA menerima tambahan peruntukan Wang Amanah sebanyak RM3,365,980.26. Prestasi perbelanjaan peruntukan Wang Amanah yang telah dibelanjakan sehingga 31 Disember 2023 adalah sebanyak RM469,291.51 (13.94%) seperti di Jadual 12. Perbandingan prestasi perbelanjaan peruntukan Wang Amanah bagi tahun 2022 dan tahun 2023 adalah seperti di Rajah 7.

Jadual 12: Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Wang Amanah Sehingga 31 Disember 2023


Bil	Program/Projek	Terimaan / Penyelarasan 2023 (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	%	Baki (RM)
1	Program Desamall	25,000.00	3,280.00	13.12	21,720.00
2	Karnival Keusahawanan (Bagan Fest)	30,000.00	0.00	0.00	30,000.00
3	Program Pemerkasaan Pusat Komuniti Desa (PKD)	30,000.00	28,059.35	93.53	1,940.65
4	Bengkel Modul STEM Robotik	30,000.00	0.00	0.00	30,000.00
5	Kursus Desa Lestari Labuh Banting	31,493.50	29,182.00	92.66	2,311.50
6	Program Desa Lestari - Kampung Permatang Nibong	50,000.00	50,000.00	100.00	0.00
7	Wang Zakat PERDA-TECH	54,000.00	15,000.00	27.78	39,000.00
8	Program Promosi Pelancongan Desa (MDMD)	105,000.00	0.00	0.00	105,000.00
9	Program PDCA	105,080.00	92,930.16	88.44	12,149.84
10	Program Sokongan Pengukuhan Usahawan Luar Bandar	108,277.00	60,840.00	56.19	47,437.00
11	CoAS (*Centre Of Advance Skill*)	185,920.37	0.00	0.00	185,920.37
12	Program Pemerkasaan Institusi Pentadbiran Kampung Komuniti (IPKK)	190,000.00	190,000.00	100.00	0.00
13	Program Latihan Kemahiran & Kerjaya (PLKK)	325,000.00	0.00	0.00	325,000.00
14	Skim Pinjaman Mudah i (SPiM)	846,209.39	0.00	0.00	846,209.39
15	Program Desa Lestari Negeri Pulau Pinang	1,250,000.00	0.00	0.00	1,250,000.00
16	Program Desamall	25,000.00	3,280.00	13.12	21,720.00
	Jumlah (RM)	**3,390,980.26**	**472,571.51**	**13.94**	**2,918,408.75**




Rajah 7: Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Wang Amanah Bagi Tahun 2022 dan Tahun 2023

6.3 Analisis Prestasi Kewangan Lima Tahun (2019 -2023)

Perbandingan prestasi perbelanjaan Mengurus dan prestasi perbelanjaan Pembangunan secara keseluruhan bagi tempoh lima tahun mulai 2019 sehingga 2023 adalah seperti di Rajah 8 dan Rajah 9. Berdasarkan rajah berikut, prestasi perbelanjaan peruntukan semasa PERDA untuk tujuan mengurus dan pembangunan dari tahun 2019 sehingga 2023 menunjukan arah aliran yang positif dengan peratus perbelanjaan melebih 95% setiap tahun.



Rajah 8: Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Mengurus Tahun 2019 Sehingga Tahun 2023



Rajah 9: Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Tahun 2019 Sehingga Tahun 2023

LAPORAN PRESTASI PROGRAM/ PROJEK PEMBANGUNAN



7.1 Projek Pembinaan Blok Pengajian di PERDA-TECH

Projek Pembinaan Blok Pengajian di PERDA-TECH adalah untuk membina satu (1) blok bengkel automotif 1 tingkat dan satu (1) blok bengkel pertanian 1 tingkat. Tarikh milik tapak adalah pada 24 November 2020 dan siap pada 21 November 2022. Kelulusan Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) dari pihak berkuasa tempatan telah diperolehi pada 10 November 2023. Peruntukan sebanyak RM1,112,600.00 telah diluluskan dan perbelanjaan adalah 100%.

Sehingga 31 Disember 2023, prestasi projek telah mencapai kemajuan dalam beberapa aspek, termasuk:

i. Pemasangan elektrik voltan rendah: Kerja pemasangan telah siap dilaksanakan untuk memastikan sistem elektrik berfungsi dengan baik.

ii. Pemindahan dan pemasangan semula jentera serta peralatan: Jentera, mesin, dan peralatan dari bengkel lama telah dipindahkan dan dipasang semula ke bengkel baru.

iii. Pembekalan dan pemasangan peralatan pejabat: Perabot dan peralatan pejabat telah dibekalkan dan dipasang untuk kegunaan tenaga pengajar dan pelajar.

iv. Bayaran sumbangan modal kepada PBA: Pembayaran sumbangan modal telah dibuat untuk membekalkan dan memasang filem penapis haba *(tinted)* di bengkel pertanian dan bengkel automotif.

Pembinaan Blok Pengajian di PERDA-TECH adalah satu inisiatif yang penting dalam memperkukuh sistem pendidikan dan latihan teknikal di kawasan ini. Dengan kemudahan yang disediakan, projek ini berpotensi untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan menyediakan peluang yang lebih baik kepada 1,000 pelajar dan tenaga pengajar dalam bidang TVET khususnya 154 orang pelajar dalam bidang automotif dan bidang pertanian.



Pembelajaran di bangunan baru

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

7.2 Program Perumahan Kesejahteraan Rakyat (PPKR) Tok Alang, Tasek Gelugor

Program Perumahan Kesejahteraan Rakyat (PPKR) Tok Alang, Tasek Gelugor telah menerima peruntukan sebanyak RM1,000,000.00 khusus untuk melaksanakan kerja-kerja tanah. Prestasi perbelanjaan adalah 100%. Tarikh milik tapak pada 16 Oktober 2023. Pelantikan perunding termasuk kontraktor untuk menguruskan permohonan pecah sempadan serta kerja-kerja tanah dijangka siap pada 15 April 2024.

Program ini bakal menyediakan kemudahan perumahan kesejahteraan rakyat jenis setingkat kepada 95 buah keluarga dari golongan miskin yang kurang berkemampuan untuk memiliki rumah di Negeri Pulau Pinang.



Kerja-kerja pembersihan tapak



7.3 Projek Naik Taraf Premis Perniagaan PERDA

PERDA telah melaksanakan Projek Naik Taraf Premis Perniagaan PERDA pada bulan Jun 2023 dan telah siap sepenuhnya pada bulan Ogos 2023.

Pada tahun 2023, peruntukan sebanyak RM850,000.00 telah dibelanjakan untuk kerja-kerja naik taraf 21 unit premis perniagaan PERDA di daerah-daerah berikut:

i. Rumah Kedai 2 Tingkat Taman Permatang Ara, Seberang Perai Tengah - 7 unit;
ii. IKS PERDA Tasek, Seberang Perai Selatan - 4 unit; dan
iii. Kedai Pejabat Permatang Buloh Fasa 2, Seberang Perai Utara - 10 unit

Kerja-kerja tertumpu untuk menggantikan struktur bumbung yang baharu, pendawaian semula elektrik, mengecat dan naik taraf tandas termasuk sistem kumbahan serta lain-lain kerja berkaitan. Projek ini dapat membantu penduduk setempat menikmati kemudahan dan keselesaan premis yang disediakan khususnya kepada 21 orang peniaga tempatan dan 3,000 orang pengunjung di komuniti sekitar.

Sebelum naik taraf premis







Selepas naik taraf premis







- Rumah kedai 2 tingkat Taman Permatang Ara, Seberang Perai Tengah
- Kedai pejabat Permatang Buloh fasa 2, Seberang Perai Utara
- Industri kecil dan sederhana (IKS) PERDA Tasek, Seberang Perai Selatan

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

7.4 Pembangunan Pusat Aktiviti Sosial dan Komersial Sungai Rusa, Balik Pulau

Pembangunan Pusat Aktiviti Sosial dan Komersial Sungai Rusa telah dilaksanakan di Lot 852, Mukim B, Sungai Rusa, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Projek ini bertujuan untuk menyediakan ruang bagi aktiviti sosial dan komersial yang bermanfaat kepada masyarakat setempat.

Projek ini melibatkan baik pulih beberapa bangunan sedia ada serta pengubahsuaian yang meliputi:
Bangunan A: Membaiki bilik tangki bomba, pondok wakaf, dan tandas.
Bangunan C: Pemulihan Rumah Tradisional A dan Rumah Tradisional B.
Bangunan D: Pengubahsuaian pondok pengawal, pemasangan sistem elektrik dan telekomunikasi, sistem kumbahan, serta landskap.

Projek ini telah mencapai kemajuan 100% dengan peruntukan yang diluluskan sebanyak RM800,000.00. Kerja-kerja pembinaan dan kerja-kerja tambahan seperti pemasangan pendingin hawa dan penutup *grating sum* bermula pada 8 Jun 2022 dan siap pada 7 September 2023.

Pusat Aktiviti Sosial dan Komersial Sungai Rusa berfungsi sebagai pusat informasi yang penting untuk masyarakat luar bandar. Ia akan menyalurkan maklumat mengenai program dan projek masyarakat yang boleh memberi manfaat kepada komuniti setempat. Seramai 2,000 orang penduduk akan mempunyai peluang untuk menjana pendapatan melalui pelbagai aktiviti perniagaan yang ditawarkan.





Kerja-kerja tambahan pemasangan pendingin hawa dan penutup *grating sum*



7.5 Projek Pembinaan Gerai di Pusat Pertumbuhan Desa Sungai Acheh, Nibong Tebal

Projek Pembinaan Gerai di Pusat Pertumbuhan Desa Sungai Acheh, Nibong Tebal melibatkan pembinaan 10 unit gerai makan serta kemudahan ruang makan dan satu unit surau serta lain-lain kemudahan.

Peruntukan sebanyak RM1,000,000.00 telah diluluskan dan prestasi perbelanjaan adalah 100% untuk kerja-kerja seperti berikut:

i. Pembinaan struktur bangunan;
ii. Kerja pemasangan bata dinding;
iii. Kerja pemasangan longkang; dan
iv. Kerja pemasangan konduit elektrik.

Tarikh mula kerja adalah pada 13 Oktober 2023 dan dijangka siap pada 30 November 2024. Projek ini mampu menyediakan 10 lot-lot ruang niaga kepada usahawan luar bandar untuk menjana ekonomi komuniti luar bandar selaras dengan dasar dan hala tuju Kerajaan.





Kerja-kerja cerucuk di tapak bina





LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

7.6 Projek Naik Taraf Kemudahan Fasiliti di PERDA-TECH

Projek Naik Taraf Kemudahan Fasiliti di Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA – TECH) melibatkan kerja-kerja menaik taraf pejabat pentadbiran, baik pulih dan tambahan kepada dewan perhimpunan pelajar, baik pulih dan tambahan ruang pejabat dan lain – lain kerja berkaitan.

Peruntukan diluluskan sebanyak RM4,550,000.00 telah dibelanjakan seperti berikut:


i. Bayaran Interim;
ii. Bayaran Perunding;
iii. Bayaran kepada Pihak Berkuasa Tempatan;
iv. Kerja – Kerja Pembaikan Kecacatan;
v. Perolehan Kemudahan Kelengkapan Pembelajaran; dan
vi. Tunai Syarat Pihak Berkuasa Tempatan.

Tarikh Milik Tapak adalah pada 28 September 2021 dan siap pada 25 Ogos 2023. Projek Naik Taraf Kemudahan Fasiliti di Institut Kemahiran Tinggi (PERDA- TECH) mampu menyediakan kemudahan infrastruktur kepada 1,000 orang pelajar untuk menikmati suasana pembelajaran dan pengajaran yang selesa seperti institusi kemahiran TVET lain di Malaysia.



Kerja-kerja asas tiang di tapak bina





7.7 Projek Pembangunan Semula Gerai dan Dewan PERDA

Projek Pembangunan Semula Gerai dan Dewan PERDA melibatkan kerja-kerja meroboh Sebuah Dewan 1 Tingkat, Sebuah Bengkel dan 5 Unit Gerai serta Membina Semula 10 Unit Gerai 2 Tingkat (Strata), 1 Unit Dewan Serbaguna 2 Tingkat di Atas Lot 3757 dan Lot 3758, Mukim 6, Taman Pauh Indah, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Tarikh milik tapak adalah pada 1 Jun 2023.

Pada tahun 2023, peruntukan yang diluluskan adalah sebanyak RM2,000,000.00 dan telah dibelanjakan 100% dengan objektif untuk:

i. Membangunkan semula gerai dan dewan secara bersepadu di satu kawasan yang lengkap dan kondusif sesuai dengan persekitaran sedia ada; dan
ii. Menyediakan kemudahan aktiviti ekonomi dan sosial ke arah peningkatan pendapatan dan peningkatan aktiviti sosial di kawasan tersebut.

Sehingga 31 Disember 2023, kemajuan projek adalah 29% iaitu lebih awal daripada jadual sebanyak 3%. Projek ini dijangka siap pada 31 Mei 2024 dan dapat menyediakan kemudahan ruang niaga dan kemudahan infrastruktur yang kondusif kepada 6,000 orang pengunjung di kawasan komuniti setempat.



Kerja-kerja meroboh dan membina semula gerai dan dewan PERDA





7.8 Program Bank Tanah Bagi Pembangunan Perumahan PERDA

Program Bank Tanah melibatkan Perancangan Pembangunan Perumahan PERDA. Program ini mula dilaksanakan pada tahun 2021 dengan peruntukan diluluskan sebanyak RM8,000,000.00. Berikutan berlaku peningkatan kos projek, PERDA telah memohon notis perubahan (NOC) dan kelulusan diberikan bagi perubahan skop projek dan penyelarasan kos tahun 2022 yang diluluskan sebanyak RM8,000.00 sahaja. Sebanyak RM7,992,000.00 telah dikembalikan semula kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW). Pada tahun 2023, PERDA masih menerima peruntukan bagi Program Bank Tanah dan peruntukan sebanyak RM3,000,000.00 telah diserahkan semula setelah projek ini tidak diteruskan dan dibatalkan.

7.9 Projek Pembangunan Semula Dewan Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau

Projek Pembangunan Semula Dewan Kuala Sungai Pinang adalah untuk membina semula dewan baharu. Berdasarkan Laporan Pemeriksaan Tapak (Forensik), pihak Jabatan Kerja Raya (JKR), Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur telah mengesyorkan agar bangunan sedia ada diroboh dan dibina semula atas faktor keselamatan. Tarikh milik tapak adalah pada 1 Jun 2023 dan projek dijangka siap pada 31 Januari 2025.

Pada tahun 2023, peruntukan diluluskan adalah sebanyak RM1,500,000.00 dengan prestasi perbelanjaan 100%. Pembangunan Semula Dewan Kuala Sungai Pinang merupakan program sosial dan ekonomi yang akan meningkatkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Pelbagai aktiviti ekonomi dapat dijalankan bagi pengembangan ekonomi komuniti sebagai pusat aktiviti setempat. Seramai 2,000 orang penduduk akan mendapat manfaat daripada projek ini.



Kerja-kerja pembinaan semula Dewan Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau

7.10 Projek Pembangunan Perumahan Mampu Milik Fasa 2 dan Fasa 3 Taman Sungai Bakap Perdana, Nibong Tebal

Projek ini melibatkan pembangunan perumahan bercampur yang telah diperuntukkan dana sebanyak RM2,500,000.00. Pembangunan ini terdiri daripada:

Fasa 2: 52 unit rumah teres kos sederhana 1 tingkat (Jenis A) dan
Fasa 3: 53 unit rumah teres kos sederhana 1 tingkat (Jenis B)

Tarikh milik tapak adalah pada 8 September 2023 dan dijangka siap pada 7 September 2025. Sehingga 31 Disember 2023, projek masih dalam proses memenuhi pindaan dan penambahan syarat-syarat baharu yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kelulusan pelan kebenaran merancang dalam tindakan Pihak Berkuasa Tempatan.

Projek ini merupakan inisiatif penting untuk menyediakan 105 unit rumah mampu milik bagi penduduk berpendapatan sederhana di Seberang Perai Selatan.



Kerja-kerja awalan tapak berjalan mengikut jadual



LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

7.11 Projek Pembinaan Premis Perniagaan di Tasek Maju, Simpang Ampat, Nibong Tebal

Projek pembinaan premis perniagaan di Tasek Maju, Simpang Ampat, Nibong Tebal bertujuan untuk membina 8 unit kedai di atas Lot 441, 442, 443, 444, dan 445, Mukim 2, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.

Projek ini telah diluluskan peruntukan sebanyak RM1,000,000.00 pada tahun 2023. Workcamp Perancangan Projek telah diadakan pada 22 - 24 Ogos 2023. Objektif utama adalah:

i. Membentangkan pelan perancangan projek; dan
ii. Membincangkan *Critical Path Method (CPM)* yang disediakan oleh perunding dan kontraktor untuk memastikan kelancaran pelaksanaan projek.

Sehingga 31 Disember 2023 status kemajuan fizikal projek adalah 35% iaitu mengikut jadual bagi kerja-kerja semasa di tapak seperti:

i. Kerja-kerja runtuh bangunan asal *(Demolition works)*;
ii. Kerja-kerja cerucuk *(Piling works)*;
iii. Cerucuk *(Piles Cap)*; dan
iv. Pijakan asas *(Ground Beam).*

Projek ini bermula pada Julai 2023 dan dijangka siap pada Ogos 2024. Ia bertujuan menyediakan 8 unit ruang niaga yang selesa untuk peniaga dan usahawan luar bandar menjana pendapatan. Projek ini diharapkan dapat menyokong usaha kerajaan memperkasakan ekonomi serta membantu menjana pendapatan komuniti luar bandar.





Kerja-kerja awalan di tapak Premis Perniagaan Tasek Maju, Simpang Ampat

7.12 Projek Pembinaan Kemudahan Penginapan Pelajar di PERDA-TECH

Peruntukan sebanyak RM7,000,000.00 telah diluluskan bagi Pembinaan 1 Blok Asrama 10 Tingkat, Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH) di atas sebahagian Lot 1210, Mukim 8, Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Prestasi perbelanjaan adalah 100%.

Matlamat projek adalah untuk:

i. Mewujudkan sebuah institusi pendidikan kemahiran tinggi yang lengkap dengan kemudahan penginapan yang berkualiti, dan
ii. Mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang selesa.

Pada tahun 2023, prestasi projek untuk kerja-kerja awalan adalah seperti:

i. Bayaran Interim, bayaran perunding dan bayaran kepada Pihak Berkuasa Tempatan; dan
ii. kerja-kerja cerucuk, kerja-kerja bangunan dan infrastruktur.

Projek pembinaan asrama 10 tingkat bermula pada 21 November 2022 dan dijangka siap pada 20 November 2024. Asrama ini akan menyediakan kemudahan penginapan berkualiti untuk 600 pelajar agar dapat membantu mereka belajar dalam suasana yang selesa dan seterusnya berjaya memenuhi keperluan pasaran industri semasa.





Kerja-kerja awalan pemasangan cerucuk





LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

7.13 Projek Naik Taraf Pusat Pengembangan Ekonomi Setempat PERDA

Pada tahun 2023, PERDA telah diluluskan peruntukan RM1,000,000.00 untuk Projek Naik Taraf Pusat Pengembangan Ekonomi Setempat PERDA yang melibatkan kerja-kerja seperti menanggalkan struktur bumbung sedia ada dan menggantikannya dengan struktur bumbung yang baharu, pendawaian semula elektrik, kerja-kerja mengecat dan naik taraf tandas serta sistem kumbahan bangunan dan lain-lain kerja berkaitan. Tarikh milik tapak adalah pada 10 April 2023 dan siap pada 24 Julai 2023.

Kemajuan projek sehingga 31 Disember 2023 adalah 100% siap mengikut kawasan-kawasan seperti berikut:

i. IKS PERDA Bukit Minyak, Seberang Perai Tengah - 16 unit
ii. Gerai PERDA Bukit Tambun, Seberang Perai Selatan - 5 unit,
iii. Gerai PERDA Sungai Duri, Seberang Perai Selatan - 12 unit

Projek ini berpotensi berkembang maju sebagai sebuah pusat menjana ekonomi bagi usahawan luar bandar menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan dengan menyediakan premis kepada 33 orang peniaga tempatan. Seramai 6,000 orang bakal menikmati kemudahan infrastruktur yang lengkap dan selesa dalam komuniti masyarakat setempat .



Naik Taraf Premis IKS Bukit Minyak



Naik Taraf Premis Gerai Bukit Tambun



Naik Taraf Premis Gerai Sungai Duri

7.14 Membina Baru Premis Industri Kecil dan Sederhana (IKS), Tasek Gelugor

Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) memainkan peranan penting dalam menyediakan premis perniagaan dan perusahaan yang selesa serta strategik untuk usahawan. Projek Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Tasek Gelugor dirancang berdasarkan konsep pembangunan mampan, yang memastikan keperluan semasa dipenuhi sambil memelihara sumber alam untuk generasi akan datang. PERDA merancang pembinaan premis baharu Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Lot 15641 (dahulunya Lot 5687), Mukim 12, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara. Projek ini bertujuan menyediakan 22 unit premis industri, pejabat pentadbiran, Surau dan Gerai.

Pada tahun 2023, sebanyak RM525,300.00 telah dibelanjakan untuk melaksanakan kerja awalan seperti proses untuk mendapatkan kelulusan *Rezoning*, Pelan Kebenaran Merancang (PKM) dan lain-lain pelan pembangunan. Prestasi kemajuan projek adalah selari mengikut masa yang ditetapkan. *Workcamp* pembangunan projek telah diadakan pada 21 hingga 23 Ogos 2023. Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri pada 21 Disember 2023 telah meluluskan permohonan perlingkungan semula (Rezoning) projek ini yang akan dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun mulai pada 14 Julai 2023 sehingga Disember 2027 dengan kos keseluruhan sebanyak RM32 juta. Dengan rekabentuk yang strategik, projek ini diharap menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi setempat, membuka lebih banyak peluang perniagaan dan pekerjaan, serta meletakkan Pulau Pinang sebagai hub industri yang berdaya saing dan maju. Projek ini berjalan mengikut jadual dan bakal memberi manfaat kepada 22 usahawan dengan menyediakan peluang pelaburan dalam sektor IKS yang diharapkan dapat membantu merancakkan ekonomi serta menyokong pembangunan usahawan di kawasan tersebut. Pelaksanaan kerja tanah dijangka pada September 2025 dengan mengikut Tatacara Pengendalian Piawai (TPP) yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu dengan memperolehi semua kelulusan pelan pembangunan sebelum memulakan pembinaan seperti berikut:

BIL	PERKARA	TAHUN
1	Kelulusan Permohonan Peruntukan Kerajaan	2023
2	Perlantikan Perunding	2023
3	Rekabentuk	2023
4	Permohonan Kelulusan Rezoning	2023
5	Kelulusan Rezoning	2023
6	Penyediaan Laporan TIA	2024
7	Permohonan Pelan Kebenaran Merancang (PKM), Pelan Bangunan, Pelan Bomba	2025
8	Permohonan Pelan Kerja Tanah, PBA, R&D, TNB, IWK	2025
9	Kelulusan Semua Pelan Pembangunan	2025
10	Iklan Tender	2025
11	Perlantikan Kontraktor	2025
12	Pembinaan Siap	2027
13	Memperolehi CCC	2027



Cadangan Projek Perspektif 3D

7.15 Penggantian 14 Lot Kedai Permatang Buloh

Penggantian 14 unit kedai di atas Lot 4112, Mukim 8, Seberang Perai Utara melibatkan beberapa fasa penting antaranya pelantikan perunding, permohonan pelan kebenaran merancang, kerja meroboh bangunan sedia ada, penyediaan tapak, kerja infrastruktur asas seperti jalan dan sistem utiliti, kerja-kerja pembinaan bangunan baharu berdasarkan pelan yang telah diluluskan serta lain-lain kerja berkaitan.

Projek ini menerima peruntukan sebanyak RM120,000.00 bagi tahun 2023 yang dibelanjakan untuk beberapa aspek penting seperti berikut:

i. Bayaran yuran perunding untuk merancang reka bentuk dan merancang projek;
ii. Kerja Penyiasatan Tanah (SI) bagi memastikan keadaan tapak sesuai untuk pembinaan; dan
iii. Utility Mapping (UDM) untuk mencatat kedudukan dan keperluan utiliti di kawasan tapak.

Kerja-Kerja Semasa Projek adalah seperti berikut:

i. Proses *Rezoning*: Menukar status guna tanah supaya sesuai untuk projek pembangunan dan memenuhi keperluan perniagaan serta komuniti.;
ii. Pemilihan reka bentuk bangunan yang praktikal dan sesuai dengan Kawasan; dan
iii. Pemilihan pelan susunatur terbaik bagi mengoptimumkan penggunaan ruang dan memudahkan akses ke premis perniagaan.

Tarikh milik tapak adalah pada 8 November 2024 dan dijangka siap pada 7 Mei 2026. Projek ini mampu untuk merancakkan ekonomi setempat dengan menyediakan 14 unit ruang perniagaan yang berkualiti dan dijangka akan membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan bagi komuniti penduduk di Seberang Perai Utara.



Cadangan 14 unit kedai Permatang Buloh - Pandangan Hadapan

7.16 Program Sokongan dan Pemerkasaan Usahawan PERDA (SPEAR)

Pada tahun 2023, sebanyak RM1,500,000.00 telah diluluskan untuk Program Sokongan dan Pemerkasaan Usahawan PERDA (SPEAR) dan prestasi perbelanjaan adalah 100%. Program SPEAR bertujuan untuk Pembangunan Usahawan PERDA merangkumi pelaksanaan program-program seperti berikut:

i. Program *Rural Apprentice Entrepreneurship* PERDA (PREP);
ii. *Business Transformation Training* (B2T); dan
iii. *Rural Product Commercialization* (RPC).

Maklumat program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut.





LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

Program *Rural Apprentice Entrepreneurship* PERDA (PREP) adalah berkonsepkan "*Mentor* dan *Mentee*" iaitu kaedah "*Experiental Learning (ExL)*". Peserta akan dilatih oleh tenaga pengajar yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam skop bidang tertentu melalui dua (2) kaedah iaitu "*Hands On Learning*" (secara fizikal) dan "*Situated Learning*" (secara teori / kursus / bengkel) yang akan dikendalikan oleh mentor terpilih. Program ini mempunyai empat komponen utama dan tujuh skop bidang seperti Jadual 13.

Objektif Program adalah:

a. Mewujudkan kumpulan usahawan setempat dan bergerak *(mobile)* bagi menjalankan perniagaan dalam skop bidang terpilih;
b. Membantu dan membimbing peserta meningkatkan pendapatan melalui bidang keusahawan dan ilmu literasi kewangan;
c. Menyediakan latihan secara praktikal, kursus dan *coaching* yang bersesuaian sebagai platform kepada peserta untuk mengembangkan perniagaan; dan
d. Pakej bantuan mesin dan peralatan bagi pengupayaan dan kapasiti perniagaan.

Jadual 13 : Komponen Utama PREP dan Skop Bidang / Mentor

Bil	Komponen Utama PREP
1	Bantuan mesin / peralatan kepada *mentee*
2	Latihan pengurusan dan pembangunan perniagaan
3	Latihan dan bimbingan kemahiran pembangunan produk / perkhidmatan oleh usahawan mentor
4	Penyediaan bahan latihan kepada *mentee*

Bil	Skop Bidang / Mentor
1	Barista
2	*Internet of things* (IoT) (Pendawaian Elektrik)
3	Kiropraktik
4	Pembersihan
5	Digital dan Multimedia
6	Perkhidmatan Servis Kereta
7	Tanaman Cendawan

Sepanjang tahun 2023 sebanyak 625 orang peserta telah menerima manfaat melalui 10 kursus/latihan yang dilaksanakan menggunakan perkhidmatan perunding/penceramah dengan kerjasama bestari (kolaborasi/NBOS) bersama agensi/jabatan Kerajaan dan pihak-pihak swasta seperti Jadual 14.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

Jadual 14 : Aktiviti-aktiviti PREP Sepanjang Tahun 2023

Bil	Kursus / Latihan	Tarikh
1.	Pelantikan Mentor dan Proses Perolehan	April - Mei 2023
2.	Hebahan melalui Iklan kepada Umum	9 - 20 Mei 2023
3.	Temuduga dan Pemilihan Mentee	22 - 26 Mei 2023
4.	Latihan Asas 16 Kali - Bermula	1 Jun - 31 Ogos 2023
5.	Majlis Pelancaran Program *Rural Apprentice Entrepreneurship* PERDA (PREP)	26 Jun 2023
6.	Kursus Pemantapan Usahawan PREP Siri 1 Tahun 2023	19 - 20 Ogos 2023
7.	Minggu PREP @ EXPERT Tahun 2023	28 September - 1 Oktober 2023
8.	Kursus Pemantapan Usahawan PREP Siri 2 Tahun 2023	27 - 28 Oktober 2023
9.	Kursus Pemantapan Usahawan PREP Siri 3 dan Majlis Penutup PREP	18 - 19 November 2023
10.	Pembekalan Mesin kepada 55 Mentee	November - Disember 2023

Temuduga dan Pemilihan Mentee




Minggu PREP @ EXPERT 2023





Pembekalan Mesin kepada Mentee






LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

B2T Tempoh 2 Tahun (2022 – 2023)
Pelaksanaan B2T Tahun 2023

Program *Business Transformation Training* adalah program kursus dan latihan usahawan yang merupakan sub-program di bawah Program Sokongan Dan Pemerkasaan Usahawan PERDA (SPEAR). Matlamat program adalah untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang keusahawanan supaya usahawan lebih berdaya maju, *up-to-date* selari dengan saranan Kerajaan untuk melahirkan usahawan yang sentiasa bersedia menghadapi perubahan dalam dunia ekonomi ke arah Revolusi Industri 4.0 serta dapat meluaskan pasaran dalam dan luar negara. Program ini memberi keutamaan kepada kumpulan sasar yang terdiri daripada Usahawan *Start-up (Homebased* dan penjaja), Usahawan Mikro dan Kecil, serta pelajar semasa/lepasan/Alumni Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDATECH).

Pada tahun 2023 sebanyak 480 orang peserta telah menerima manfaat melalui 9 kursus/ latihan yang dlaksanakan. Berikut adalah senarai kursus/latihan yang dianjurkan seperti Jadual 15.

Jadual 15 : Senarai Program *Business Transformation Training* (B2T) Tahun 2023

BIL	KURSUS / LATIHAN	PESERTA (orang)
1.	Kursus Ledakan *Digital Marketing*	40
2.	Kursus *Inbound dan Outbound Marketing*	40
3.	Bengkel Jualan Melalui *Shoppee Pro*	40
4.	Bengkel Asas Penetapan Jenama dan Rekaan Pembungkusan Produk	40
5.	Bengkel Busines Forensik	40
6.	Seminar Keusahawanan Francais & Transformasi Minda	40
7.	Program Klik Klik Senang Akaun	40
8.	Kursus Pemantapan Imej & Keterampilan Diri	40
9.	Himpunan Keusahawanan PERDA Tahun 2023 (HIKE PERDA)	160
	Jumlah	**480**



Latihan dan bimbingan kemahiran pembangunan produk/perkhidmatan

RPC

RPC Tempoh 2 Tahun (2022 – 2023) Pelaksanaan B2T Tahun 2023

Rural Product Commercialization (RPC) adalah program promosi usahawan di dalam dan luar negara yang merupakan salah satu cabang di bawah Program Sokongan dan Pemerkasaan Usahawan PERDA (SPEAR). Program ini bermatlamat untuk mempromosikan produk usahawan melalui program yang berimpak besar dan dapat meluaskan pasaran dalam dan luar negara. Program ini memberi keutamaan kepada kumpulan sasar yang terdiri daripada Usahawan *Start-up* dan Usahawan Mikro Kecil. Objektif program adalah untuk menghasilkan produk usahawan luar bandar yang berkualiti tinggi selaras dengan standard piawaian antarabangsa dan meningkatkan kapasiti penghasilan produk serta mengukuhkan penjenamaan produk usahawan luar bandar dalam pasaran domestik.

Pada tahun 2023, seramai 395 orang peserta dari pelbagai syarikat telah menerima manfaat melalui 12 aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan. Senarai aktiviti *Rural Product Commercialization* (RPC) seperti Jadual 16.

Jadual 16: Senarai Aktiviti *"Rural Product Commercialization"* (RPC) Tahun 2023

BIL	LOKASI	TARIKH	PESERTA	HASIL JUALAN (RM)
1	SIFEX 2023 (*Sabah International Food Expo*)	16 – 20 Mac 2023	9	19,573.00
2	PIHEC 2023 (*Penang International Halal Expo and Confrence*)	23 - 25 Jun 2023	14	21,173.00
3	MEDAN FAIR 2023 (Pekan Raya Sumatera Utara 2023)	10-16 Julai 2023	6	14,460.23
4	Ekspo PERDA Tahun (EXPERT 2023)	28 September – 1 Oktober 2023	252	1,456,698.90 dan 11,825,000.00 (Kontrak)
5	SIBS 2023 (*Selangor International Business Summit 2023*)	19-22 Oktober 2023	10	25,561.00
6	Eskpo Keusahawanan 3KPP USM 2023	3-5 November 2023	10	16,590.00
7	*STARVENDORS 2023 (Starvendors Penang Foodstival* 2023)	10-12 November 2023	7	37,137.00
8	KUD@PUTRAJAYA 2023 (Karnival Usahawan Desa 2023)	22-26 November 2023	24	136,580.70
9	AHEX 2023 (*Asean Halal* Expo 2023)	29 November – 3 Disember 2023	3	9,100.00 dan 2 (Kontrak)
10.	Program Persijilan Halal PKS PERDA 2023	September – Disember 2023	10	-
11	Program Pendigitalan Usahawan (PPU)	4 Siri	42	-
12	Program Pemasaran Digital	1 siri	8	-
		JUMLAH	**395**	**13,561,873.83**







Selangor International Business Summit (SIBS) 2023

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

7.17 Program Bina Daya Insan @ PERDA

Program Bina Daya Insan @ PERDA merupakan program pembangunan dan kesejahteraan masyarakat di kawasan operasi PERDA yang memberi penekanan khusus kepada pembangunan ilmu pengetahuan dan kemahiran memimpin. Tumpuan juga akan diberikan kepada sudut pembinaan sahsiah dan jatidiri, menyemai semangat patriotisme selain kecergasan fizikal dan mental. Program merangkumi keusahawanan, kursus kemahiran, modal insan serta sosial dan kemasyarakatan. Objektif program ini adalah untuk membantu mengembangkan perniagaan yang diusahakan kumpulan sasar, meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam menjalankan perniagaan, melahirkan usahawan dari kumpulan sasar, memberi latihan kemahiran kompetensi kepada kumpulan sasar dan menyantuni kumpulan sasar dengan program sosial.

Pada tahun 2023, PERDA telah melaksanakan sebanyak lima program dengan kos RM1,500,000.00.

Program - program yang dilaksanakan adalah Program Pemerkasaan Belia, Program Pengupayaan Wanita, Program Pembangunan Komuniti Harmoni, Program Santuni Masyarakat Lara dan Program Bina Masyarakat Sejahtera.

Program Bina Daya Insan @ PERDA berjaya memberi manfaat kepada 8,684 orang daripada pelbagai lapisan peringkat umur termasuk belia, wanita, dan warga emas di dalam komuniti luar bandar. Masyarakat luar bandar perlu diberi layanan sama rata dan tidak perlu merasa terpinggir untuk menonjolkan bakat serta kebolehan dalam bidang kemahiran dan keusahawanan.

PROGRAM PEMERKASAAN BELIA

Jumlah Mendapat Manfaat

532
Orang



Objektif:

- Meningkatkan daya kepimpinan belia dengan keyakinan diri yang tinggi serta melahirkan belia yang aktif mengamalkan gaya hidup sihat; dan
- Memupuk jalinan dikalangan golongan belia bagi melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan bakal menjadi tunjang kepada masa depan negara.





PROGRAM PENGUPAYAAN WANITA

Jumlah Mendapat Manfaat

676

Orang



Objektif:

- Memperkasa beliawanis dan wanita dengan bakat kepimpinan dan potensi keusahawanan; dan
- Membimbing peniaga kecil wanita dan ibu tunggal yang berpendapatan rendah mempelajari kemahiran baharu bagi menambahkan pendapatan tambahan.







PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI HARMONI

Jumlah Mendapat Manfaat

4,184

Orang



Objektif:

- Memperkukuh perpaduan dan mewujudkan suasana harmoni dalam komuniti dengan tadbir urus kepimpinan yang cekap; dan
- Memperkasakan masyarakat menghadapi bencana melalui strategi persediaan, pemantauan, tindakan dan pemulihan oleh masyarakat setempat.







LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

PROGRAM SANTUNI MASYARAKAT LARA

Jumlah Mendapat Manfaat

2,609
Orang







Objektif:

- Meningkatkan pendapatan kepada peniaga kecil dengan bantuan mesin/peralatan dan kursus asas perniagaan; dan.
- Bantuan bakul rahmah dan bantuan pakaian seragam kepada kumpulan sasar bagi meringkankan beban.



PROGRAM BINA MASYARAKAT SEJAHTERA

Jumlah Mendapat Manfaat

683
Orang







Objektif:

- Membangunkan minda dan sikap kumpulan sasar supaya lebih bermotivasi;
- Penyediaan ilmu pengetahuan bagi melaksanakan projek ekonomi dari rumah atau secara bergerak; dan
- Memberi nillai tambah kepada kumpulan sasar dengan sijil kompetensi yang diperolehi.



7.18 Program Luar Bandar Cerdik STEM

Program Luar Bandar Cerdik STEM dilaksanakan bermula pada tahun 2023 dengan objektif untuk meningkatkan tahap pencapaian akademik pelajar-pelajar daripada 47 buah sekolah rendah dan 25 buah sekolah menengah luar bandar di bawah kawasan operasi PERDA. Penekanan program ini adalah kepada subjek-subjek Sains dan Matematik atau STEM di samping pengukuhan kepada subjek Bahasa Inggeris. Pelaksanaan program ini telah mendapat sokongan dan kerjasama daripada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang.

Peruntukan tahun 2023 yang diterima adalah berjumlah RM1,120,000.00 dan telah dibelanjakan 100% untuk pelaksanaan 42 siri program dan aktiviti seperti berikut:

- Program Tutorial SPM;
- Majlis Perasmian Kelas Pintar Luar Bandar@PERDA
- Majlis Apresiasi 2022 dan Taklimat Kepada Pentadbir Sekolah dan Guru Penyelaras 2023
- Bengkel Bina Modul Program dan *Training of Trainers* (TOT) – 3 siri
- *English Frenzy* – 3 siri
- *Mathzania* – 3 siri
- *Little Scientist* – 3 siri
- *Robotic Workshop* (Ren & Men) – 1 siri
- *Young Math Olympiad Workshop* – 3 siri
- *Young Math Olympiad Competition* – 1 siri
- *National Robotic Competition* (NRC) Peringkat Negeri Pulau Pinang – 1 siri
- PERDA *Robotic Challenge* 2023 – 1 siri
- Program Intensif Bijak Baca 2023 – 16 siri
- Program Lonjakan SPM 2023 – 7 siri



Bengkel Bina Modul Program



Lonjakan SPM 2023

Program ini telah memberi manfaat kepada 5,237 orang pelajar dari tahun 6 hingga tingkatan 5 yang terlibat berdasarkan kepada analisa keputusan pentaksiran dan peperiksaan bagi tahun 2023 yang telah mencatatkan pencapaian seperti berikut: -

i. Rumusan pencapaian subjek Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik bagi pelajar Tahun 6 adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Bilangan Pelajar	Peratus (%)
1	Bilangan pelajar Tahun 6	3,793	100.00%
2	Jumlah pelajar TP 6 Mengikut Subjek: - i. Bahasa Inggeris ii. Sains iii. Matematik	 601 581 575	 15.84% 15.32% 15.16%
3	Jumlah pelajar (Melepasi Tahap Penguasaan Minimum) – TP 3 hingga TP 6 Mengikut Subjek: - i. Bahasa Inggeris ii. Sains iii. Matematik	 3,705 3,752 3,690	 97.68% 98.92% 97.28%
4	Jumlah pelajar (Tidak Melepasi Tahap Penguasaan Minimum) - TP 1 dan TP 2 Mengikut Subjek: - i. Bahasa Inggeris ii. Sains iii. Matematik	 72 22 88	 1.90% 0.71% 2.32%

ii. Rumusan perincian pencapaian subjek teras (Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris) bagi keputusan SPM 2023 adalah seperti berikut: -

Bil.	Perkara	Bilangan Pelajar	Peratus (%)
1	Bilangan pelajar SPM – Subjek Teras	1,043	100.00%
2	Bilangan pelajar Semua 3A (A+/A/A-) (Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris)	92	8.82%
3	Jumlah pelajar mencapai tahap minimum C ketiga-tiga subjek	115	11.03%
4	Jumlah pelajar mencapai tahap minimum D/Lulus ketiga-tiga subjek	836	80.15%

iii. Rumusan perincian pencapaian subjek STEM elektif (Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik Tambahan) bagi keputusan SPM 2023 adalah seperti berikut: -

Bil.	Perkara	Bilangan Pelajar	Peratus (%)
1	Bilangan pelajar SPM – Subjek Sains Tulin	401	100.00%
2	Bilangan pelajar 4A (A+/A/A-) (Fizik, Kimia, Biologi dan Add Math)	10	2.49%
3	Jumlah pelajar mencapai tahap minimum C keempat-empat subjek	107	26.69%
4	Jumlah pelajar mencapai tahap minimum D/Lulus keempat-empat subjek	284	70.82%

Hasil pelaksanaan program ini telah membuahkan impak yang positif khususnya dalam meningkatkan minat pelajar terhadap subjek-subjek STEM serta penguasaan akademik dalam kalangan pelajar luar bandar.



English Frenzy, Mathzania and Little Scientist



Robotic Workshop



Young Math Olympiad Workshop



PERDA Robotic Challenge 2023



Young Math Olympiad Competition 2023



NRC Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2023

7.19 Pembangunan Integrasi Digital Sistem Maklumat PERDA

Adalah menjadi harapan agar peningkatan produktiviti dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam akan lebih meningkat dengan penggunaan teknologi dan ICT. Sehubungan dengan itu, kerjasama antara kementerian dan agensi adalah perlu untuk merealisasikan impian sebagai Kerajaan Digital. Sejajar dengan kehendak kerajaan, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) komited dalam menyediakan perkhidmatan digital yang terbaik, mudah digunakan, lancar dan berteraskan keperluan rakyat dengan saksama dalam memastikan tiada golongan yang terpinggir. Justeru, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) mengambil langkah proaktif dalam meningkatkan keupayaan penyampaian perkhidmatan secara dalam talian melalui pelaksanaan "Projek Pembangunan Integrasi Digital Sistem Maklumat PERDA" bagi tempoh 2021-2025.

Projek Pembangunan Integrasi Digital Sistem Maklumat PERDA melibatkan pembangunan 6 sistem aplikasi untuk menyokong teras perkhidmatan PERDA. Sistem-sistem aplikasi ini juga akan melibatkan perkhidmatan aplikasi mudah alih *(mobile apps)*, pelaksanaan integrasi antara sistem aplikasi dan ciri kawalan akses/capaian untuk pelbagai sistem *(single sign-on)* secara bersepadu.

Sepanjang tahun 2023, sebanyak RM267,085.24 telah dibelanjakan untuk pembangunan Sistem SmartGIS PERDA (RM222,520.40) dan Sistem eP PERDA (RM44,900.00). Selain itu, Sistem Usahawan PERDA telah dinaik taraf dengan kos RM307,720.00. Baki RM425,194.76 digunakan untuk sewa guna komputer riba, pembelian perkakasan serta peralatan ICT, dan aktiviti-aktiviti tadbir urus, pembudayaan serta kompetensi digital warga PERDA seramai 281 orang. Perincian Pembangunan Sistem Aplikasi adalah seperti di Jadual 17.

Jadual 17: Pembangunan Sistem Aplikasi Tahun 2023

Bil	Pembangunan Integrasi Digital Sistem Maklumat PERDA (2021-2025)
1.	Sistem *Smart*GIS PERDA (2023-2024) (dalam perlaksanaan sehingga Jun 2024) i. Mewujudkan satu pangkalan data terpusat menyimpan semua jenis pelan berkaitan program dan projek yang dilaksanakan oleh PERDA serta membuat perubahan pemetaan dengan segera; ii. Menyediakan perkhidmatan kepada pengguna menerusi aplikasi *Smart*GIS menerusi kemudahan capaian *Internet Of Things* IOT melalui *desktop browser*, komputer riba, telefon mudah alih atau tablet pintar di mana sahaja; dan iii. Menyediakan kemudahan analisa kepada *stakeholder* atau pengurusan tertinggi dalam merancang halatuju sosioekonomi kumpulan sasar berdasarkan statistik data pemetaan sistem *Smart*GIS.
2.	Sistem Perolehan PERDA (2023-2024) (dalam perlaksanaan sehingga Mac 2024) i. Menggantikan kaedah manual sedia ada; ii. Meningkatkan kualiti perkhidmatan, kecekapan operasi, dan kepuasan pengguna kepada pengguna awam; dan iii. Memastikan produktiviti kerja dan perkhidmatan penyampaian dapat ditingkatkan melalui penggunaan sistem aplikasi yang mesra pengguna, dinamik dan bersepadu.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

7.20 *Technical and Vocational Education and Training (TVET)* @ PERDA-TECH

Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH) atau PERDA *Advanced Technical Institute* mula beroperasi pada tahun 1989 dengan nama Pusat Latihan PERDA.

Pada 16 Disember 2007, Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH) telah dinaik taraf sebagai sebuah institusi kemahiran yang berdaftar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia, dan diiktiraf sebagai Pusat Bertauliah, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Kementerian Pembangunan Sumber Manusia dan *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) bagi mengeluarkan Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia.

Selaras dengan misi menjadi sebuah institusi pengajian teknikal yang terunggul berasaskan kemahiran, PERDA-TECH merupakan sebuah institusi kemahiran (TVET) yang setaraf dengan lain-lain institusi kemahiran di Malaysia yang menawarkan pelbagai program kemahiran kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Objektif PERDA-TECH adalah :

- Menyediakan kemudahan latihan kemahiran kepada lepasan sekolah dan para belia yang tidak dapat melanjutkan pengajian dalam bidang akademik atau profesional di institusi pengajian tinggi yang lain; dan
- Memberi peluang kepada lepasan pelajar bumiputera untuk mendapatkan latihan kemahiran teknikal dalam pelbagai bidang selaras dengan hasrat negara bagi melahirkan tenaga kerja mahir dan separuh mahir untuk memenuhi permintaan guna tenaga negara dalam sektor perkhidmatan.



Pendaftaran Pelajar Baru Sesi Julai 2023

PERDA-TECH telah menawarkan program pengajian kemahiran melibatkan 7 program peringkat sijil dan 6 program peringkat diploma seperti berikut:

Bil	Program Peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)	Kelayakan	Tempoh Pengajian
1	Sijil Teknologi Automotif	JPK	24 Bulan
2	Sijil Teknologi Elektrik	JPK	24 Bulan
3	Sijil Teknologi Kimpalan	JPK	24 Bulan
4	Sijil Kejuruteraan Pertanian	MQA	24 Bulan
5	Sijil Senireka Pakaian	MQA	24 Bulan
6	Sijil Multimedia Kreatif	MQA	24 Bulan
7	Sijil Kejuruteraan Mekanikal	MQA	24 Bulan

Bil	Program Peringkat Diploma Kemahiran Malaysia (DKM)	Kelayakan	Tempoh Pengajian
1	Diploma Kemahiran Malaysia Kejuruteraan Kimpalan	JPK	15 Bulan
2	Diploma Kemahiran Malaysia Automotif	JPK	12 Bulan
3	Diploma Kemahiran Malaysia Teknologi Komputer	JPK	38 Bulan
4	Diploma Teknologi Kejuruteraan Rekabentuk Produk	MQA	36 Bulan
5	Diploma Teknologi Kejuruteraan Pemesinan CNC Jitu	MQA	36 Bulan
6	Diploma Multimedia Kreatif	MQA	36 Bulan

Ringkasan keseluruhan peruntukan, perbelanjaan dan jumlah yang mendapat manfaat adalah seperti berikut:

PROGRAM	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)	BELANJA (RM)	PERATUS (%)	JUMLAH PENERIMA MANFAAT
Tenaga Mahir dan Latihan Kemahiran	4,000,000.00	4,000,000.00	100%	921 Orang

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

Sepanjang tahun 2023, PERDA-TECH telah menyertai beberapa Pertandingan Inovasi dan Reka Cipta melalui pameran (iCompEx), sebagai usaha untuk mencungkil bakat, kebolehan dan kemampuan serta menggalakkan peningkatan kreativiti di kalangan pelajar dan tenaga pengajar di samping untuk mempromosikan PERDA-TECH sebagai Institusi Kemahiran yang berwibawa. Pencapaian dalam pertandingan yang disertai sepanjang tahun 2023 adalah seperti berikut :

PERTANDINGAN INOVASI DAN REKA CIPTA

GOLD AWARD	***PEST SHREDDER***	Jabatan Teknologi Pembuatan
GOLD AWARD	***SILAGE EZI CAP***	Jabatan Kejuruteraan Pertanian
GOLD AWARD	***FUEL LID SAFETY SYSTEM***	Jabatan Teknologi Automotif
SILVER AWARD	***MECHANICAL VEGETABLE PICKER***	Jabatan Teknologi Pembuatan
SILVER AWARD	***SMART LIZARD***	Jabatan Teknologi Pembuatan
SILVER AWARD	***ELECTRONIC BLEEDING BRAKE***	Jabatan Teknologi Automotif
SILVER AWARD	***SMART HOSTEL***	Jabatan Teknologi Komputer
SILVER AWARD	***INDOOR MUSHROOM CASE***	Jabatan Teknologi Pertanian







LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

PERTANDINGAN KEMAHIRAN DAN INOVASI EKSPO TVET@KKDW



PERTANDINGAN INOVASI — JOHAN - KATEGORI AUTOMOTIF/ PENGANGKUTAN



NAIB JOHAN - KATEGORI AUTOMOTIF/ PENGANGKUTAN — **PERTANDINGAN INOVASI**



TEMPAT KE-3 — CABARAN TEH TARIK

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

9TH SOUTHEAST ASIAN AGRICULTURAL AND FOOD ENGINEERING STUDENT CHAPTER ANNUAL REGIONAL CONVENTION 2023 (ARC2023)

Anjuran Persatuan Jurutera Pertanian dan Makanan Malaysia (MSAE) di UPM Serdang

CULTURAL PERFORMANCE



INOVASI

SILVER MEDAL	*EZISILAGE CAP*
SILVER MEDAL	*INDOOR MUSHROOM CASE WITH APPLICATION OF SOLAR GENERATOR*
BRONZE MEDAL	





Selain akademik, PERDA-TECH juga melaksanakan Program Pembangunan Insan (PPI) dan ko-kurikulum bertujuan untuk mengimbangi pengajian kemahiran dan akademik yang diikuti sepanjang tempoh pengajian. Objektif program untuk meningkatkan nilai-nilai murni pada setiap pelajar dengan pelbagai aktiviti sosial berteraskan jati diri, kerohanian, semangat kerjasama, kesukanan dan kemasyarakatan. Melalui Program Pembangunan Insan (PPI) dan ko-kurikulum ini, pelajar-pelajar lulusan PERDA-TECH akan diterima oleh industri dan masyarakat untuk berkhidmat kepada negara berdasarkan kepada kekuatan ilmu kemahiran yang diimbangi dengan ciri-ciri nilai murni yang diterapkan dalam tempoh pengajian mereka.

Antara program yang dilaksanakan sepanjang tahun 2023 adalah:

- *Digital Literacy Workshop*;
- Perarakan Kontinjen Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH) Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Yang Ke-66 Peringkat Negeri Pulau Pinang;
- Program Sambutan Bulan Kemerdekaan;
- Program Pemantapan Bahasa Inggeris PERDA-TECH 2023, *Language Fiesta*;
- Program *Mypreneur* Peringkat Negeri Pulau Pinang Anjuran Pejabat Belia dan Sukan Daerah Seberang Perai Selatan Bertempat Di *Farmstay* Relau, Serdang;
- Program Jelajah *Flm (Financial Literacy Month)* 2023 Anjuran *Financial Education Network (Fen)* di Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH); dan
- Pertandingan *Trivia* STEM Sempena Minggu Sains Negara 2023.



LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

7.21 Program TVET Sukses Asas Teknikal (SAKTI)@PERDA-TECH

PERDA-TECH juga melaksanakan Program Khas Sukses Asas Kemahiran Teknikal (SAKTI) yang memberi peluang kepada pelajar yang tidak mempunyai kelayakan akademik untuk menyambung pengajian dalam bidang kemahiran. Program Khas SAKTI telah mula dilaksanakan pada tahun 2012. Tempoh pengajian program ini adalah selama 6 bulan. Objektif Program SAKTI adalah :

- Menyediakan peluang pengajian kemahiran kepada pelajar yang tidak mempunyai kelayakan akademik yang minima;
- Melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang mahir dari kalangan bumiputera; dan
- Meningkatkan sumber pendapatan dan ekonomi keluarga bagi pelajar-pelajar yang lemah akademik.

Sebanyak 5 program pengajian di bawah Program Khas Sukses Asas Kemahiran Teknikal (SAKTI) mengikut bidang seperti:

i. Kursus Asas Fabrikasi Logam (Kimpalan);
ii. Kursus Asas Mekanikal Kenderaan (Automotif);
iii. Kursus Asas Jahitan dan Potongan Baju;
iv. Kursus Asas Pendawaian Elektrik Fasa Tunggal; dan
v. Kursus Asas Komputer.



PERDA-TECH juga telah melaksanakan Program TVET Madaris bersama pusat tahfiz. Program usahasama dan kerjasama dengan Madrasah Darul Uloom Shaik Zakariyya merupakan perintis bagi program ini. Ambilan Pertama bermula pada Oktober 2022, pelajar dari madrasah ini telah ditawarkan program pengajian Sijil Kemahiran Khas Mekanik (Automotif) dan Sijil Kemahiran Khas Fabrikasi Logam (Kimpalan). Pelajar-pelajar ini telah menamatkan kursus pada bulan Jun 2023.

Selain itu, program ini telah menerima seramai 10 orang pelajar dari Sekolah Menengah Agama Maahad As-Syaksiah Tahfiz Sains untuk menjalani Kursus Asas Komputer selama 3 bulan di PERDA-TECH.



Program TVET Madaris

Pada tahun 2023, sebanyak RM250,000.00 telah diperuntukkan untuk program ini dan telah dibelanjakan sepenuhnya. Seramai 114 orang pelajar telah penerima manfaat dari program SAKTI seperti berikut:

Program Sakti	Jumlah Pelajar
KIMPALAN	07
AUTOMOTIF	26
ELEKTRIK	26
FESYEN	07
TEKNOLOGI MAKLUMAT	21
MADARIS (TAHFIZ)	27

Jumlah Menerima Manfaat

114 ORANG

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

Pada 9 Disember 2023, PERDA-TECH telah mengadakan Majlis Konvokesyen PERDA-TECH kali ke 12 bertempat di Dewan Utama, Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH) untuk meraikan 405 pelajar yang telah bergraduat pada tahun 2021. Anugerah penyampaian kepada 299 orang pelajar sijil dan 106 orang pelajar diploma telah di sempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Ramlan Bin Dato' Harun, Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).



LAPORAN ANAK SYARIKAT



PERDA *Ventures Incorporated* Sdn. Bhd. (PVISB) adalah syarikat milik penuh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) yang ditubuhkan pada 6 Mac 2007. Tujuan utama penubuhan PVISB adalah sebagai jentera pelaksana *'implementing arm'* kepada PERDA dalam pelaksanaan projek-projek yang mempunyai nilai komersial. PVISB telah melaksanakan beberapa projek pembangunan hartanah secara usahasama dengan syarikat-syarikat yang berpotensi, selain turut menjalankan perniagaan dalam bidang agro industri, perkhidmatan pembersihan dan penyelenggaraan serta dipertanggungjawabkan menguruskan Pusat Perniagaan *Midtown* PERDA.

8.1 Lembaga Pengarah PVISB

Ahli Lembaga Pengarah PVISB sehingga 31 Disember 2023 adalah seramai lima (5) orang seperti berikut:

AHLI LEMBAGA PENGARAH PVISB

PENGERUSI

DATO' JEFFRI SALIM
23 Oktober 2023 sehingga Kini

AHLI LEMBAGA PENGARAH


DATUK CHE MURAD SAYANG RAMJAN
30 Ogos 2019 sehingga Kini

DATUK MOHD NOOR AHMAD
3 Oktober 2023 sehingga Kini

DATO' HAJI MOHD ASRI BAHARUM
3 Julai 2023 sehingga Kini

NOR HAFIZAH OTHMAN
23 Oktober 2023 sehingga Kini

CARTA ORGANISASI PVISB TAHUN 2023



LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

Sepanjang tahun 2023, sejumlah RM3 Bilion nilai pelaburan kasar (GDV) telah berjaya diusahakan melalui pelaksanaan projek-projek hartanah, pertanian dan program pemasaran yang disertai. Maklumat keuntungan/kerugian PVISB pada tahun 2023 secara ringkas adalah seperti berikut:

TAHUN	KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI (RM)	KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI (RM)	KEUNTUNGAN TERKUMPUL (RM)
• 2023	• **2023** RM1,257,910.00	• **2023** RM947,033.00	• **2023** RM3,571,820.00
• 2022	• **2022** RM1,454,802.00	• **2022** RM1,079,985.00	• **2022** RM5,166,828.00

Operasi PVISB pada masa ini terbahagi kepada empat (4) aktiviti utama iaitu :





Pembangunan dan Pengurusan Hartanah



Agro Industri



Pengurusan Acara



Pembersihan dan Penyelenggaraan


8.2 Pembangunan Perumahan dan Pengurusan Hartanah

Pada tahun 2023, PVISB sedang melaksanakan tiga (3) projek pembangunan hartanah seperti berikut:

8.2.1 Taman Desa Ara Permai Fasa 2

Pembangunan bercampur di atas sebahagian Lot 1769, Ara Kuda, Mukim 13, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang secara usahasama bersama syarikat Kuntum Bina Sdn. Bhd. Kebenaran mula kerja telah diperolehi pada 1 November 2023. Status pelaksanaan projek sehingga 31 Disember 2023 adalah seperti Rajah 10. Komponen pembangunan keseluruhan adalah seperti berikut:

KOMPONEN PEMBANGUNAN	BIL. UNIT
• Rumah Teres 1 Tingkat	372
• Rumah Berkembar 1 Tingkat	40
• Rumah Pangsa Kos Rendah 4 Tingkat	65
JUMLAH	**477**



Rajah 10: Status pembangunan projek Taman Desa Ara Permai Fasa 2 sehingga 31 Disember 2023




Perumahan Taman Desa Ara Permai Fasa 2

8.2.2 Taman Ara Jaya

Pembangunan bercampur di atas Lot 1219, 1763, 1768, 1770 dan sebahagian Lot 1769, Mukim 13, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang secara usahasama dengan Syarikat GDW Mengkuang Sdn. Bhd. Kebenaran mula kerja telah diperolehi pada 22 Disember 2021. Status pelaksanaan pembangunan projek sehingga 31 Disember 2023 adalah seperti Rajah 11. Komponen pembangunan keseluruhan adalah seperti berikut:

KOMPONEN PEMBANGUNAN	BIL. UNIT
• Rumah Teres 1 Tingkat Kos Sederhana	363
• Rumah Berkembar 1 Tingkat	12
• Rumah Sesebuah 1 Tingkat	3
• Kedai Pejabat	81
JUMLAH	459



Rajah 11: Status pembangunan projek Taman Ara Jaya sehingga 31 Disember 2023




Perumahan Taman Ara Jaya


8.2.3 Taman Ara Suria

Pembangunan bercampur di atas Lot 361, 362, 10071, 10072, 365, 10073, 10074 dan 368, Mukim 13, Tasek Gelugor, SPU, Pulau Pinang secara usahasama dengan Syarikat *Pastech Engineering* Sdn. Bhd. Kebenaran mula kerja telah diperolehi pada 1 Jun 2022. Status pelaksanaan pembangunan projek sehingga 31 Disember 2023 adalah seperti Rajah 12. Komponen pembangunan keseluruhan 564 unit adalah seperti berikut:



KOMPONEN PEMBANGUNAN	BIL. UNIT
• Rumah Pangsa Kos Rendah	127
• Rumah Teres 1 Tingkat	386
• Kedai Pejabat	51
JUMLAH	564





Rajah 12: Status pembangunan projek Taman Ara Suria sehingga 31 Disember 2023



8.2.4 Sewaan Kedai Pejabat

a) Sewaan satu (1) unit bangunan kedai pejabat 3 tingkat di Sunway Perdana, Seberang Jaya, SPT, Pulau Pinang. Ketiga-tiga tingkat telah disewakan.

TINGKAT	PENYEWA	KADAR SEWA
Tingkat 1	HSBC Bank	RM6,000/bulan
Tingkat 2	Rahim & Co. International Sdn. Bhd.	RM2,200/bulan
Tingkat 3	Roshidah Osman & Partners	RM1,250/bulan



Kedai Pejabat 3 Tingkat - Sunway Perdana, Seberang Jaya, SPT

b) Dua (2) unit bangunan kedai pejabat 3 tingkat di Sena Jaya, Pokok Sena, SPU, Pulau Pinang. Lima (5) lot kedai telah disewa, satu (1) lot kedai belum disewa.

TINGKAT	PENYEWA	KADAR SEWA
No. 32A-1 (tingkat 1)	Restoran Big Tas Tea	RM1,870.00/bulan
No. 32A-2 (tingkat 2)	Qamissqa Sdn. Bhd.	RM1,700.00/bulan
No. 32A-3 (tingkat 3)	Pusat Jagaan Kanak-Kanak Kota Konstatinopel	RM1,530.00/bulan
No. 36-1 (tingkat 1)	Restoran Big Tas Tea	RM1,785.00/bulan
No. 36-2 (tingkat 2)	Klinik Pergigian Beauty Smile	RM1,530.00/bulan
No. 36-3 (tingkat 3)	Pusat Jagaan Kanak-Kanak Kota Konstatinopel	RM1,275.00/bulan



Kedai Pejabat 3 Tingkat - Sena Jaya, Pokok Sena, SPU

c) Jumlah sewaan kedai pejabat sehingga 31 Disember 2023 adalah sebanyak RM228,140.00.

8.2.5 Program *Rent to Own* (RTO) Taman Desa Ara

Program sewa beli rumah kos rendah berjumlah 105 unit di Taman Desa Ara, Tasek Gelugor, Pulau Pinang. Status sewaan rumah adalah seperti berikut :

JUMLAH RUMAH	JUMLAH DISEWA	KADAR SEWAAN	JUMLAH KUTIPAN 2023
105 unit	90 unit	RM290.00 sebulan	RM322,040.00



"Rent to Own" (RTO) Taman Desa Ara

8.3 Agro Industri

8.3.1 Pengurusan Kelapa Sawit

Aktiviti pengurusan ini memainkan peranan seperti berikut:

- Menguruskan pentadbiran dan pengurusan kelapa sawit.
- Mengawal selia dan memantau aktiviti ladang.
- Mengutip hasil jualan tandan segar.

Tanaman kelapa sawit ini terletak di kawasan Pongsu Seribu, Kubang Menerong, dan Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara serta di Machang Bubuk, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Sehingga 31 Disember 2023, sejumlah 574 tan hasil sawit berjaya dikutip dengan jumlah pendapatan sebanyak RM299,710.51 manakala jumlah keuntungan bersih adalah sebanyak RM120,857.19. Keluasan projek adalah 512.49 ekar mengikut lokasi seperti berikut:

Bil.	Lokasi	Keluasan (Ekar)	Hasil Sawit (Tan)
1	Pongsu Seribu	221.49	574
2	Kubang Menerong	220.00	
3	Machang Bubok	25.00	
4	Tasek Gelugor	46.00	
	Jumlah	**512.49**	**574**

8.3.2 PERDA *Veggie Park*

PERDA *Ventures Incorporated* Sdn. Bhd. (PVISB) menyediakan sewaan tanah *Veggie Park* di Ara Kuda dan Pongsu Seribu. Saiz plot sewaan adalah dari 0.5 ekar (minima) sehingga 50 ekar (maksimum) dengan keluasan 333.06 ekar. Jenis sayur-sayuran dan tanaman kontan yang diusahakan adalah seperti bendi, terung, petola, labu, cili besar, buah markisa dan sayuran berdaun seperti bayam dan sawi. Sepanjang tahun 2023, seramai 20 orang pekebun kecil di *Veggie Park* Ara Kuda telah mengusahakan seluas 297.56 ekar dan memperolehi hasil sebanyak RM400,328.40.



Veggie Park Ara Kuda, SPU

8.4 Pengurusan Kompleks Perniagaan *MIDTOWN* PERDA

Kompleks Perniagaan *MIDTOWN* PERDA, terletak di atas Lot Pt 711, Jalan Kubang Menerong, 13300 Tasek Gelugor, SPU. Projek ini bertujuan untuk menjadi perantara para usahawan dengan kumpulan sasar bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Projek ini berperanan:

a. Menyediakan ruang niaga yang kondusif untuk dikomersialkan oleh peniaga-peniaga yang berpotensi.
b. Menyediakan konsep perniagaan yang pelbagai, menarik dan bersesuaian untuk menarik tumpuan para pengunjung.
c. Meningkatkan hasil pendapatan syarikat di samping menawarkan harga sewaan yang berpatutan dan kompetitif.

Sehingga 31 Disember 2023, jumlah keseluruhan sewa dewan dan bilik seminar adalah seperti di Jadual 18 manakala keuntungan dari aktiviti Pusat Perniagaan *MIDTOWN* PERDA seperti di Jadual 19:

Jadual 18: Jumlah Keseluruhan Sewa Dewan dan Bilik Seminar

Bil.	Lokasi	Kadar Sewaan Sehari (RM)	Kekerapan Sewaan Tahun 2023	Jumlah Sewaan Tahun 2023 (RM)
1	Dewan PCC	6,000.00	41	240,000.00
2	Dewan Dahlia	3,800.00	73	277,400.00
3	Dewan Rafflesia	3,500.00	65	227,500.00
4	Bilik Lily	800.00	20	16,000.00
5	Bilik SPA	2,500.00	1	2,500.00
6	Bilik Teratai	1,500.00	13	19,500.00
7	Dataran Terbuka /Azalea	250.00	8	2,000.00
8	Bilik Akasia	250.00	4	1,000.00
			Jumlah Keseluruhan (RM)	**785,900.00**

Jadual 19: Keuntungan dari Aktiviti Pusat Perniagaan *MIDTOWN* PERDA Tahun 2023

Pusat Perniagaan *Midtown* PERDA Tahun 2023		
Hasil (RM)	**Belanja (RM)**	**Untung (RM)**
3,467,497.40	3,267,047.15	201,451.25

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

8.5 Perkhidmatan Pembersihan dan Penyelenggaraan

PVISB telah mewujudkan satu lagi cabang operasi iaitu menyediakan perkhidmatan pembersihan dan penyelenggaraan. Ini menunjukkan inisiatif PVISB untuk berusaha ke arah melebarkan operasi untuk menambahkan lagi pendapatan syarikat agar tidak tertumpu kepada projek pembangunan sahaja. Antara perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti berikut:

a. Menyediakan perkhidmatan pembersihan terperinci secara harian, bulanan atau tahunan yang merangkumi pembersihan lantai, karpet, tandas dan sebagainya.
b. Perkhidmatan pembersihan dari rumah ke rumah.
c. Perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan seperti peralatan rosak, kawalan serangga, bangunan kompleks perniagaan dan gerai.

Senarai tempahan pembersihan dan penyelenggaraan sehingga 31 Disember 2023 adalah seperti Jadual 20 berikut:

Jadual 20: Senarai Pembersihan dan Penyelenggaraan Tahun 2023

Bil	Butiran	Pendapatan Sebulan (RM)
1	Pejabat Pertanian Bumbung Lima	RM 500.00
2	D'fiesha *Steamboat and Grill*	RM2,500.00
3	Pejabat MIDA Pulau Pinang	RM1,940.00
4	Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang	RM3,790.00
5	Medan Perniagaan Pauh Jaya, Perai.	RM5,050.00
6	TAKAFUL Malaysia, Bandar PERDA.	RM1,890.00
7	Al Haddad Mart Sdn. Bhd.	RM1,800.00
8	Pejabat Pengurusan PVISB	RM1,500.00
		Jumlah Setahun : RM227,640.00







LAPORAN PENILAIAN OUTCOME



9.0 Laporan Penilaian *Outcome*

PERDA menggunakan pendekatan berasaskan *outcome* dalam penilaian sesuatu pelaksanaan program intervensi. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012: Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian *Outcome* telah menggariskan tatacara pelaksanaan penilaian outcome untuk mengukur prestasi dan pencapaian program/projek pembangunan nasional. PERDA telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program/projek berdasarkan lima (5) teras utama merangkumi perumahan dan infrastruktur asas, modal insan, ekonomi, keusahawanan dan sistem penyampaian. Pada tahun 2023, PERDA berjaya melaksanakan penilaian *outcome* untuk lima program pembangunan yang telah dijalankan untuk melihat kesan terhadap kumpulan sasar mengikut teras yang telah ditetapkan.

9.1 Projek Peningkatan Akademik B40@PERDA

Teras Ke-3 Dasar Pembangunan Luar Bandar : Modal Insan Berkualiti - Modal Insan luar bandar yang berkualiti, berdaya maju, mampan dan memenuhi keperluan masa hadapan melalui sistem pendidikan yang berkualiti.



KPI

- Pencapaian pelajar sekolah Rendah melepasi tahap penguasaan minimum bagi subjek EMAS (*English*, Matematik dan Sains).
- Pencapaian pelajar sekolah Menengah memperolehi sekurang-kurangnya C bagi subjek EMAS (Sains TERAS dan Sains Elektif).

OBJEKTIF PROGRAM

- Meningkatkan tahap penguasaan pelajar luar bandar bagi subjek kritikal iaitu EMAS (*English*, Matematik dan Sains);
- Membantu mengurangkan keciciran pelajar luar bandar bagi subjek EMAS (*English*, Matematik dan Sains); dan
- Memupuk minat pelajar mempelajari subjek EMAS (*English*, Matematik dan Sains) melalui pendekatan belajar menggunakan bahan aktiviti yang menarik.

TEMPOH KAJIAN

- Tahun 2021 dan Tahun 2022

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

OUTPUT

SASARAN

TAHUN 2021

i. 15 buah program dilaksanakan.
ii. 71 buah sekolah terpilih.
iii. 80 orang guru.
iv. 3,400 pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah .

TAHUN 2022

i. 30 buah program dilaksanakan.
ii. 71 buah sekolah terpilih.
iii. 200 orang guru.
iv. 10,000 pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah.

SEBENAR

TAHUN 2021

i. 15 buah program dilaksanakan.
ii. 71 buah sekolah terpilih.
iii. 80 orang guru.
iv. 3,400 pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah.

TAHUN 2022

i. 30 buah program dilaksanakan.
ii. 71 buah sekolah terpilih.
iii. 200 orang guru.
iv. 10,000 pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah.

OUTCOME

SASARAN

i. 10% pelajar sekolah rendah mencapai tahap penguasaan tertinggi bagi subjek emas (*English*, Matematik dan Sains).
ii. 95% pelajar sekolah rendah terlibat melepasi tahap penguasaan minimum bagi subjek emas (*English*, Matematik dan Sains).
iii. 50% pelajar sekolah menengah terlibat memperoleh sekurang-kurangnya gred C bagi subjek sains teras *English*, Matematik dan Sains (EMAS).
iv. 40% pelajar sekolah menengah terlibat memperoleh sekurang-kurangnya C bagi subjek sains elektif (Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik Tambahan).
v. 80% pelajar dan guru berpuas hati ke atas kualiti dan perkhidmatan yang disediakan.

SEBENAR

i. 10% pelajar sekolah rendah mencapai tahap penguasaan tertinggi bagi subjek emas (*English*, Matematik dan Sains).
ii. 95% pelajar sekolah rendah terlibat melepasi tahap penguasaan minimum bagi subjek emas (*English*, Matematik dan Sains).
iii. 50% pelajar sekolah menengah terlibat memperoleh sekurang-kurangnya gred C bagi subjek sains teras *English*, Matematik dan Sains (EMAS).
iv. 40% pelajar sekolah menengah terlibat memperoleh sekurang-kurangnya C bagi subjek sains elektif (Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik Tambahan).
v. 80% pelajar dan guru berpuas hati ke atas kualiti dan perkhidmatan yang disediakan.

ISU	IMPLIKASI	*SYOR*
• Bilangan peserta. • Program/ aktiviti kurang menarik.	• Penambahan peruntukan. • Modul perlu dipertingkatkan seiring gaya pembelajaran dan kaedah pengajaran.	• Memperbanyakkan lagi penglibatan murid agar berlaku perkembangan murid secara maksima. • Belajar sambil membuat penyelidikan/ *experiment*.

9.2 Projek Naik Taraf Infrastruktur Kawasan Perumahan Kos Terendah PERDA -Teras Ke-4 Dasar Pembangunan Luar Bandar : Prasarana Lengkap dan Canggih

~ Prasarana luar bandar yang berkualiti dan mencukupi untuk menyokong pembangunan ekonomi serta mewujudkan persekitaran kehidupan yang menarik dan kondusif sebagai tempat tinggal, bekerja, melabur dan destinasi pelancongan.



Taman Sungai Duri, SPS



Taman Kuala Muda, SPU



Taman Ekor Kucing, SPU

KPI

- Mengkaji keberkesanan program naik taraf infrastruktur Kawasan Perumahan Kos Terendah PERDA.

OBJEKTIF PROGRAM

- Meningkatkan kemudahan saliran perparitan ke tahap yang baik serta dapat menampung kapasiti air bagi mengelakkan berlakunya risiko air longkang tersumbat dan banjir kilat.

- Menggelakkan risiko pencemaran bau dan juga meningkatkan faktor kebersihan dan kesihatan dengan menyediakan kemudahan saliran yang baik.

- Meningkatkan kemudahan jalan bagi menampung jumlah penduduk yang semakin ramai disamping mengurangkan risiko kemalangan.

TEMPOH KAJIAN

- Tahun 2021-2022

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

OUTPUT

SASARAN

Kerja-kerja penurapan jalan, mengemaskini sistem perparitan serta beberapa aspek pembinaan lain di lokasi berikut:

i. Taman Sungai Duri.
ii. Taman Kuala Muda.
iii. Taman Ekor Kuching.

SEBENAR

Kerja-kerja penurapan jalan, mengemaskini sistem perparitan serta beberapa aspek pembinaan lain di lokasi berikut:

i. Taman Sungai Duri.
ii. Taman Kuala Muda.
iii. Taman Ekor Kuching.

OUTCOME

SASARAN

i. 80% Kemudahan saliran perparitan dan longkang ditingkatkan.
ii. 5% Risiko pencemaran bau dapat dielakkan dengan menyediakan kemudahan saliran yang baik.
iii. 100% Aksesibiliti jalan yang lebih baik, memberi keselesaan kepada penduduk setempat dan mengurangkan risiko kemalangan.

SEBENAR

i. 100% Kemudahan saliran perparitan dan longkang ditingkatkan.
ii. 10% Risiko pencemaran bau dapat dielakkan dengan menyediakan kemudahan saliran yang baik.
iii. 100% Aksesibiliti jalan yang lebih baik, memberi keselesaan kepada penduduk setempat dan mengurangkan risiko kemalangan.

ISU	IMPLIKASI	*SYOR*
• Kerosakan berulang. • Kemalangan luar jangka.	• Penjagaan kemudahan secara bersama-sama dan berjadual. • Peruntukan segera bagi membaiki sebarang kemungkinan.	• Kemudahan saliran perparitan dan longkang ditingkatkan. • Risiko pencemaran bau dapat dielakkan dengan menyediakan kemudahan saliran yang baik. • Aksesibiliti yang lebih baik, memberi keselesaan kepada penduduk setempat dan mengurangkan risiko kemalangan.

9.3 Projek Ameniti Sosial (PAMS) Pembaikan Dan Penyelenggaraan Dewan - (Teras Ke-4 Dasar Pembangunan Luar Bandar : Prasarana Lengkap dan Canggih)



Dewan Gerakan Masyarakat Sungai Baong, SPS



Dewan Serbaguna PERDA Kampung Lima Kongsi, SPS



Dewan Gerakan Masyarakat
Sungai Rusa, DBD



Dewan Ekor Kuching, SPU



Dewan Guar Perahu, SPT



Dewan Sungai Acheh, SPS



Dewan Kubang Menerong, SPU

KPI

- Meningkatkan imej PERDA pada masyarakat awam; dan
- Menyediakan kemudahan dewan bagi aktiviti kemasyarakatan penduduk setempat.

OBJEKTIF PROGRAM

i. Mengukur kekerapan penggunaan Dewan bagi aktiviti kemasyarakatan;
ii. Mengukur jumlah pendapatan sewaan Dewan PERDA; dan
iii. Mengukur tahap kepuasan dan keselesaan pengguna Dewan PERDA.

TEMPOH KAJIAN

- Tahun 2021- Tahun 2023

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

OUTPUT

SASARAN

Kerja tukar bumbung, struktur bumbung, cat, siling, *wiring*, kerja penambahan bangunan, tandas dan lain-lain kerja penggantian di lokasi berikut:

1. Dewan Gerakan Masyarakat Sungai Baong, SPS.
2. Dewan Serbaguna PERDA Kampung Lima Kongsi, SPS.
3. Dewan Gerakan Masyarakat Sungai Rusa, DBD.
4. Dewan Ekor Kuching, SPU.
5. Dewan Guar Perahu, SPT.
6. Dewan Sungai Acheh, SPS.
7. Dewan Kubang Menerong, SPU.

SEBENAR

Kerja tukar bumbung, struktur bumbung, cat, siling, *wiring*, kerja penambahan bangunan, tandas dan lain-lain kerja penggantian di lokasi berikut:

1. Dewan Gerakan Masyarakat Sungai Baong, SPS.
2. Dewan Serbaguna PERDA Kampung Lima Kongsi, SPS.
3. Dewan Gerakan Masyarakat Sungai Rusa, DBD.
4. Dewan Ekor Kuching, SPU.
5. Dewan Guar Perahu, SPT.
6. Dewan Sungai Acheh, SPS.
7. Dewan Kubang Menerong, SPU.

OUTCOME

SASARAN

1. 5% dapatan hasil sewa dewan.
2. 20% kekerapan penggunaan dewan.
3. 80% pengguna berpuas hati fasiliti dewan.

SEBENAR

1. Peningkatan 25% hasil sewa dewan.
2. Peningkatan 40% penggunaan dewan.
3. 85% pengguna berpuas hati fasiliti dewan.

LOKASI DEWAN						
Sungai Baong	Lima Kongsi	Sungai Rusa	Ekor Kuching	Guar Perahu	Sungai Acheh	Kubang Menerong
6 kali	1 kali	23 kali	3 kali	33 kali	38 kali	77 kali
RM1,650	RM275	RM5,150	RM485	RM3,730	RM13,200	RM5,500

ISU	IMPLIKASI
• Kerosakan berulang. • Kemalangan luar jangka.	• Penjagaan kemudahan secara bersama-sama dan berjadual. • Peruntukan segera bagi membaiki sebarang kemungkinan.

Projek ini dapat menyediakan fasiliti yang lebih baik dan memberi keselesaan kepada 10,000 orang pengguna.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

9.4 Projek PERDA *Food Park* IKS Kubang Menerong – (Teras Ke-2 Dasar Pembangunan Luar Bandar : Keusahawanan Pemacu Pembangunan Ekonomi)







LATAR BELAKANG

Mewujudkan taman perindustrian halal bersepadu yang terletak di dalam kawasan operasi PERDA bagi menjana ekonomi masyarakat setempat.

OBJEKTIF KAJIAN

Mengkaji keberkesanan program sewaan lot-lot Industri di kawasan seliaan PERDA.

SKOP PROGRAM

- Pengisian kilang IKS.
- Khidmat sokongan pengurusan operasi.
- Khidmat sokongan pemasaran produk.
- Khidmat sokongan perlesenan dan pensijilan.

OBJEKTIF PROJEK

1. PERDA *Food Park* adalah zon ekonomi yang memberi penekanan dalam pengeluaran produk makanan halal bagi menembusi pasaran tempatan dan antarabangsa; dan

2. PERDA *Food Park* juga mementingkan aspek peningkatan prestasi syarikat pengeluar di samping untuk mengekalkan integriti halal yang di perolehi serta berusaha ke arah meminimumkan kesan kepada persekitaran.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

OUTPUT

27 unit kilang sedia untuk disewakan.

Peningkatan Nilai jualan (Tahun 2023).

SASARAN

100 kekosongan peluang pekerjaan disediakan.

100% Bilangan pengusaha memperolehi Persijilan halal Malaysia.

OUTCOME

25 unit kilang sedia untuk disewakan.

RM17,378,741.66 (Jan - Nov 2023) Nilai jualan.

SEBENAR

199 kekosongan peluang pekerjaan disediakan.

14 pengusaha memperolehi Persijilan halal Malaysia.

ISU	IMPLIKASI	*SYOR*
• Mengurangkan kadar sewa. • Hebahan jualan dan tapak kepada orang ramai.	• Memohon tambah peruntukan.	• Memohon tambah peruntukan. • Memperbanyakkan promosi secara maksima. • Naik taraf lagi fasilitii sedia ada.

9.5 EXPO PERDA (EXPERT 2023) - (Teras Ke-2 Dasar Pembangunan Luar Bandar : Keusahawanan Memacu Pembangunan Ekonomi)



LATAR BELAKANG

EXPO PERDA (EXPERT) diperkenalkan bertujuan untuk mempromosikan produk keluaran usahawan khususnya usahawan luar bandar Pulau Pinang. Platform ini memberi ruang menyeluruh kepada usahawan yang telah menjalankan perniagaan mahu pun yang baru menceburi bidang keusahawanan.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Platform menyediakan platform promosi yang berpusat dan komprehensif untuk usahawan bumiputera Pulau Pinang;
2. Rangsangan menggalakkan aktiviti jualan dan promosi produk/perkhidmatan disamping membantu meningkatkan pendapatan jualan usahawan; dan
3. Jaringan menyediakan satu platform pertemuan di antara usahawan dan syarikat/pasaraya menerusi akiviti pemadanan perniagaan.

TEMPOH KAJIAN

- Tahun 2023

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

OUTPUT

SASARAN


- 250 unit booth disewakan kepada usahawan bumiputera.
- 70 ribu pengunjung sepanjang EXPERT 2022.
- RM1 Juta kontrak/tempahan sepanjang EXPERT 2022.
- 80% berpuas hati ke atas sepanjang EXPERT 2022.

OUTCOME

SEBENAR

- 250 unit booth disewakan kepada usahawan bumiputera.
- 70,541 ribu orang pengunjung sepanjang 4 hari.
- RM1,455,698.90 Jualan tunai dan RM11,825,000.00 Jualan melalui tempahan.
- 95.44% berpuas hati sepanjang EXPERT 2023.

ISU	IMPLIKASI	*SYOR*
• Kemudahan Parkir OKU. • Kemudahan Parkir berlampu. • Keperluan Tandas dan Surau semasa waktu puncak.	• Tambah peruntukkan untuk kemudahan OKU.	• Seminar kerjaya diperluaskan untuk jawatan di agensi Kerajaan. • Promosi melalui media massa ditingkatkan. • Skuad riuh diteruskan.


AI

10

DIARI KORPORAT TAHUN 2023





9 JANUARI 2023

- Kunjungan Hormat Pengurus Besar PERDA terhadap Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.



28 - 29 JANUARI 2023

- Program Pemantapan Perbadanan Pengurusan Taman Kumbar Permai, Teluk Kumbar, Pulau Pinang.



6 FEBRUARI 2023

- Lawatan Kerja YB Datuk Hajah Rubiah Binti Haji Wang, Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) ke Projek dan Program PERDA.



7 FEBRUARI 2023

- Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023 PERDA.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority



10 FEBRUARI 2023

- Kunjungan Hormat Pengurus Besar PERDA ke Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang.



12 FEBRUARI 2023

- Majlis Cabutan Undi Perumahan Taman Kuala Sungai Pinang.



13 FEBRUARI 2023

- Kunjungan Hormat Pengurus Besar PERDA ke Pejabat Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai.



16 - 17 FEBRUARI 2023

- *We Lead The Future: Esprit De Corps* Siri I

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

4 MAC 2023

- Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Dua Institusi Pendidikan Agama, Madrasah Darul Uloom Shaikh Zakariyya (DUZAK) dan Sekolah Menengah Agama Maahad As- Syakhsiah Tahfiz Sains (MATSA).





11 - 12 MAC 2023

- Karnival Alam Kita Anjuran Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

26 MAC 2023

- Lawatan Kerja YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri KKDW, Dato Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi ke PERDA.





31 MAC 2023

- Majlis Ihya Ramadan PERDA Bersama Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang di Masjid Sungai Kechil, Nibong Tebal.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority



7 APRIL 2023

- Majlis Ihya' Ramadan.



14 APRIL 2023

- Majlis Perasmian Kelas Pintar Luar Bandar @ PERDA.



14 APRIL 2023

- Majlis Ihya' Ramadan.



15 - 16 APRIL 2023

- Program PERDA4U Singgah Sahur.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority



18 MEI 2023

- Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri PERDA 2023.



19 MEI 2023

- Majlis Apresiasi Tahun 2022 dan Ramah Mesra Pengurus Besar PERDA Bersama Pentadbir Sekolah dan Guru Penyelaras Tahun 2023.



26 - 27 MEI 2023

- *We Lead The Future: Esprit De Corps Siri* II



3 JUN 2023

- Program PERDA Santuni Komuniti Madani #PERDADIHATI Bersama Pengerusi PERDA.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority



6 JUN 2023

- Bengkel Pembangunan *Content* Media Sosial *Expert* 2023.



11 JUN 2023

- Program PERDA Santuni Komuniti Madani #PERDADIHATI Bersama Pengerusi PERDA Siri 2.



16 - 18 JUN 2023

- *Penang Agrofest* @ Pesta Mengkuang.



17 JUN 2023

- Program PERDA Santuni Komuniti Madani #PERDADIHATI Bersama Pengerusi PERDA Siri 3.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority



19 - 20 JUN 2023

- Program *Open Day* @ Kompleks PERDA *Food Park*.



24 JUN 2023

- Program PERDA Santuni Komuniti Madani #PERDADIHATI Bersama Pengerusi PERDA Siri 4.



26 JUN 2023

- Majlis Perasmian Program Sokongan dan Pemerkasaan Usahawan PERDA (SPEAR) Tahun 2023.



4 - 6 JULAI 2023

- Kursus Teknik Pembungkusan dan Penjenamaan Kreatif.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority



7 JULAI 2023

- Program PERDA Santuni Komuniti Madani #PERDADIHATI Bersama Pengerusi PERDA Siri 5.



15 JULAI 2023

- Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kemahiran dan Inovasi Ekspo TVET@KKDW.

16 JULAI 2023

- Majlis Perasmian Ekspo Institusi Pendidikan TVET@KKDW 2023.





18 JULAI 2023

- Perhimpunan Bulanan Bagi Bulan Julai 2023 dan Slot Khas *Hi-tea* Bersama Pengerusi PERDA.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority



22 JULAI 2023

- Program Perda Santuni Komuniti Madani #PERDADIHATI Bersama YBhg Dato Ir. Dr. Shaik Hussein Mydin.



26 - 27 JULAI 2023

- Media: Program *Robotic Workshop(SK) & Yong Math Olimpiad.*



30 JULAI 2023

- Program Mini PERDA Santuni Komuni Madani #PERDADIHATI Bersama Belia Sungai Dua.



31 JULAI 2023

- Program Mini PERDA Santuni Komuni Madani #PERDADIHATI Bersama Penduduk Taman Sungai Dua Utama.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority



1 OGOS 2023

- Program Mini PERDA Santuni Komuni Madani #PERDADIHATI Bersama Warga Kampung Permatang Tok Bidan.



2 OGOS 2023

- Program Mini PERDA Santuni Komuniti Madani #PERDADIHATI –Simpang Empat Permatang Buloh.



4 OGOS 2023

- Program Agro Di Hati.



5 OGOS 2023

- Program *Openday Agrotourism* Yang Dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah.



6 OGOS 2023

- Majlis Apresiasi Pelajar SPM Tahun 2022.



6 OGOS 2023

- Program Aspirasi Wanita @ PERDA.



8 OGOS 2023

- Program Semarak Merdeka Komuniti Madani Siri I - Kampung Permatang Tok Jaya.



9 OGOS 2023

- Program Semarak Merdeka Komuniti Madani Siri II – Kampung Merbau Kudong.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority



11 OGOS 2023

- Majlis Apresiasi Mahasiswa Anak Negeri Pulau Pinang.



31 OGOS 2023

- Program Merdeka 2023 Peringkat Negeri Pulau Pinang.



1 - 3 SEPTEMBER 2023

- Media- Kursus Asas Kewangan Bagi Program Memupuk Ekonomi.



4 - 7 SEPTEMBER 2023

- Kursus Pengukuhan Pasukan Untuk Anggota PERDA Tahun 2023.



5 - 7 SEPTEMBER 2023

- Media- Kursus Pemantapan Imej dan Keterampilan Diri Usahawan.



13 - 15 SEPTEMBER 2023

- Media – Kursus Pengenalan dan Pengauditan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).



28 SEPTEMBER 2023 – 1 OKTOBER 2023

- *Expert* PERDA 2023.



27 JULAI 2023

- Program Usahawan *Francais* dan Transformasi Minda.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority



30 OKTOBER 2023

- Jom Ngopi "Himpunan Usahawan Kepada Usahawan".



14 - 17 NOVEMBER 2023

- Bengkel Pemantapan Media Sosial PERDA.



20 - 26 NOVEMBER 2023

- Karnival Usahawan Desa (KUD) Putrajaya



2 DISEMBER 2023

- Program Himpunan Keusahawan PERDA 2023 (HIKE PERDA).



2 - 3 DISEMBER 2023

- Program Pemantapan Badan Pengurusan Bersama Komuniti Pangsapuri Taman Sungai Dua Utama.



3 DISEMBER 2023

- Program Eksplorasi Rakan Belia @ Taman Negara Pulau Pinang Dengan Kerjasama Gerakan Belia 4B Permatang Pauh.



9 DISEMBER 2023

- Majlis Konvokesyen PERDA-TECH.



11 - 12 Disember 2023

- Lawatan Tapak Projek Pembangunan di Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) oleh Bahagian Kemajuan Tanah dan Wilayah, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) Projek Pembinaan Gerai di Pusat Pertumbuhan Desa Sungai Acheh, Nibong Tebal.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

11 - 12 Disember 2023

- Lawatan Tapak Projek Pembangunan di Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) oleh Bahagian Kemajuan Tanah dan Wilayah, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) Projek Pembinaan Premis Perniagaan di Tasek Maju, Simpang Ampat, Nibong Tebal.





11 - 12 Disember 2023

- Lawatan Tapak Projek Pembangunan di Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) oleh Bahagian Kemajuan Tanah dan Wilayah, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) Projek Pembangunan Semula Gerai dan Dewan PERDA, Permatang Pauh.

1 - 31 DISEMBER 2023

- Pesta Pulau Pinang.





11

LIPUTAN MEDIA TAHUN 2023



BH Selasa, 4 April 2023 Wanita&Keluarga 23

Nurul Izzah percaya kemampuan diri

Wanita kerdil tak jadikan kekurangan fizikal halangan untuk berjaya dalam dunia fesyen

Oleh Nuk Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Butterworth: Dilahirkan sebagai insan kerdil dan pernah disindir tidak mampu pergi jauh bukan penghalang menceburi bidang perniagaan, sebaliknya menggunakan kelebihan itu untuk berjaya dalam kehidupan.

Nurul Izzah Mohd Asri, 25, dengan ketinggian tubuh 117 sentimeter tetap bersyukur kekurangan dari segi fizikal, mempunyai kelebihan mempamerkan kemahirannya menjadi tukang jahit.

Walaupun asalnya meminati bidang masakan, tetapi percubaannya secara 'suka-suka' mempelajari asas jahitan, membawa dirinya menceburi bidang fesyen.

Anak keempat daripada lima beradik itu berkata, segala-galanya bermula apabila dia bosan tidak berbuat apa-apa ketika menunggu keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), pada 2015.

"Selepas selesai menduduki SPM, saya hanya duduk di rumah tanpa melakukan sebarang kerja. Kemudian ibu mengesyorkan mengikuti kursus menjahit kerana bidang masakan tidak begitu sesuai dengan keadaan dapur terlalu tinggi dan berbahaya untuk saya memasak.

"Jadi, saya mengikut kursus jahitan jangka pendek enam bulan bersama seorang sepupu di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

"Mulanya tidak pandai langsung memasukkan benang ke dalam mesin, apatah lagi mengukur serta memotong kain hingga terasa hendak menangis, namun atas tunjuk ajar diberikan saya mampu menguasai ilmu asas jahitan, " katanya ketika ditemui di rumahnya di Merbau Kudung, Sungai Dua, di sini.

Pernah ditawarkan kursus perniagaan di sebuah institusi pengajian tinggi (IPT), tetapi berhenti separuh jalan kerana tidak kena pada jiwanya, sebelum mengambil keputusan mengikut kursus jahitan.

"Selain itu, saya juga mengikuti menyertai kursus jurusan seni reka fesyen selama dua tahun di sebuah institusi kemahiran," katanya yang kini sudah membuka premis menjahit di kediaman keluarganya, pertengahan tahun lalu.

Dapat kepercayaan pelanggan

Mengenai cabarannya, kongsinya, disebabkan fizikalnya yang kerdil, Nurul Izzah akan mengambil ukuran baju dengan naik di atas kerusi mendapatkan ukuran pakaian pelanggan.

"Pelanggan tahu kekurangan diri saya dan mereka tidak pernah memperlekehkan saya bahkan terus mempromosikan baju yang dijahit kepada rakan mereka yang lain.

"Memang agak mencabar saya bertubuh kecil, tetapi menjahit pakaian orang dewasa, tetapi itu bukan apa-apa sangat jika saya percaya bahawa diri saya boleh melakukannya.

"Hasilnya, memang saya boleh buat dan kini mendapat kepercayaan pelanggan yang mereka sukakan rekaan saya," katanya yang mampu menjahit semua jenis fesyen pakaian diminta pelanggan.

Malah, Ramadan dan Syawal memberikannya rezeki berlipat ganda apabila menerima banyak tempahan pelanggan untuk digayakan pada Aidilfitri nanti.



Nurul Izzah mengambil ukuran baju pelanggan di kedainya di Merbau Kudung, Sungai Dua, Butterworth. (Foto Danial Saad/BH)

"Saya akui tidak menang tangan menerima tempahan menjahit pakaian antaranya baju kurung, kebaya, jubah dan baju Melayu.

Mengulas lanjut, Nurul Izzah berkata, ramai yang menyokong usahanya menjadi tukang jahit, termasuk mendapat bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dari segi peralatan mesin.

"Inilah faedah yang saya dapat, walaupun dalam kategori orang kelainan upaya (OKU). Saya tidak pernah terasa diri dipinggirkan kerana ada sahaja yang bersedia menghulurkan tangan untuk menolong saya.

"Memang tidak rugi keputusan saya menceburi bidang jahitan, walaupun ada juga yang menyindir saya tidak dapat pergi jauh dalam bidang ini. Namun, dengan kemahiran ini saya mampu menjana pendapatan.

Jadi, anak muda lain yang meminati bidang kemahiran tertentu teruskan sahaja impian itu.

"Bagi mereka yang dilahirkan istimewa seperti saya jangan difikirkan mengenai kekurangan diri, tetapi carilah apa kelebihan yang kita ada," katanya tidak gentar bidang ini banyak persaingan kerana percaya rezeki individu sudah ditetapkan.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
PENANG REGIONAL DEVELOPMENT AUTHORITY

20 Jun 2023

Perda Tech tawar 465 tempat kursus sijil, diploma TVET



PELAJAR mengikuti program TVET di Perda Tech.

Institut Kemahiran Tinggi Perda (Perda Tech) yang terletak di Nibong Tebal, di sini, menawarkan 465 tempat kepada individu khususnya pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang ingin mengikuti pengajian di bawah institusi itu bagi sesi kemasukan Julai 2023.

Perda Tech yang dikendalikan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda) adalah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) yang bertanggungjawab membangunkan modal insan luar bandar secara komprehensif.

Menurut Pengarah Perda Tech, Zolkifli Mohammed, ia adalah melalui pelaksanaan program Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET), pendidikan luar bandar dan pembangunan bina daya insan.

"Bagi program TVET, ia dilaksanakan di Perda Tech dengan menawarkan tujuh program sijil dan enam program diploma.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
PENANG REGIONAL DEVELOPMENT AUTHORITY

31 Julai 2023

BH Berita Harian

Nurul Izzah jadi tukang jahit

Oleh Muhammad Yusri Muzamir - Julai 31, 2023 @ 3:52pm
yusri.muzamir@bh.com.my



TASEK GELUGOR: "Akhbar Berita Harian banyak membantu saya menerima tempahan menjahit pakaian sehingga turut berpeluang menjahit baju Perdana Menteri," luah graduan Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH), Nurul Izzah Mohd Asri, 25.

Bakat gadis orang kurang upaya (OKU) yang mesra disapa sebagai Iza itu semakin dikenali sehingga dia diminta untuk menghasilkan baju Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan anaknya yang juga bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar.

"Asalnya, bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar membaca artikel mengenai saya yang disiarkan BH dan beliau menghubungi PERDA untuk mendapatkan maklumat lanjut. Beliau kemudian meminta saya menjahitkan baju kurung moden berona merah jambu.

"Beliau yang berpuas hati dengan hasil jahitan saya kemudian mengesyorkan saya kepada Anwar untuk menghasilkan kemeja batik, baru-baru ini," katanya kepada BH, di sini hari ini.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
PENANG REGIONAL DEVELOPMENT AUTHORITY

5 Ogos 2023

BH Berita Harian

Agropelancongan Tingkatkan Pendapatan Sungai Dua

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Hari Tebuka Agropelancongan anjuran Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) di Jeti Pengkalan Machang, Sungai Dua, di sini, hari ini.

Dalam majlis itu, Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) turut menyerahkan dua unit bot katamaran untuk diusahakan tiga koperasi nelayan dalam Parlimen Tasek Gelugor bagi tujuan memperkasakan pelancongan agro sekali gus meningkatkan pendapatan penduduk setempat.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata, walaupun BN hanya menawarkan enam calon untuk bertanding di Pulau Pinang, tetapi jentera PH turun membantu bagi memastikan kemenangan Kerajaan Perpaduan.

"Jentera BN dengan jentera PH akan bersama-sama bukan hanya memenangkan calon di enam kawasan ini tetapi jentera BN juga membantu jentera-jentera PH di kawasan-kawasan DUN yang lain," katanya.

Ditanya berhubung prestasi BN di Pulau Pinang selepas seminggu tempoh kempen, Ahmad Zahid berkata, beliau yakin pengundi akan membuat pilihan dengan memilih wakil rakyat dari parti itu sekali gus memenangkan calon Kerajaan Perpaduan.

"Kita tidak tahu lagi prestasi sebab mereka belum menang tetapi dari segi latarbelakang mereka, saya yakin keenam-enamnya akan didukung oleh bukan sahaja kepimpinan tetapi oleh pengundi di kawasan yang bakal mereka wakili," katanya.



Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid merasmikan penggunaan bot katamaran pada Program Hari Tebuka Agropelancongan anjuran Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) di Jeti Pengkalan Machang, Sungai Dua, Tasek Gelugor - Foo NSTP/Nur Izzati Mohamad

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
PENANG REGIONAL DEVELOPMENT AUTHORITY

21 September 2023

BH Berita Harian

EXPERT 2023 sasar nilai jualan RM1.5 juta, tingkat pendapatan usahawan

Oleh Nur Izzati Mohamad - September 21, 2023 @ 4:09pm
bhnews@bh.com.my



Shaik Hussein (kanan) mempromosikan EXPERT 2023 yang akan diadakan di Midtown PERDA, Kubang Menerong,Tasek Gelugor pada 28 September hingga 1 Oktober ini. - Foto NSTP/ Ihsan PERDA

BUTTERWORTH: Ekspo Usahawan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) (EXPERT) 2023 yang akan berlangsung selama empat hari mulai 28 September hingga 1 Oktober depan, menyasarkan perolehan nilai jualan sebanyak RM1.5 juta.

Pengerusi PERDA, Datuk Dr Shaik Hussein Mydin, berkata EXPERT diteruskan lagi tahun ini selepas pencapaian yang ditunjukkan pada siri pertama tahun lalu begitu memberangsangkan.

Katanya, EXPERT 2023 kali ini membabitkan penyertaan 250 reruai pameran termasuk 182 reruai jualan produk usahawan serta pelbagai agensi; sebuah bilik perkhidmatan spa; 13 'food truck'; 12 reruai sektor korporat, 10 trak atau bas perkhidmatan, 25 reruai kerjaya serta tujuh pameran mesin dan peralatan.

"Harga reruai usahawan ditawarkan serendah RM200 sepanjang empat hari program berlangsung kerana kita mahu memastikan usahawan tidak terbeban dengan harga tapak yang mahal.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
PENANG REGIONAL DEVELOPMENT AUTHORITY

30 September 2023

BERNAMA

EKONOMI

Usahawan Luar Bandar Disaran Kuasai Kemahiran Digital - Rubiah

30/09/2023 11:43 AM



TASEK GELUGOR, 30 Sept (Bernama) -- Usahawan luar bandar disarankan menguasai kemahiran digital untuk menghadapi persaingan perniagaan yang semakin kompetitif dan demi kelangsungan perniagaan mereka, kata Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Rubiah Wang.

Beliau berkata kementerian berharap langkah itu akan berupaya merapatkan jurang digital antara bandar dan luar bandar, seterusnya membantu usahawan luar bandar untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan dan sebagai persediaan menjalankan perniagaan secara dalam talian selaras dengan situasi ekonomi semasa.

"Bagi memastikan proses peralihan itu berjaya, usahawan digalakkan untuk menghadiri latihan dan program peningkatan kemahiran bagi memastikan produk yang dipasarkan menarik perhatian pelanggan.

"Walaupun kini pemasaran secara digital adalah norma baharu dalam perniagaan, memasarkan produk di media sosial sahaja tanpa strategi dan kemahiran, mungkin tidak memberikan impak berkesan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Ekspo Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (EXPERT) 2023 di sini malam tadi.

Program yang berlangsung selama empat hari bermula 28 Sept hingga 1 Okt di Midtown Perda, Kubang Menerong di sini turut dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda) Datuk Dr Shaik Hussein Mydin.

Rubiah berkata Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) turut menyediakan pelbagai kursus dan bimbingan digital menerusi Program Pendigitalan Usahawan Desa bagi membantu usahawan luar bandar memasarkan dan menambah baik kualiti produk sebagai persediaan memulakan perniagaan dalam talian.

Katanya langkah ini termasuk menyediakan platform DesaMall@KKDW sejak 2017 bagi memasarkan produk usahawan luar bandar secara dalam talian menerusi platform e-dagang.

Menurutnya langkah berkenaan juga sebagai pendorong anjakan paradigma kepada usahawan untuk beralih daripada perniagaan secara tradisional kepada memasarkan produk secara dalam talian menerusi platform digital, seterusnya merakyatkan ekonomi digital.

"KKDW juga telah memperuntukkan sebanyak RM1.7 juta bagi Program Pendigitalan Usahawan dengan menyasarkan seramai 1,000 usahawan mendigitalkan perniagaan pada tahun ini. Setakat ini, berdasarkan rekod kami sebanyak 2,472 syarikat telah berjaya didigitalkan," katanya.

30 September 2023

Berita Harian

Usahawan luar bandar perlu kuasai kemahiran digital

September 30, 2023 @ 3:22pm



Rubiah (tengah) melawat Taman Agroteknologi Pertanian PERDA dan Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (PERDA Food Valley) Tasek Gelugor. NSTP/DANIAL SAAD

TASEK GELUGOR: Usahawan luar bandar disaran menguasai kemahiran digital untuk menghadapi persaingan perniagaan yang semakin kompetitif dan demi kelangsungan perniagaan mereka, kata Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang.

Beliau berkata, langkah itu diharap berupaya merapatkan jurang digital antara bandar dan luar bandar, seterusnya membantu usahawan luar bandar meningkatkan produktiviti, kecekapan dan sebagai persediaan menjalankan perniagaan secara dalam talian selaras dengan situasi ekonomi semasa.

"Bagi memastikan proses peralihan itu berjaya, usahawan digalak menghadiri latihan dan program peningkatan kemahiran bagi memastikan produk dipasarkan menarik perhatian pelanggan.

"Walaupun kini pemasaran secara digital adalah norma baharu dalam perniagaan, memasarkan produk di media sosial saja tanpa strategi dan kemahiran, mungkin tidak memberikan impak berkesan," katanya selepas merasmikan Ekspo Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (EXPERT) 2023 di sini malam tadi.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
PENANG REGIONAL DEVELOPMENT AUTHORITY

26 November 2023

BH Berita Harian

PERDA-TECH perkasa TVET



KKDW memfokuskan pemerkasaan TVET untuk menghasilkan belia yang berkemahiran tinggi.

Sepanjang setahun mengemudi Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) pelbagai inisiatif diambil untuk memastikan agenda kerajaan membantu rakyat tercapai.

Dalam tempoh itu juga, banyak penambahbaikan dilakukan tanpa menjejaskan khidmat kepada rakyat khususnya di kawasan luar bandar.

Dengan beberapa keutamaan khususnya dalam aspek TVET, **DATUK SERI DR AHMAD ZAHID HAMIDI** jelas mempunyai visi menyeluruh, menyelami denyut nadi rakyat untuk memastikan agenda transformasi berlandaskan Malaysia Madani mencapai sasarannya.

Dalam Kafe Ahad minggu ini, beliau berkongsi iltizam dan hala tuju dalam memastikan KKDW berada pada landasan yang betul untuk memberi keutamaan kepada rakyat.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
PENANG REGIONAL DEVELOPMENT AUTHORITY

10 Disember 2023

myMetro

Perda Tech perkasa pendidikan TVET

Nur Izzati Mohamad
am@hmetro.com.my



RAMLAN menyampaikan Anugerah Ibnu Khaldun kepada Siti Hajar.

Nibong Tebal: Minat mendalam dalam bidang kejuruteraan mendorong anak kepada peniaga kedai runcit di Bagan Serai, Perak tidak berputus asa mencari jalan menyambung pengajian sehingga mendapat tempat di Institut Kemahiran Tinggi Perda (Perda Tech).

Siti Hajar Rohizat, 24, berkata selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dia hanya mendapat tawaran ke institut pengajian tinggi swasta (IPTS) berikutan keputusan kurang memberangsangkan.

Bagaimanapun anak bongsu daripada lima beradik itu tetap mahu mempelajari ilmu kejuruteraan dan bersyukur apabila dapat melanjutkan pengajian di peringkat sijil kemudian disusuli diploma dalam bidang Teknologi Kejuruteraan Rekabentuk Produk.

"Disamping itu, saya bertuah kerana menjadi sebahagian yang dapat mempelajari pendidikan latihan teknikal dan vokasional (TVET) yang sangat diperlukan dalam industri.

12

PENYATA KEWANGAN PERDA

BERAKHIR 31 DISEMBER 2023



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] untuk mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 62.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983 [*Akta 282*].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Penegasan Perkara

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap risiko ketidakupayaan sistem *Tenancy Management System* (TMS) bagi menjana data pengumuran penghutang menyebabkan pihak Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang tidak dapat mengenal pasti kecukupan penjejasan nilai penghutang sewaan sejumlah RM75,547.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983 [*Akta 282*]. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh

dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan

f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983 [*Akta 282*], saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 18 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang hendaklah mengambil tindakan proaktif dalam menentukan tatacara perekodan perjanjian usaha sama yang dilaksanakan. Perjanjian usaha sama ini perlu dipantau dengan teliti agar perekodan terhadap setiap transaksi melibatkan penjualan, keuntungan dan pelupusan dapat direkodkan dengan tepat.

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang berdasarkan keperluan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983 [*Akta 282*] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATO' SERI WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
9 DISEMBER 2024

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami DATUK WIRA IR. DR. SHAIK HUSSEIN BIN MYDIN dan DATO' HAJI MOHD ASRI BIN BAHARUM @ HARUN, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan Kumpulan pada 31 Disember 2023, dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga

Nama : DATUK WIRA IR. DR. SHAIK HUSSEIN BIN MYDIN

Gelaran : Pengerusi

Tarikh : 19 NOV 2024

Butterworth, Pulau Pinang

Bagi Pihak Lembaga

Nama : DATO' HAJI MOHD ASRI BIN BAHARUM @HARUN

Gelaran : Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh : 19 NOV 2024

Butterworth, Pulau Pinang

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG

Saya, NOR RIYANA BINTI RAMLI, No. K/P:740326-02-5990 pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas di Pulau Pinang pada 19 NOV 2024

PENGURUS KEWANGAN

Di hadapan saya,

SURUHJAYA SUMPAH
NO. P158
HADZRI BIN ABDUL MAJID
N/583
01.01.2022 - 31.12.2024
MALAYSIA

No 23, Tingkat 1,
Jalan Usahawan 4,
Pusat Perniagaan Kepala Batas,
13200 Kepala Batas,
Pulau Pinang.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2023

	Nota	KUMPULAN 2023 RM	KUMPULAN 2022 RM DINYATAKAN SEMULA	PERDA 2023 RM	PERDA 2022 RM DINYATAKAN SEMULA
ASET SEMASA					
Hartanah Pembangunan	4	63,168,984	61,541,075	18,533,603	15,242,484
Inventori	5	7,794,219	4,701,518	7,794,219	4,701,518
Akaun Belum Terima Daripada Urus Niaga Pertukaran:					
Penghutang Perniagaan	6	10,552,892	1,975,109	10,552,892	1,975,109
Penghutang Tabung Akaun Khas MPBPP	7	83,165,781	84,322,004	83,165,781	84,322,004
Amaun terhutang daripada Syarikat Subsidiari	8	-	-	3,797,148	4,274,626
Terimaaan Jangka Pendek/Pinjaman Kakitangan	9	978,449	931,062	978,449	931,062
Penghutang Pelbagai	10	1,308,078	784,201	1,308,078	784,201
Deposit dan Prabayar	11	7,144,518	3,107,077	842,219	885,553
Cukai	12	2,883,952	2,287,699	2,883,952	2,287,699
Simpanan Tetap Di Institusi Kewangan Berlesen	13	116,702,956	116,208,620	102,474,519	102,425,550
Wang di Bank dan di Tangan	14	135,058,551	82,108,530	134,019,132	78,312,893
JUMLAH ASET SEMASA		428,758,380	357,966,895	366,349,992	296,142,699
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah , Loji dan Peralatan	15	121,870,756	105,528,676	121,223,458	104,910,996
Hartanah Pelaburan	16	112,576,672	113,685,188	108,142,241	109,154,403
Tanah Dipegang Untuk Pembangunan	17	163,431,937	168,467,420	163,431,937	168,467,420
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	18	-	-	1,250,000	1,250,000
Terimaan Jangka Panjang/Pinjaman kakitangan	9	17,885,786	17,693,383	17,885,786	17,693,383
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA		415,765,151	405,374,667	411,933,422	401,476,202
JUMLAH ASET		844,523,531	763,341,562	778,283,414	697,618,901
LIABILITI SEMASA					
Akaun Belum Bayar Daripada Urus Niaga Pertukaran:					
Pemiutang Perniagaan	19	63,759	180,616	63,759	180,616
Pemiutang Pelbagai	20	539,295	827,908	39,511	39,511
Deposit dan Bayaran Terakru	21	22,898,890	23,376,939	7,453,355	7,984,840
Peruntukan Bayaran Gantian Cuti Rehat Jangka Pendek	22	104,379	90,958	104,379	90,958
Peruntukan Subsidi Faedah Pinjaman Kakitangan	23	107,888	51,240	107,888	51,240
Cukai	12	11,600	81,000	-	-
JUMLAH LIABILITI SEMASA		23,725,811	24,608,661	7,768,892	8,347,165
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Pemberian Kerajaan Persekutuan	24	42,577,312	42,577,312	-	-
Akaun Amanah	25	24,193,591	29,799,400	24,193,591	29,799,400
Tabung Akaun Khas MPBPP	26	170,213,674	112,480,479	170,213,674	112,480,479
Cukai Tertunda	27	37,000	37,000	-	-
Pinjaman Akaun Khas MPBPP	28	30,476,365	30,476,365	28,476,365	28,476,365
Peruntukan Bayaran Gantian Cuti Rehat Jangka Panjang	22	1,783,415	1,860,787	1,783,415	1,860,787
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA		269,281,357	217,231,343	224,667,045	172,617,031
JUMLAH LIABILITI		293,007,168	241,840,004	232,435,937	180,964,196
ASET BERSIH		551,516,363	521,501,558	545,847,477	516,654,705
EKUITI					
Pemberian Kumpulan Wang Rezab	29	548,381	548,381	548,381	548,381
Kumpulan Wang Pinjaman	30	24,500,000	24,500,000	24,500,000	24,500,000
Kelebihan Pendapatan Terkumpul		526,467,982	496,453,177	520,799,096	491,606,324
JUMLAH EKUITI		551,516,363	521,501,558	545,847,477	516,654,705

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikembarkan

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Nota	KUMPULAN 2023 RM	KUMPULAN 2022 RM DINYATAKAN SEMULA	PERDA 2023 RM	PERDA 2022 RM DINYATAKAN SEMULA
JUMLAH PENDAPATAN		92,571,451	75,037,531	83,235,684	68,164,894
Urus Niaga Bukan Pertukaran:					
Pemberian Kerajaan Persekutuan	31	54,327,900	48,300,000	54,327,900	48,300,000
Urus Niaga Pertukaran:					
Pendapatan Projek Usahasama	32	16,621,397	5,864,049	16,621,397	5,864,049
Hasil Jualan Rumah	33	502,500	6,707,582	502,500	6,707,582
Keuntungan Simpanan Tetap	34	2,773,138	2,542,302	2,327,771	2,257,728
Keuntungan Simpanan Semasa	34	487,219	294,919	487,219	284,360
Jualan Tapak Industri	33	4,164,975	172,010	4,164,975	172,010
Sewaan dan Pajakan Tanah	35	1,941,755	1,967,311	1,941,755	1,967,311
Sewaan Gerai	35	422,288	337,029	422,288	337,029
Hasil Pengurusan Hotel Teluk Bahang	35	1,055,246	974,657	1,055,246	974,657
Sewaan Rumah	35	142,358	204,215	142,358	204,215
Pendapatan Lain:					
Pendapatan Pelbagai	36	10,019,077	7,587,900	1,003,677	885,396
Hutang Ragu Pulih	37	90,413	78,659	90,413	78,659
Dividen Diterima	38	-	-	125,000	125,000
Keuntungan Atas Premium Insurans	39	23,185	6,898	23,185	6,898
JUMLAH PERBELANJAAN		61,542,022	58,658,659	53,339,165	52,131,074
Emolumen	40	16,823,749	16,197,088	16,823,749	16,197,088
Perkhidmatan dan Bekalan:	41				
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup		801,568	512,179	801,568	512,179
Perhubungan Utiliti		1,618,355	1,313,669	1,618,355	1,313,669
Sewaan		250,608	193,895	250,608	193,895
Bekalan Bahan Mentah dan Bahan Penyelenggaraan		104,536	126,400	104,536	126,400
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain		481,272	287,802	481,272	287,802
Penyenggaraan dan Pembaikan Kecil		2,045,770	1,512,301	2,045,770	1,512,301
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti		5,995,109	5,061,196	5,995,109	5,061,196
Pemberian Dalam Negeri		10,000	190,962	10,000	190,962
Bayaran Gantian Cuti Rehat		175,171	116,747	175,171	116,747
Kerugian Atas Faedah Pinjaman Kakitangan		56,647	51,240	56,647	51,240
Bayaran-Bayaran Lain		1,275,763	1,090,898	1,275,763	1,090,898
Kos Rumah Siap	42	294,142	3,869,973	294,142	3,869,973
Kos Tapak Industri	42	784,357	378,188	784,357	378,188
Pelunasan Belanja Pembangunan	43	10,455,116	12,588,036	10,455,116	12,588,036
Susut nilai	44	5,594,075	5,823,268	5,331,717	5,540,289
Hapuskira	45	283	3	283	3
Pelupusan Kos Tanah Projek Usahasama	46	5,035,482	2,758,683	5,035,482	2,758,683
Peruntukan Hutang Ragu	37	9,428	-	9,428	-
Cukai dan Pelbagai	47	9,730,591	6,586,131	1,790,092	341,525
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN BAGI TAHUN SEBELUM CUKAI		31,029,429	16,378,872	29,896,519	16,033,820
Cukai	48	(1,014,624)	(1,010,339)	(703,747)	(635,522)
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN BAGI TAHUN SELEPAS CUKAI		30,014,805	15,368,533	29,192,772	15,398,298
KELEBIHAN PENDAPATAN TERKUMPUL DIBAWA KE HADAPAN		496,453,177	475,510,164	491,606,324	471,298,321
(TOLAK):					
PELARASAN TAHUN TERDAHULU	49	-	5,574,480	-	4,909,705
LEBIHAN PENDAPATAN DIHANTAR KE HADAPAN		526,467,982	496,453,177	520,799,096	491,606,324

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikembarkan

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	KUMPULAN WANG PENGURUSAN	KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	KUMPULAN WANG REZAB	JUMLAH
KUMPULAN	**RM**	**RM**	**RM**	**RM**
Baki Pada 1 Januari 2022	(49,561,164)	524,792,729	278,599	475,510,164
Pelarasan Tahun Terdahulu	-	5,574,480	-	5,574,480
(Kurangan)/Lebihan Selepas Cukai	(6,904,022)	22,272,555	-	15,368,533
Baki Pada 31 Disember 2022	(56,465,186)	552,639,764	278,599	496,453,177
Baki Pada 1 Januari 2023	(56,465,186)	552,639,764	278,599	496,453,177
(Kurangan)/Lebihan Selepas Cukai	(9,639,838)	39,654,643	-	30,014,805
Baki Pada 31 Disember 2023	(66,105,024)	592,294,407	278,599	526,467,982
PERDA				
Baki Pada 1 Januari 2022	(49,561,164)	520,580,886	278,599	471,298,321
Pelarasan Tahun Terdahulu	-	4,909,705	-	4,909,705
(Kurangan)/Lebihan Selepas Cukai	(6,904,022)	22,302,320	-	15,398,298
Baki Pada 31 Disember 2022	(56,465,186)	547,792,911	278,599	491,606,324
Baki Pada 1 Januari 2023	(56,465,186)	547,792,911	278,599	491,606,324
(Kurangan)/Lebihan Selepas Cukai	(9,639,838)	38,832,610	-	29,192,772
Baki Pada 31 Disember 2023	(66,105,024)	586,625,521	278,599	520,799,096

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikembarkan

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	KUMPULAN		PERDA	
	2023 RM	2022 RM DINYATAKAN SEMULA	2023 RM	2022 RM DINYATAKAN SEMULA
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Lebihan Pendapatan Bagi Tahun Sebelum Cukai	31,029,429	16,378,872	29,896,519	16,033,820
Pelarasan Untuk:				
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	3,195,250	3,440,626	3,029,246	3,254,002
Susut Nilai Hartanah Pelaburan	2,398,825	2,382,642	2,302,471	2,286,287
Premium Insuran Diterima	(23,185)	(6,898)	(23,185)	(6,898)
Peruntukan Manfaat Kakitangan	175,171	116,747	175,171	116,747
Dividen Diterima	-	-	(125,000)	(125,000)
Faedah Diterima	(3,260,357)	(2,837,221)	(2,814,990)	(2,542,088)
Peruntukan Subsidi Faedah Pinjaman Kakitangan	107,888	51,240	107,888	51,240
Pelarasan Pindahan/Pelupusan Aset	1,328,050	-	1,328,050	-
Pelarasan Kelebihan Pendapatan Terkumpul	-	5,574,480	-	4,909,705
Pelarasan Pemberian Kerajaan Persekutuan	(54,327,900)	(48,300,000)	(54,327,900)	(48,300,000)
(Kurangan) Pendapatan Dari Kendalian Sebelum Perubahan Modal Kerja	(19,376,829)	(23,199,512)	(20,451,730)	(24,322,185)
PERUBAHAN MODAL KERJA				
Inventori	(3,092,701)	4,248,161	(3,092,701)	4,248,161
Urus Niaga Belum Terima	(18,618,681)	1,271,898	(14,060,428)	1,625,377
Urus Niaga Belum Bayar	(883,519)	(2,699,255)	(648,342)	(2,248,674)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Operasi	(41,971,730)	(20,378,708)	(38,253,201)	(20,697,321)
Cukai Dibayar	(1,680,277)	(1,822,818)	(1,300,000)	(1,300,000)
Aliran Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Operasi	(43,652,007)	(22,201,526)	(39,553,201)	(21,997,321)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Tambahan Kos-Hartanah Pembangunan	(3,403,870)	(44,287,930)	(3,403,870)	(5,170,575)
Pindahan Kos-Hartanah Pembangunan	1,775,961	7,015,491	112,751	7,015,491
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(20,865,380)	(16,026,342)	(20,669,758)	(15,431,909)
Pembelian/(Pelarasan) Hartanah Pelaburan	(1,290,309)	(588,825)	(1,290,309)	(588,825)
Pembelian/(Pelarasan) Tanah DiPegang Untuk Pembangunan	5,035,483	(4,053,203)	5,035,483	(4,053,203)
Perbelanjaan Akaun Amanah	(14,399,333)	(8,896,916)	(14,399,333)	(8,896,916)
Terimaan Akaun Amanah	8,793,524	25,816,139	8,793,524	25,816,139
Terimaan Tabung Akaun Khas MPBPP	63,889,418	548,423	63,889,418	548,423
Premium Insuran Diterima	23,185	6,898	23,185	6,898
Dividen Diterima	-	-	125,000	125,000
Faedah Diterima	3,260,357	2,837,221	2,814,990	2,542,088
Aliran Tunai Bersih Dijana Dalam Aktiviti Pelaburan	42,819,036	(37,629,044)	41,031,081	1,912,611

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikembarkan

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

BUTIRAN PERBELANJAAN (1)		PERUNTUKAN 2023				PERBELANJAAN SEBENAR 31.12.2023 (6)	TANGGUNGAN SEMASA 31.12.2023 (7)	JUMLAH (6) + (7) (8)	% BELANJA (8)/(5) (9)	VARIAN (5) - (8) (10)
		PERUNTUKAN DILULUS ASAL (2)	PERUNTUKAN TAMBAHAN /(TAHANAN)/PELARASAN (3)	SUMBER DALAMAN (4)	JUMLAH (2) + (3) + (4) (5)					
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
11000	GAJI DAN UPAHAN	11,014,000	(6,000)	214,000	11,222,000	11,008,000	-	11,008,000	98.09%	214,000
12000	ELAUN TETAP	3,281,000	-	47,000	3,328,000	3,292,595	-	3,292,595	98.94%	35,405
13000	SUMBANGAN BERKANUN	1,928,000	-	-	1,928,000	1,928,000	-	1,928,000	100.00%	-
14000	ELAUN LEBIH MASA	287,000	-	100,000	387,000	287,000	-	287,000	74.16%	100,000
15000	LAIN-LAIN FAEDAH KEWANGAN	258,000	6,000	158,000	422,000	276,498	-	276,498	65.52%	145,502
	JUMLAH EMOLUMEN	**16,768,000**	**-**	**519,000**	**17,287,000**	**16,792,094**	**-**	**16,792,094**	**97.14%**	**494,906**
21000	PERBELANJAAN PERJALANAN DAN SARA HIDUP	500,000	-	396,950	896,950	807,125	-	807,125	89.99%	89,825
22000	PENGANGKUTAN BARANG-BARANG	-	-	-	-	-	-	-	-	-
23000	PERHUBUNGAN DAN UTILITI	339,000	-	1,600,000	1,939,000	1,618,355	-	1,618,355	83.46%	320,645
24000	SEWAAN	-	-	257,000	257,000	250,608	-	250,608	97.51%	6,392
25000	BAHAN-BAHAN MAKANAN DAN MINUMAN	-	-	-	-	-	-	-	-	-
26000	BEKALAN BAHAN MENTAH DAN BAHAN-BAHAN UNTUK PENYELENGGARAAN / PEMBAIKAN	-	-	201,000	201,000	104,536	-	104,536	52.01%	96,464
27000	BEKALAN DAN BAHAN-BAHAN LAIN	20,000	-	521,000	541,000	322,143	-	322,143	59.55%	218,857
28000	PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KECIL YANG DIBELI	-	-	2,695,000	2,695,000	2,055,255	-	2,055,255	76.26%	639,745
29000	PERKHIDMATAN IKHTISAS DAN PERKHIDMATAN LAIN YANG DIBELI DAN HOSPITALITI	1,873,000	-	4,993,040	6,866,040	6,052,509	-	6,052,509	88.15%	813,531
	JUMLAH PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	**2,732,000**	**-**	**10,663,990**	**13,395,990**	**11,210,531**	**-**	**11,210,531**	**83.69%**	**2,185,459**
33000	Kenderaan dan Jentera	-		**400,000**	400,000	**367,949**	-	367,949	0.00%	32,051
35000	Harta Modal Yang Lain	-		-	-	-	-	-	0.00%	-
38000	Aset tak Ketara	-	-	254,000	254,000	223,929	-	223,929	88.16%	30,071
	JUMLAH ASET	**-**	**-**	**654,000**	**654,000**	**591,878**	**-**	**591,878**	**90.50%**	**62,122**
40000	**PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP**	-	-	-	-		-	-	0.00%	-
42000	PEMBERIAN & GANJARAN	-	-	120,000	120,000	10,000	-	10,000	8.33%	110,000
44000	TUNTUTAN INSURAN DAN PAMPASAN	-	-	-	-	-	-	-	0.00%	-
47000	GANTIAN CUTI REHAT / GANJARAN	-	-	250,000	250,000	239,122	-	239,122	95.65%	10,878
	JUMLAH PEMBERIAN DAN BAYARAN TETAP	**-**	**-**	**370,000**	**370,000**	**249,122**	**-**	**249,122**	**67.33%**	**120,878**
50000	**PERBELANJAAN LAIN**				-			-	-	-
52000	BAYARAN-BAYARAN LAIN	500,000	-	3,280,000	3,780,000	2,574,311		2,574,311	68.10%	1,205,689
	JUMLAH LAIN-LAIN PERBELANJAAN	**500,000**	**-**	**3,280,000**	**3,780,000**	**2,574,311**	**-**	**2,574,311**	**68.10%**	**1,205,689**
	JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS	**20,000,000**	**-**	**15,486,990**	**35,486,990**	**31,417,936**	**-**	**31,417,936**	**88.53%**	**4,069,054**

Bajet dan Penyata Kewangan disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada Penyata Kewangan. Penyata Kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam Penyata Kewangan manakala bajet disediakan pada asas tunai. Varian menunjukkan perbezaan antara amaun sebenar dengan amaun bajet.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	KUMPULAN		PERDA	
	2023 RM	2022 RM DINYATAKAN SEMULA	2023 RM	2022 RM DINYATAKAN SEMULA
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Pemberian Kerajaan Persekutuan	54,327,900	87,328,048	54,327,900	48,300,000
Pembayaran Balik Pinjaman Kakitangan	(77,393,722)	(26,367,654)	(77,393,722)	(26,367,654)
Tambahan Pinjaman Kakitangan	77,633,512	24,918,734	77,633,512	24,918,734
Pelarasan Balik Pinjaman Akaun Khas MPBPP	-	(15,000,000)	-	(15,000,000)
Peruntukan Subsidi Pinjaman Kakitangan	(51,240)	-	(51,240)	-
Tambahan Pinjaman Akaun Khas MPBPP	-	-	-	-
Bayaran Gantian Cuti Rehat (GCR)	(239,122)	(336,446)	(239,122)	(336,446)
Aliran Tunai Bersih Dijana Daripada Aktiviti Pembiayaan	54,277,328	70,542,682	54,277,328	31,514,634
Lebihan Bersih Dalam Aliran Tunai dan Kesetaraan Tunai	53,444,357	10,712,112	55,755,208	11,429,924
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	198,317,150	187,605,038	180,738,443	169,308,519
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	251,761,507	198,317,150	236,493,651	180,738,443
Tunai dan Kesetaraan Tunai di atas diwakili oleh:	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
Simpanan Tetap (Nota 13)	116,702,956	116,208,620	102,474,519	102,425,550
Tunai di Bank dan di Tangan (Nota 14)	135,058,551	82,108,530	134,019,132	78,312,893
	251,761,507	198,317,150	236,493,651	180,738,443

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikembarkan

KUMPULAN WANG YANG DISATUKAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

1. MAKLUMAT AM

1.1 Akta Berkaitan dan Aktiviti Utama

Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) telah ditubuhkan pada 01 Jun 1983 dibawah Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, Akta 282.

Aktiviti-aktiviti utama PERDA adalah seperti berikut:

(a) Memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan ekonomi, sosio-ekonomi dan infrastruktur dalam kawasan operasi.
(b) Memaju, menggalak, memudah dan mengusahakan pembangunan perumahan, perindustrian, perdagangan, keusahawanan dan sumber manusia.
(c) Mengawal dan menyelaras perlaksanaan pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa dan program-program yang diamanahkan oleh Kementerian yang bertanggungjawab dan Kerajaan Negeri.

Aktiviti utama syarikat subsidiari adalah seperti yang dinyatakan di Nota 18.

Lokasi perniagaan PERDA adalah di No. 1, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth, Pulau Pinang.

1.2 Pembentangan dan Pengesahan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah melalui Kertas Pemakluman kepada Lembaga Pengarah bertarikh 19 November 2024.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

(a) Asas Perakaunan

(i) Penyata Kewangan PERDA disediakan berasaskan konvension kos sejarah, kecuali disebut sebaliknya di dalam penyataan dasar perakaunan sepertimana mengikut arahan yang terkandung dalam Seksyen 23 Akta 282, Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983 dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang diterbitkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Ini merupakan tahun kelima Penyata Kewangan PERDA disediakan menggunakan MPSAS. Tarikh peralihan kepada rangka kerja MPSAS adalah pada 1 Januari 2018.

Penggunaan MPSAS memerlukan semua piawaian digunapakai dalam penyediaan Penyata Kewangan tahun semasa yang berakhir pada 31 Disember 2023, penyata kewangan perbandingan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023, dan baki awal Penyata Kedudukan Kewangan pada tarikh peralihan kepada MPSAS memberi tiga tahun pengecualian terhadap penggunapakai retrospektif bagi sesetengah Piawaian.

(ii) PERDA telah mengguna pakai MPSAS yang berkenaan seperti di bawah bagi tahun kewangan semasa:

		Tarikh sebenar kuatkuasa
MPSAS 1	- Presentation of Financial Statements	01 Januari 2018
MPSAS 2	- Cash Flow Statements	01 Januari 2018
MPSAS 3	- Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors	01 Januari 2018
MPSAS 6	- Consolidated and Separate Financial Statements	01 Januari 2018
MPSAS 9	- Revenue from Exchange Transactions	01 Januari 2018
MPSAS 11	- Construction Contracts	01 Januari 2018
MPSAS 13	- Leases	01 Januari 2018
MPSAS 14	- Events After the Reporting Date	01 Januari 2018
MPSAS 17	- Property, Plant and Equipment	01 Januari 2018
MPSAS 19	- Provision, Contingent Liabilities and Contingent Assets	01 Januari 2018

(a) Asas Perakaunan (Samb.)

MPSAS 20	- Related Party Disclosure	01 Januari 2018
MPSAS 21	- Impairment of Non-Cash-Generating Assets	01 Januari 2018
MPSAS 23	- Revenue from Non-Exchange Transactions (Taxes & Transfers)	01 Januari 2018
MPSAS 24	- Presentation of Budget Information in Financial Statements	01 Januari 2018
MPSAS 25	- Employee Benefits	01 Januari 2018
MPSAS 26	- Impairment of Cash-Generating Assets	01 Januari 2018
MPSAS 28	- Financial Instruments: Presentation	01 Januari 2018
MPSAS 29	- Financial Instruments: Recognition and Measurement	01 Januari 2018
MPSAS 30	- Financial Instruments: Disclosure	01 Januari 2018
MPSAS 33	- First-Time Adoption of Accrual Basis MPSAS	01 Januari 2018

(iii) Mata Wang Fungsian dan Pembentangan

Penyata Kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang merupakan mata wang fungsian Kumpulan dan PERDA dan semua nilai dibundarkan kepada ribu yang terdekat, kecuali dinyatakan semula.

(b) Anggaran Perakaunan dan penilaian yang penting

Penyediaan penyata kewangan menghendaki pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi penggunaan dasar perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini. Anggaran dan andaian asas dikaji secara berterusan. Semakan kepada anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak semula dan dalam mana-mana tempoh masa depan terjejas.

(i) Penilaian yang dibuat dalam melaksanakan dasar-dasar perakaunan

Tidak terdapat bidang penilaian kritikal yang penting dalam melaksanakan dasar-dasar perakaunan yang mempunyai kesan penting ke atas jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

(b) Anggaran Perakaunan dan penilaian yang penting (Samb.)

(ii) Sumber utama ketidakpastian anggaran

Andaian utama mengenai masa depan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada akhir tempoh pelaporan yang mempunyai risiko ketara menyebabkan pelarasan material kepada nilai dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang dibincangkan di bawah.

(iii) Jangka hayat aset yang boleh disusutnilai

Loji dan jentera disusutnilai berdasarkan garis lurus sepanjang anggaran hayat kegunaannya. Pengurusan menganggarkan jangka hayat aset ini sehingga 5 tahun. Perubahan dalam tahap penggunaan dan perkembangan teknologi yang dijangka dapat memberi kesan kepada kehidupan berguna ekonomi dan nilai baki loji dan jentera. Oleh itu caj susut nilai pada masa hadapan boleh disemak semula.

(iv) Kemerosotan hartanah, loji dan peralatan

Kumpulan dan PERDA melakukan tinjauan kemerosotan apabila terdapat penunjuk rosot nilai untuk memastikan nilai bawaan loji dan peralatan tidak melebihi jumlah yang boleh diperolehi semula. Jumlah boleh diperolehi mewakili nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangkakan akan timbul daripada operasi berterusan. Oleh itu, apabila mencapai jumlah yang boleh diperolehi semula, penilaian pelaksanaan pengurusan dalam menganggarkan nilai kos masa hadapan, kadar pertumbuhan dan kadar diskaun.

(v) Kemerosotan nilai pinjaman dan penghutang

Kumpulan dan PERDA menilai pada akhir setiap tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas.

(b) Anggaran Perakaunan dan penilaian yang penting (Samb.)

(v) Kemerosotan nilai pinjaman dan penghutang (Samb.)

Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, Kumpulan dan PERDA mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian insolvensi atau kesulitan kewangan yang ketara dari penghutang dan kegagalan atau keterlambatan penting dalam pembayaran.

Di mana terdapat bukti objektif penurunan nilai, amaun dan masa aliran tunai masa hadapan dianggarkan berdasarkan pengalaman kerugian sejarah aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(vi) Kos Hartanah Pembangunan

PERDA mengiktiraf hasil dan perbelanjaan pembangunan hartanah dalam keuntungan atau kerugian dengan menggunakan kaedah peringkat penyiapan. Tahap penyiapan ditentukan oleh tinjauan kerja yang dilakukan.

Penghakiman penting diperlukan dalam menentukan tahap penyiapan, sejauh mana kos pembangunan hartanah yang ditanggung, anggaran jumlah hasil dan kos pembangunan harta, serta pemulihan projek-projek pembangunan. Dalam membuat penghakiman, PERDA menilai berdasarkan pengalaman masa lalu dan bergantung kepada kerja arkitek.

(c) Asas Penyatuan

(i) Subsidiari

Penyata kewangan yang disatukan meliputi penyata kewangan PERDA dan syarikat subsidiarinya yang telah disediakan sehingga akhir tahun kewangan.

(c) Asas Penyatuan (Samb.)

(i) Subsidiari (Samb.)

Subsidiari-subsidiari adalah entiti di mana PERDA mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

Subsidiari disatukan menggunakan kaedah perakaunan pengambilalihan. Di bawah kaedah perakaunan pengambilalihan ini, hasil daripada subsidiari yang diambilalih atau dilupuskan sepanjang tahun kewangan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan yang disatukan dari tarikh pelaksanaan pengambilalihan berkuatkuasa atau sehingga tarikh pelaksanaan pelupusan berkuatkuasa, mengikut kesesuaian.

Aset dan liabiliti subsidiari diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilan dan nilai ini ditunjukkan ke dalam lembaran imbangan yang disatukan. Perbezaan di antara kos pengambilalihan dan nilai saksama bahagian PERDA daripada aset bersih subsidiari yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan dimasukkan ke dalam lembaran imbangan yang disatukan sebagai Muhibbah ke atas penyatuan dan dicaj kepada penyata pendapatan pada tahun ia diambilalih atau rizab ke atas penyatuan dan tidak disusutnilaikan.

Transaksi di dalam Kumpulan, baki dan keuntungan belum direalisasi yang terhasil dihapuskan semasa penyatuan. Penyata kewangan disatukan hanya menggambarkan transaksi dengan pihak ketiga sahaja. Kerugian belum direalisasi telah dihapuskan semasa penyatuan melainkan kos tersebut tidak boleh dikutip semula. Kepentingan pemegang saham minoriti dinyatakan pada nisbah minoriti ke atas nilai saksama aset dan liabiliti yang diiktiraf.

Di mana perlu, pelarasan dibuat ke atas penyata kewangan entiti-entiti subsidiari untuk memastikan keseragaman polisi perakaunan dibandingkan dengan Kumpulan.

(c) Asas Penyatuan (Samb.)

(ii) Entiti Bersekutu

Entiti bersekutu adalah entiti di mana PERDA mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan di mana ia melaksanakan pengaruh penting tetapi tiada kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi.

Pelaburan dalam entiti-entiti bersekutu dinyatakan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti berdasarkan penyata kewangan terakhir yang telah diaudit atau penyata kewangan pengurusan entiti-entiti bersekutu tersebut. Perakaunan ekuiti melibatkan pengiktirafan bahagian keuntungan/ (kerugian) entiti-entiti bersekutu pada tahun kewangan tersebut. Pelaburan PERDA di dalam entiti bersekutu dibawa ke dalam lembaran imbangan pada amaun yang menggambarkan bahagian aset bersih entiti bersekutu dan termasuk Muhibbah ke atas pengambilalihan. Perakaunan ekuiti tidak akan diteruskan bilamana nilai yang dibawa di dalam entiti bersekutu mencecah sifar, melainkan Kumpulan mempunyai obligasi atau obligasi jaminan di dalam entiti bersekutu.

Untung belum direalisasi di dalam transaksi di antara Kumpulan dan entiti-entiti bersekutu telah dihapuskan sehingga tahap kepentingan Kumpulan di dalam entiti tersebut. Rugi belum direalisasi juga dihapuskan melainkan kos tidak dapat dipulihkan.

Di mana perlu, pelarasan dibuat ke atas penyata kewangan entiti-entiti bersekutu untuk memastikan keseragaman polisi perakaunan dibandingkan dengan Kumpulan.

(d) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul. Hartanah, loji dan peralatan yang dipermodalkan adalah yang bernilai RM2,000 ke atas mulai tahun 2014.

(d) Hartanah, Loji dan Peralatan (Samb.)

Keuntungan atau kerugian dari pelupusan aset ditentukan melalui perbezaan di antara angaran hasil jualan bersih dan nilai aset yang dibawa dan diambilkira ke dalam penyata pendapatan.

Selain daripada kerja dalam pelaksanaan dan tanah, hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan berdasarkan garis lurus untuk menghapuskan kos harta dalam jangkamasa hayat kegunaan harta-harta tersebut. Susut nilai bagi dikenakan pada bulan di mana hartanah, loji dan peralatan itu dibeli.

Untuk mengiktiraf kerja dalam pelaksanaan sebagai aset, ia harus memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Terdapat bukti kukuh kerja telah dimulakan
- Kos yang ditanggung boleh dikenal pasti dan di ukur dengan tepat
- Projek mempunyai potensi untuk memberikan pendapatan pada masa hadapan
- Risiko dan manfaat projek belum dipindahkan sepenuhnya kepada pelanggan

Kerja dalam pelaksanaan tidak disusutnilaikan dan dipindahkan ke kategori hartanah, loji dan peralatan apabila kerja pembinaan tamat.

Kadar-kadar susut nilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

Ubahsuai Bangunan Pejabat	20% - 100% setahun
Motor Kenderaan	20% setahun
Perabot dan Lengkapan	10% setahun
Alatan Pejabat	10% setahun
Alat Audio dan Fotografi	20% setahun
Bangunan Tetap	2% - 20% setahun
Bangunan Sementara	20% - 100% setahun
Kemudahan-Kemudahan	100% setahun
Kenderaan dan Jentera	20% setahun
Kelengkapan & Alatan Hotel	10% setahun
Harta-Harta Modal Yang Lain	20% setahun

(d) Hartanah, Loji dan Peralatan (Samb.)

Tanah Milik Bebas	Tidak disusutnilaikan
Tanah Pajakan	99 tahun atau mengikut usia pajakan
Infrastruktur dan Fasiliti	2% setahun

Tanah pajakan dilunas mengikut usia pajakannya. Pelunasan tanah pajakan yang dibiayai daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan adalah dihapuskira terhadap peruntukan Kerajaan Persekutuan. Manakala pelunasan tanah pajakan yang dibiayai dari pinjaman Kerajaan Persekutuan atau sumber sendiri adalah dihapuskira dalam Penyata Prestasi Kewangan.

(e) Tanah Dipegang Untuk Pembangunan

Tanah dipegang untuk pembangunan terdiri dari tanah yang ditetapkan untuk dimajukan di masa depan dan ianya dinyatakan pada kos. Kos adalah termasuk kos tanah dan perbelanjaan pembangunan yang berkaitan dengan pembiayaan ke atas tanah dan pembangunan. Kos akan diklasifikasikan sebagai hartanah pembangunan apabila kerja-kerja pembangunan yang penting telah dijalankan dan dijangka akan disiapkan dalam pusingan aktiviti yang normal atau apabila ianya dimaksudkan untuk dijual sebagai tanah kosong.

(f) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan terdiri dari bangunan yang dibuat untuk tujuan disewakan dan tidak diduduki oleh Kumpulan dan PERDA dan ianya diiktiraf pada nilai kos. Hartanah pelaburan dianggap sebagai pelaburan jangka panjang dan dinyatakan pada nilai buku bersih dengan kadar susut nilai tahunan 2 peratus ke atas harga kos hartanah pelaburan tidak termasuk kos tanah. Model kos digunakan untuk mengukur nilai hartanah pelaburan selepas ia diiktiraf.

Semasa pelupusan hartanah pelaburan, perbezaan antara terimaan bersih dari pelupusan dan nilai dibawa adalah dikenakan atau dikreditkan ke Penyata Prestasi Kewangan.

(g) Hartanah Pembangunan

Hartanah pembangunan adalah hartanah yang mana kerja-kerja pembangunan yang penting telah dijalankan dan dijangkakan akan disiapkan dalam pusingan aktiviti yang normal atau biasa.

Hartanah pembangunan adalah dinyatakan pada kos tambah keuntungan yang boleh diperolehi tolak jangkaan kerugian dan bil-bil kemajuan yang berkenaan. Kos termasuk kos tanah dan kos pembangunan secara langsung dan lain-lain kos pembangunan yang berkaitan dengan pembiayaan bagi pembangunan. Keuntungan yang boleh diperolehi dan jangkaan kerugian akan dikontrakan dengan kos pembangunan yang berkaitan.

(h) Penghutang

Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasi. Peruntukan hutang ragu dibuat berdasarkan anggaran jangkaan kerugian yang mungkin timbul dari akaun-akaun penghutang yang tidak dapat dikutip. Anggaran ke atas peruntukan hutang ragu telah dibuat berdasarkan ke atas semakan amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan. Hutang lapuk pula dihapuskira pada tempoh ianya dikenalpasti.

(i) Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai lebih rendah antara kos dan nilai boleh realisasi bersih. Inventori terdiri daripada rumah, rumah kedai dan bangunan siap dibina serta lot industri.

Kos termasuk di mana wajar, sebahagian kos pasti yang berkenaan dan adalah ditentukan berdasarkan purata pertimbangan atau di atas dasar pengenalan yang tertentu.

(j) Cukai Tertunda

Perbelanjaan cukai dalam keuntungan atau kerugian merangkumi cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa dan cukai tertunda diiktiraf dalam untung rugi kecuali pada tahapnya ia berkaitan dengan perkara yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti atau pendapatan komprehensif lain.

Cukai semasa adalah cukai yang dijangka yang perlu dibayar atau boleh diterima atas pendapatan atau kerugian yang boleh dikenakan cukai bagi tahun ini, menggunakan kadar cukai yang digubal atau digubal secara substantif pada akhir tempoh pelaporan, dan sebarang pelarasan kepada cukai yang kena dibayar berkenaan dengan tahun-tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti untuk semua perbezaan sementara di antara nilai bawaan aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan dan asas cukai mereka. Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan untuk perbezaan sementara dan sebaliknya berdasarkan undang-undang yang telah digubal atau digubal pada akhir tempoh pelaporan. Pengukuran cukai tertunda adalah berdasarkan kepada jangkaan realisasi atau penyelesaian jumlah bawaan aset dan liabiliti, pada akhir tempoh pelaporan. Aset dan liabiliti cukai tertunda tidak didiskaunkan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi jika terdapat kebenaran yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangi liabiliti dan aset cukai semasa, dan ia berkaitan dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama ke atas entiti kena cukai yang sama, atau di entiti cukai yang berbeza, tetapi jika berhasrat untuk menyelesaikan liabiliti dan aset cukai semasa secara bersih atau aset dan liabiliti cukai ia akan direalisasikan serentak. Aset cukai tertunda diiktiraf setakat kemungkinan keuntungan boleh dicukai masa depan akan tersedia yang mana perbezaan sementara boleh digunakan. Aset cukai tertunda akan dikaji semula pada akhir setiap tempoh pelaporan dan dikurangkan sehingga tiada lagi kemungkinan manfaat cukai berkaitan akan direalisasikan.

(k) Geran Kerajaan

Pemberian Kerajaan Persekutuan adalah diiktiraf berdasarkan asas tunai. Pemberian Kerajaan Persekutuan bagi peruntukan Belanja Mengurus adalah diambilkira sebagai pendapatan. Pemberian Kerajaan Persekutuan bagi peruntukan Kemudahan Pengurusan di bawah Belanjawan Pembangunan adalah diambilkira sebagai pendapatan. Pemberian Kerajaan Persekutuan bagi peruntukan Kemudahan Pembangunan di bawah Belanjawan Pembangunan adalah diambilkira sebagai pendapatan tertunda.

(l) Manfaat Pekerja

(i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambilkira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja yang mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

(ii) Pelan Sumbangan Terancang

Seperti yang diperuntukan oleh undang-undang, semua perbadanan di Malaysia membuat sumbangan kepada skim pencen dan kumpulan wang simpanan pekerja. Sumbangan tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

(m) Maklumat Bajet

Belanjawan tahunan disediakan pada asas tunai. Oleh kerana penyata kewangan disediakan pada asas akruan, Penyata Perbandingan Belanjawan dan Jumlah Sebenar adalah didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan mengikut asas yang sama seperti penyediaan belanjawan tahunan dan meliputi bajet operasi sahaja.

(n) Pengiktirafan Pendapatan

i. Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran:

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

- Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan mengikut obligasi sesuatu projek yang telah siap, aset yang dibeli dan dibelanja pakai habis.

(n) Pengiktirafan Pendapatan (Samb.)

ii. Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran:

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti. Pengiktirafan pendapatan untuk projek-projek perumahan dibuat mengikut dasar peratusan penyiapan. Pendapatan dari pembangunan tanah PERDA melalui usahasama diiktirafkan mengikut jadual pembayaran yang terkandung di dalam perjanjian usahasama.

Pendapatan sewaan dan pajakan diiktiraf berdasarkan asas akruan selaras dengan perjanjian yang telah dipersetujui di antara pihak PERDA dan penyewa/pemajak. Pendapatan keuntungan simpanan tetap dan semasa diiktiraf apabila ianya diterima.

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pendapatan tersebut diperolehi. Pendapatan-pendapatan lain diiktiraf apabila perkhidmatan tersebut diberikan.

(o) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai adalah termasuk pelaburan dalam simpanan tetap di bank-bank berlesen, baki bank dan tunai.

(p) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan yang dinyatakan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan termasuk simpanan tetap di bank-bank berlesen, baki dalam tunai dan di bank, penghutang dan pemiutang. Kaedah pengiktirafan yang digunapakai telah dinyatakan di dalam penyata polisi perakaunan yang berkaitan dengan setiap item yang terlibat.

(p) Instrumen Kewangan (Samb.)

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai liabiliti atau ekuiti selaras dengan inti perjanjian kontrak. Bunga, faedah, keuntungan dan kerugian yang berkaitan dengan sesuatu instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai liabiliti, dinyatakan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan diselaraskan apabila Lembaga mempunyai hak secara sah untuk menyelaraskan amaun yang diiktiraf dan bercadang untuk menyelesaikannya samada berdasarkan asas bersih atau dengan merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti tersebut secara serentak.

(q) Rosot nilai Aset

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, nilai dibawa bagi hartanah, loji dan peralatan dan pelaburan dalam syarikat bersekutu akan diteliti untuk menentukan samada terdapat sebarang petunjuk yang aset-aset telah mengalami kerugian rosot nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan nilai yang diperolehi dari aset tersebut. Jumlah yang boleh diperolehi adalah jumlah yang tertinggi di antara harga jualan bersih dan nilai digunapakai, di mana ianya dikira dengan merujuk kepada aliran tunai hadapan didiskaunkan. Jumlah yang boleh diperolehi dari aset adalah dianggarkan untuk setiap aset, jika tidak, unit perolehan di mana aset tersebut digolongkan, digunakan.

Kerugian rosot nilai dicajkan kepada Penyata Prestasi Kewangan serta-merta. Sebarang kerugian rosot nilai bagi aset yang dinilai semula diiktiraf sebagai kurangan penilaian semula sehingga tahap lebihan penilaian semula aset sama yang telah diiktiraf sebelum ini. Pembalikan semua kerugian rosot nilai diiktiraf tahun terdahulu direkodkan bila terdapat petunjuk yang kerugian rosot nilai yang diiktiraf untuk aset tidak lagi wujud ataupun telah berkurangan. Pembalikan semula diiktiraf sehingga tahap nilai dibawa aset yang sepatutnya ditentukan seandainya tiada kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini. Pembalikan semula ini diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan serta-merta.

(r) Peruntukan Liabiliti

Peruntukan dibuat apabila Kumpulan atau PERDA menunjukkan obligasi yang sah dari segi undang-undang dan berdasarkan dari transaksi-transaksi yang lepas, yang memungkinkan aliran keluar sumber-sumber diperlukan untuk melangsaikan obligasi tersebut, dan bila anggaran munasabah bagi jumlah tersebut dapat dibuat.

(s) Liabiliti Luar Jangka

Jika wujud kebarangkalian aliran keluar manfaat ekonomi yang tidak akan diperlukan atau amaunnya tidak dapat dianggar pasti, obligasi tersebut tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan dan dinyatakan sebagai liabiliti luar jangka, melainkan kebarangkalian aliran keluar manfaat ekonomi adalah tipis.

Kemungkinan wujudnya obligasi hanya dapat disahkan sekiranya berlaku atau tidak berlaku satu atau lebih peristiwa masa depan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar manfaat ekonomi adalah tipis.

(t) Aset Luar Jangka

Apabila wujud kebarangkalian aliran masuk manfaat ekonomi atau amaunnya tidak boleh dianggar pasti, aset tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan dan didedahkan sebagai aset luar jangka, melainkan kebarangkalian aliran masuk manfaat ekonomi adalah tipis. Kemungkinan kelayakan kewujudan hanya dapat disahkan sekiranya berlaku atau tidak berlaku satu atau lebih peristiwa masa depan, ianya juga didedahkan sebagai aset luar jangka melainkan kebarangkalian aliran masuk manfaat ekonomi adalah tipis.

(u) Pihak Berkaitan

Pihak yang berkaitan dengan Kumpulan dan PERDA adalah: -

(a) Seseorang atau ahli keluarga terdekat yang mempunyai kaitan dengan Kumpulan dan PERDA jika:
   i. Mempunyai kawalan atau kawalan bersama ke atas Kumpulan dan PERDA;
   ii. Mempunyai pengaruh penting ke atas Kumpulan dan PERDA;
   iii. Adalah anggota kakitangan pengurusan utama.

Anggota keluarga terdekat ialah keluarga kumpulan dan PERDA yang mempengaruhi, atau dipengaruhi dalam urusan perniagaan.

(b) Pihak yang berkaitan dengan Kumpulan dan PERDA adalah seperti berikut: -

i. Pihak Berkaitan dan Kumpulan dan PERDA adalah ahli kumpulan yang sama (yang bermaksud bahawa setiap syarikat induk dan anak syarikat yang mempunyai kaitan bersama).
ii. Kedua-dua pihak mempunyai usahasama daripada pihak ketiga.
iii. Pihak Berkaitan mempunyai usahasama dengan pihak ketiga dan Pihak Berkaitan yang lain merupakan syarikat bersekutu pihak ketiga.
iv. Pihak Berkaitan yang mendapat selepas persaraan sama ada Pihak Berkaitan tersebut adalah Kumpulan dan PERDA atau yang berkaitan dengan Kumpulan dan PERDA. Jika Kumpulan dan PERDA mendapat manfaat selepas persaraan, majikan yang memberikan manfaat tersebut mempunyai kaitan dengan Kumpulan dan PERDA.
v. Pihak Berkaitan ini dikawal atau dikawal bersama oleh seseorang yang dikenalpasti dalam (a) di atas.
vi. Seseorang yang dikenalpasti dalam (a)(i) di atas mempunyai pengaruh penting ke atas Kumpulan dan PERDA atau merupakan anggota kakitangan pengurusan utama Kumpulan dan PERDA.

(u) Pihak Berkaitan (Samb.)

vii. Pihak Berkaitan atau mana-mana ahli Syarikat yang mana ia menjadi sebahagian, menyediakan perkhidmatan kakitangan pengurusan utama kepada Kumpulan dan PERDA.

Pihak Berkaitan juga termasuk kakitangan pengurusan utama yang ditakrifkan sebagai orang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti Kumpulan dan PERDA sama ada secara lansung atau tidak lansung, termasuk mana-mana Ahli-ahli Perbadanan.

3. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Polisi pengurusan risiko kewangan berupaya memastikan sumber kewangan adalah mencukupi untuk pembangunan aktiviti Kumpulan dan PERDA disamping mengurus risikonya.

Polisi Kumpulan dan PERDA bagi aktiviti yang berisiko kewangan adalah seperti berikut:

(a) Risiko Kadar Faedah

Aliran tunai dan pendapatan Kumpulan dan PERDA adalah sebahagian besarnya bebas dari perubahan kadar faedah pasaran memandangkan Kumpulan dan PERDA tidak mempunyai sebarang pinjaman daripada institusi kewangan berlesen. Pendedahan risiko kadar faedah hanya berlaku daripada simpanan tetap Kumpulan dan PERDA dengan institusi kewangan berlesen.

Pendedahan risiko ini juga adalah di paras minima kerana tempoh matang yang pendek untuk kesemua simpanan tetap berkenaan.

(b) Risiko Kredit

Pendedahan risiko kredit adalah tidak ketara untuk Kumpulan dan PERDA kerana jumlah kredit yang diberi kepada pelanggan adalah tidak signifikan dan dikawal melalui prosedur yang nyata.

3. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (Samb.)

(b) Risiko Kredit (Samb.)

Oleh itu, pihak pengurusan yakin bahawa tiada risiko kredit selain daripada jumlah yang diluluskan dan dibenarkan untuk dikutip.

(c) Risiko Pasaran

Kegiatan utama PERDA adalah memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan ekonomi, sosio-ekonomi dan infrastruktur dalam kawasan operasi dan tidak bermotifkan keuntungan. Oleh itu, pendedahan kepada risiko pasaran adalah minima.

(d) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Kumpulan dan PERDA berupaya menyediakan jumlah tunai dan tunai setara yang mencukupi untuk memenuhi keperluan modal kerja. Sebarang lebihan dana akan dilabur di dalam simpanan tetap di institusi kewangan berlesen pada kadar faedah yang paling kompetitif.

4. HARTANAH PEMBANGUNAN

	KUMPULAN		PERDA	
	2023 RM	2022 (Dinyatakan Semula)	2023 RM	2022 RM
Kos Projek Pembangunan Pada 1 Januari				
Tanah Milik Bebas	9,275,904	9,275,904	5,685,650	5,685,650
Perbelanjaan Pembangunan	52,265,171	14,992,731	9,556,834	11,401,750
	61,541,075	**24,268,635**	**15,242,484**	**17,087,400**
Tambahan Kos Dalam Tahun Semasa:				
Tanah Milik Bebas	-	4,570,937	-	4,570,937
Perbelanjaan Pembangunan	3,403,870	39,716,993	3,403,870	599,638

4. HARTANAH PEMBANGUNAN (Samb.)

	KUMPULAN		PERDA	
	2023 RM	2022 (Dinyatakan Semula)	2023 RM	2022 RM
Kekurangan Dalam Tahun Semasa:				
Pelarasan kos pembangunan:				
Perbelanjaan Pembangunan	(1,775,961)	(2,444,553)	(112,751)	(2,444,554)
Pindahan ke Kos Rumah Siap				
- Pembangunan	-	-	-	-
- Tanah	-	(4,570,937)	-	(4,570,937)
Pindahan Ke Inventori	-	-	-	-
	63,168,984	**61,541,075**	**18,533,603**	**15,242,485**
Tanah Milik Bebas	9,275,904	9,275,904	5,685,650	5,685,650
Perbelanjaan Pembangunan	53,893,080	52,265,171	12,847,953	9,556,834
	63,168,984	**61,541,075**	**18,533,603**	**15,242,484**

5. INVENTORI

	KUMPULAN		PERDA	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
Pada Kos:				
Lot Industri	2,458,020	3,242,377	2,458,020	3,242,377
Tanah Perumahan Tok Alang	299,433	299,433	299,433	299,433
Perumahan Taman Sungai Bakap	-	294,142	-	294,142
Rumah Kedai Taman Sungai Bakap	865,566	865,566	865,566	865,566
Rumah Taman Desa Ara	4,171,200	-	4,171,200	-
	7,794,219	**4,701,518**	**7,794,219**	**4,701,518**

6. PENGHUTANG PERNIAGAAN

	KUMPULAN		PERDA	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
1-180 hari	70,905	52,866	70,905	52,866
181-360 hari	10,316,319	362,333	10,316,319	362,333
Lebih 361 hari	1,171,509	2,646,735	1,171,509	2,646,735
Jumlah Penghutang	11,558,733	3,061,934	11,558,733	3,061,934
(Tolak) Peruntukan Hutang Ragu	(1,005,841)	(1,086,825)	(1,005,841)	(1,086,825)
	10,552,892	**1,975,109**	**10,552,892**	**1,975,109**

Terma perdagangan kredit biasa yang diberikan oleh PERDA kepada penghutang adalah 30 hari.

7. PENGHUTANG TABUNG AKAUN KHAS MAJLIS PEMBANGUNAN BUMIPUTERA PULAU PINANG (MPBPP)

	KUMPULAN / PERDA	
	2023 RM	2022 RM
